PROSIDING

PERSIDANGAN KEBANGSAAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN 2015

National Conference On Engineering Technology (NCET) 2015

'Bridging Technology Into The Future'

Volume 3, 2015

Jabatan Tenaga Manusia
Kementerian Sumber Manusia

PROSIDING

PERSIDANGAN KEBANGSAAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN 2015

NATIONAL CONFERENCE ON ENGINEERING TECHNOLOGY (NCET) 2015

Cetakan Pertama 2015

Harga: RM 90.00

ISBN: 978-967-99984-5-0

Diterbitkan Oleh:

Jabatan Tenaga Manusia
Kementerian Sumber Manusia

Aras 6 Blok D4 Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 W.P. Putrajaya
Tel: 03-8886 5555
Faks: 03-88892417
Laman web: www.jtm.gov.my

Diurus Cetak Oleh:

Institut Latihan Perindustrian (ILP) AP Nibong Tebal

PROSIDING

PERSIDANGAN KEBANGSAAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN 2015

National Conference on Engineering Technology (NCET) 2015
'Bridging Technology Into The Future'

14 - 15 September 2015
ADTEC, Taiping, Perak

URUSETIA PENERBITAN
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)

PENGANJUR
Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM)

KANDUNGAN

PRAKATA iii

KATA ALUAN
YBhg. Dato' Chin Phaik Yoong, Ketua Pengarah JTM iv

JAWATANKUASA PERLAKSANAAN PERSIDANGAN v

UCAPTAMA vi
Ucaptama 1 :
Tajuk : Perkembangan Masa Hadapan Kerjaya Teknologi Kejuruteraan
Oleh : YBhg. Professor Dr. Abd. Rashid Abd. Aziz
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Teknologi Petronas (UTP) viii
Ucaptama 2 :
Tajuk: Sistem Perlindungan Harta Intelek di Malaysia
Oleh : Hj Norman bin Kusin
Pengarah (Pembangunan Kemahiran), Jabatan Tenaga Manusia xii

KATEGORI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIKAL / ELEKTRONIK / TELEKOMUNIKASI 1
E01: Rekabentuk Pembezaan Penuh Penguat Kendalian Transkonduktan (OTA) dengan Rangkaian Suapbalik Ragam Sepunya (CMFB) 3
E02: Electrical Bleeding System 20
E04: Carbon Dioxide Testing and Monitoring Via SMS 26
E05: Pembinaan Sistem Penerima Radio Melalui Serakan Meteor 34
E06: Development of Cost Effective PLC Training Kit by Using Arduino Platform (PLCduino) 44
E07: Performance Analysis of Gas Discharge Tube (GDT) at Telecommunication Drop Wire Termination System 53
E08: Smart Vehicle Child Safety System 58
E10: Development on DC Grass Cutter 65
E11: Development on 3S Generator 70
E12: The Effect of Electromagnetic Force (EMF) Radiation at Mobile Phone Base Station 73
E13: Sparring Kickboxing Machine 79
E14: Kesan Penggunaan Kit Pengujian Contactor dan Auxillary Contact terhadap Minat Pelajar sebagai Alat dan Bahan Bantuan Mengajar 86
E15: Home Integrated System for Surveillances and Automation using NFC Technology 92
E16: Keys Protection System 102
E17: Smart Genetic Algorithm Controller 110
E18: E-Basic Electricity For Beginner 116
E19: Solar Powered Lawn Mower 118
E20: Prototaip Sistem Amaran Kepala Air 120
E22: Application of Microwave Bandpass Filter as a Sensor 126
E26: Friendly Digital Incubator 132
E27: Switch Smart Phone 136
E29: Analyzing The Major Influential Factors That Affect The Deterioration of AGV Battery Performance 139
E30: Sistem Pemantauan Banjir 149
E31: Mesin Pengitar Semula Layan Diri 156
E32: Analysis on Handover Parameters in Femtocell LTE Based Network 162
E33: Performance Study of Wireless Body Area Network (WBAN) in Medical Environment 172
E35: Fabrication and Characterization of Metal Thin Film Produced By PVD Process 177

KATEGORI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL 189
M1: Effect of Welding Heat Input on The Microstructure and Mechanical Properties at Coarse Grain Heat Affected Zone (CGHAZ) of ABS Grade A Steel 191
M2: Modelling of Pad Support For Foot Osteoarthritis 201
M3: Reverse Engineering of Micro Light Aircraft Systems and Design 216
M4: Stress Intensity Factors of Edge Cracks in Dissimilar Joint Plates 222
M5: Merekabentuk dan Membangunkan Sebuah Mesin Tuangan Empar Mudah Alih 229
M6: Pemecah Kulit Telur Rebus 235
M7: Oil Filter Scrapper 239
M9: Performance Evaluation of R290 Propane Refrigerant at Existing R22 Air Conditioning System: Drop in Case Study 242
M10: The Effect of Storage on Some Fresh-Cut Fruits in Controlled Cooling Temperature and Ice Cubes 246
M11: Application of Solar Photovoltaic (PV) to Drive The Air Conditioning System at Residential House: A Preliminary Case Study 251
M12: Minimization of Spent Acid Waste from Galvanizing Plant in Malaysia 255
M13: Rekabentuk dan Fabrikasi Sateportwo 266
M14: Technology Management of Galvanised Iron in Active Fire Protection Components and System 274
M17: Study And Analyze The Optimum Parameters Of Wirecut-EDM (Sodick VZ 500l) For SKD11 Tool Steel Machining 284
M19: Effect of Wire-EDM Parameters on Machining Characteristics of Titanium Alloy (Ti6Al4V) Using Taguchi Method 294
M20: Mesin Bebola Daging Menggunakan Sistem Empat Penggelek 306
M21: Mould Insert Surface Roughness Optimization by Orthogonal Array Methodology in Electrical Discharge Machining 311

KATEGORI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PERCETAKAN / BUKAN LOGAM / HAL EHWAL LATIHAN KEMAHIRAN 319
O1: Pelaksanaan *Welding Qualification Test (WQT)* di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia(ILJTM) 321
O6: e-JUST (e-JTM Unified Sources Transaction): Manifestasi Terhadap Pusat Sumber dan Multimedia ILJTM 331
O10: Assessing Acceptance Sampling Application in Manufacturing Electrical and Electronics Products 336
O12: Kenaf-Epoxy Composites: Effects of Fiber Content and Kenaf Treatment on Mechanical Properties 348
O13: Flame Retardant Composite Product Via Pultrusion Process 358
O14: Kemahiran *Employability* Pelajar Diploma Teknologi Komputer Rangkaian di ILJTM 361
O15: Synthesis and Characterization of Porous MAS with Different Pore Content of PU Sponge For Catalyst Support Application 370

KATEGORI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN SIVIL 377
C03: Penggunaan *Glow Powder* Sebagai Bahan Tambah Pada Campuran Garisan Jalan Bagi Mengurangkan Penggunaan *Glass Beads* Dan *Cat Eyes* 379

KATEGORI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KOMPUTER / TEKNOLOGI MAKLUMAT 385
I4: Rural Wireless Communication & Network Using TV White Space Technology 387
I5: Internet Based Remote Fluid Ph Monitoring Using Iot Node 392
I6: Quadrant Directional Switching Equalization of Separated Plateau Limit Sub-Histograms for Local Content 400
I11: Remote AC Power Control Using Android 413

PRAKATA

NATIONAL CONFERENCE ON ENGINEERING AND TECHNOLOGY (NCET)

National Conference on Engineering Technology (NCET) adalah aktiviti perkongsian ilmiah melalui pembentangan kajian penyelesaian masalah dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Antara objektif utama penganjuran persidangan ini adalah untuk menggalakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan inovasi di kalangan para pensyarah kemahiran khususnya pensyarah ILJTM. Berikut adalah objektif persidangan iaitu:

i) Menggalakkan penyelidikan, pembangunan dan inovasi di kalangan pensyarah dan pengajar melalui pembentangan kajian penyelesaian masalah dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.
ii) Menyokong, menggalak dan menambah penerbitan teknikal oleh mana-mana institusi pengajian tinggi dan institusi latihan yang berteraskan teknologi dan kemahiran.
iii) Perkongsian pengetahuan, kemahiran dan kepakaran melalui pembentangan kertas kerja persidangan.

Selaras dengan dasar kerajaan terhadap Pendidikan Teknikal & Latihan Vokasional (TVET), dengan bertemakan "*Bridging Technology into The Future*", NCET 2015 turut mendapat penyertaan daripada tenaga pengajar atau pensyarah dalam bidang Teknik dan Vokasional daripada Politeknik, Kolej komuniti, IPTA serta ILKA selain daripada pengajar dan pensyarah Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). NCET berjaya dilaksanakan buat pertama kalinya pada tahun 2011 dimana pembentangan kertas persidangan adalah sebanyak 61 kertas persidangan manakala pada tahun 2013 sebanyak 68 kertas persidangan telah dibentangkan. NCET 2015 yang telah diadakan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping pada 14-15 September 2015 telah menerima sebanyak 87 kertas persidangan dari warga ILK dan TVET dan 63 kertas persidangan terpilih untuk pembentangan yang dikategorikan kepada lima (5) bidang iaitu:

1. Mechanical Engineering Technology;
2. Electrical, Electronic & Telecommunication Engineering Technology;
3. Computer & Information Technology;
4. Civil Engineering Technology; dan
5. Non-metal Engineering, Printing & Training Institutes Issues.

KATA ALUAN

YBhg. Dato' Chin Phaik Yoong
Ketua Pengarah JTM

Prosiding
National Conference On Engineering Technology (NCET) 2015

Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia

JTM telah berjaya mengadakan Persidangan Kebangsaan Teknologi Kejuruteraan (National Conference on Engineering Technology - NCET) 2015 untuk kali ke-3 pada 14 dan 15 September 2015, bertempat di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping, Perak Darul Ridzuan. Saya ingin merakamkan ribuan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan persidangan tersebut yang telah diadakan khas bersempena dengan Karnival Teknologi JTM Peringkat Kebangsaan.

Persidangan seumpama ini telah menampakkan bakat pensyarah ILK dan TVET dalam penyelidikan, pembangunan dan inovasi daripada pelbagai bidang dimana telah dipamerkan dalam persidangan NCET 2015 ini dengan pembentangan sebanyak 63 kertas persidangan. Semoga ia terus kekal dan terus menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan di masa akan datang.

NCET 2015 telahpun berjalan dengan jayanya dengan kerjasama pelbagai pihak. Adalah diharapkan agar persidangan seterusnya akan mendapat penyertaan daripada lebih banyak institusi pengajian tinggi dan institusi latihan kemahiran (awam dan swasta) dan juga sektor lain yang berkaitan demi untuk memartabatkan pendidikan dan latihan dalam bidang teknologi dan kemahiran vokasional di Malaysia ini.

Akhir kalam, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Persidangan Kebangsaan Teknologi Kejuruteraan (NCET) yang ke-3 tahun 2015 dan seterusnya membolehkan prosiding ini diterbitkan.

Sekian, terima kasih.

(DATO' CHIN PHAIK YOONG)

KETUA PENGARAH
JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

JAWATANKUASA PERLAKSANAAN PERSIDANGAN

PENAUNG : YBhg. Dato' Chin Phaik Yoong
Ketua Pengarah JTM

PENGERUSI : Tn. Hj. Syed Mohamad Noor bin Syed Mat Ali
Timbalan Ketua Pengarah JTM

JAWATANKUASA TEKNIKAL

PENGERUSI : En. Zaihan bin Shukri
NAIB PENGERUSI : En. Mohd Manoj bin Jumidali
AHLI :

1. Ir. Halim Azhar bin Hj Mohd Yatim
2. En. Ahmad Hanapi bin Yusof
3. Tn. Hj. Sabri bin Zainuddin
4. Tn. Hj. Azman Bin Hj. Ibrahim
5. En. Zamzuri bin Hassan
6. Pn. Junnaina bt Husin Chua
7. En. Muzafar Shah bin Mohd Shah
8. En. Mohd Yusri bin Mohd Rahim
9. En. Munirshah bin Sumiri
10. Tn. Hj. Mohd Zaibidi bin Nordin
11. Hjh. Syamsiah bt Salleh
12. En. Azizi bin Bahari
13. En. Mohamad Safri bin Mohd Dali
14. Pn. Norhayati bt Ishak
15. Cik Nurul Hanida bt Abd. Wahab
16. Pn. Mariam bt Mohamed
17. En. Sakundan A/L Subramaniam
18. Tn. Hj. Mohd Faizal Bin Tokeran
19. Pn. Nor Azlina bt Ismail
20. Cik Hjh Marina bt Sukor
21. Pn. Siti Aidah bt Wardi

URUSETIA PERSIDANGAN

1. Pn. Faizah bt Harun
2. Pn. Rd Khairina bt Khirotdin
3. Pn. Intan Sharfinas bt Mohd Nasir
4. Pn. Norhidayati bt Nordin
5. Tn. Sheikh Ezamuddin bin Sheikh Mohd Mutaffa

UCAPTAMA

UCAPTAMA

Ucaptama 1 :

Tajuk : Perkembangan Masa Hadapan Kerjaya Teknologi Kejuruteraan

Oleh : YBhg. Professor Dr. Abd. Rashid Abd. Aziz
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Teknologi Petronas (UTP)

Yang berusaha Tuan Pengerusi Majlis, yang dihormati Pengarah ADTEC, Encik Ir Halim Azhar, dif-dif jemputan, wakil-wakil jabatan kerajaan, universiti dan pusat latihan, para pensyarah dan pelajar-pelajar, serta tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam satu Malaysia.

Saya berasa amat berbesar hati dan berterima kasih di atas jemputan pihak penganjur untuk memberikan ucaptama pada persidangan pagi ini, iaitu Persidangan Kebangsaan Teknologi Kejuruteraan Kali Ke-3 ataupun *"The 3rd National Conference on Engineering Technology"* yang diadakan atas tujuan untuk memupuk sifat-sifat cemerlang dan berinovasi di kalangan pensyarah-pensyarah, para teknologis, juruteknik dan pelajar-pelajar.

Tajuk syarahan saya pada pagi ini ialah "Perkembangan Masa Hadapan Kerjaya Teknologi Kejuruteraan". Saya rasa tajuk ini sesuai dengan tema persidangan kita pada hari ini, iaitu *"Bridging Technology into The Future"*.

Sebelum saya pergi dengan lebih lanjut kepada topik syarahan ini, ingin saya menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada rancangan-rancangan pembangunan pendidikan yang telah dirombak oleh kerajaan dan Kementerian Pendidikan untuk menambah-baikkan sistem pendidikan di negara kita ini.

Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, pihak Kementerian Pengajian Tinggi baru-baru ini telah pun memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi). Terkandung di dalam pelan ini ialah sepuluh lonjakan, di mana salah satu daripada sepuluh lonjakan ini ialah meningkatkan kualiti pendidikan TVET iaitu Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, sesuai dengan hasrat kerajaan dan kementerian untuk melahirkan insan seimbang dari segi akhlak dan ilmu yang bukan sahaja boleh mencari pekerjaan, malah boleh mencipta pekerjaan baru atau mencipta perusahaan baru melalui ciri-ciri pemikiran keusahawanan dan kepakaran yang diperolehi semasa dalam pengajian di universiti dan pusat-pusat latihan serantau.

Lonjakan ini adalah perlu untuk menampung keperluan pekerja-pekarja mahir di dalam jurusan teknikal dan vokasional yang dijangkakan akan meningkat kepada 1.3 juta pekerja menjelang tahun 2020 di dalam 12 sektor Bidang Ekonomi Utama Negara atau lebih dikenali dengan panggilan NKEA (iaitu *National Key Economic Area*). Untuk memenuhi keperluan tenaga kerja ini, enrolmen dalam TVET perlu dipertingkatkan kepada dua setengah kali ganda iaitu sebanyak 650,000 pelajar menjelang 2025. Di masa hadapan, kita akan dapati bahawa pekerjaan dalam TVET adalah sama penting dalam fungsi untuk menaiktarafkan negara kita kepada negara membangun sepenuhnya menjelang 2020.

Ingin saya menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada satu tarikh sepuluh tahun yang lepas, di mana Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkau Tahun 2020 di mana salah satu daripada tujuh teras dalam pembangunan pendidikan tinggi negara adalah untuk membudayakan pembelajaran sepanjang hayat atau "*life-long learning*".

Cabaran ini banyak digalas oleh IPT, politeknik dan kolej komuniti untuk menyediakan ruang dan peluang terutamanya untuk pelajar-pelajar lepasan SPM untuk meningkatkan tahap pembelajaran dan kepakaran ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu dari pengajian di peringkat sijil dan diploma, kepada pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana, dan seterusnya ke peringkat doktor falsafah.

Saya berpendapat bahawa strategi ini adalah amat tepat dan berkesan kepada halatuju TVET kerana ia memberi peluang kepada graduan TVET untuk meningkatkan kepakaran di dalam bidang masing-masing di samping terus bekerja. Graduan TVET saya lihat adalah lebih kepada "*hands-on*" dan praktikal dan dengan itu dapat memilih bidang pengajian yang lebih menjurus kepada kepakaran yang dikehendaki oleh majikan. Ini akan dapat menaikkan daya saing graduan TVET dan meningkatkan mutu produk yang dimajukan oleh usahawan-usahawan kerana mereka telah mempunyai kepakaran yang tinggi dan tidak perlu lagi dilatih.

Saya yakin bahawa graduan TVET akan dapat memenuhi hasrat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara membangun yang mempunyai masyarakat yang saintifik dan progresif, innovatif dan memandang ke hadapan, serta bukan sahaja pengguna teknologi, tetapi sebagai penyumbang kepada sains dan teknologi untuk masyarakat masa hadapan.

Jadi, apakah ciri-ciri yang dapat memupuk perkembangan masa hadapan kerjaya teknologi kejuruteraan? Saya akan mengolah ciri-ciri ini dari 4 haluan :

Haluan Pertama - Sifat (atau *Attributes*) kerjaya Teknologi Kejuruteraan di masa hadapan

Haluan Kedua - Tahap pendidikan (atau *Qualifications*) kerjaya Teknologi Kejuruteraan di masa hadapan

Haluan Ketiga - Laluan Kerjaya (atau *Career Path*) Teknologi Kejuruteraan di masa hadapan

dan Haluan Keempat - Watak (atau *Character*) kerjaya Teknologi Kejuruteraan di masa hadapan

Pertama, dari segi sifat atau "*attributes*", ingin saya mengambil sedikit pendekatan yang telah dilakukan di UTP dalam visi kami untuk melahirkan graduan serba boleh atau lebih dikenali dengan "*well-rounded graduates*". Graduan serba boleh UTP mempunyai beberapa sifat tertentu yang dibentuk semasa pelajar-pelajar ini berada di kampus UTP. Antara sifat-sifat tersebut yang saya kira relevan juga untuk kerjaya teknologi kejuruteraan ialah :

1. Kebolehan Belajar Sepanjang Hayat
2. Berfikiran Kritis
3. Celik Perniagaan (*Business Acumen*)
4. Kebolehan Menyelesai Masalah

Jika sekarang kita menjangkakan bahawa di dalam kerjaya teknologi kejuruteraan, graduan TVET mempunyai sifat-sifat seperti :

1. Boleh mengendalikan peralatan dengan cekap
2. Boleh mengawal selia peralatan
3. dan boleh membaik pulih peralatan dengan cekap

maka di masa akan datang, menjangkau 2020 hingga 2030, graduan TVET dijangkakan :

1. Bukan sahaja boleh mengendalikan peralatan, tetapi dapat menyarankan atau mengesyorkan penambahbaikan kepada pengendalian peralatan dengan inovasi pada proes-proses atau pada pengurangan penggunaan bahan dan tenaga.
2. Graduan TVET bukan sahaja boleh mengawal selia peralatan, tetapi dapat mengubah suai dan menambah baik peralatan untuk meningkatkan prestasi peralatan tesebut dari segi kebolehan dan keberkesanan.
3. Graduan TVET juga bukan sahaja boleh membaik pulih peralatan, tetapi dapat membuat jangkaan tentang keboleh-peranan peralatan dan mengenal pasti kebolehpercayaan (*reliability*) dan risiko peralatan.

Graduan TVET saya jangkakan akan mengendalikan peralatan yang lebih kompleks dan canggih di masa hadapan. Sekiranya sekarang graduan TVET dapat mengendalikan peralatan seperti *3-axis CNC lathe & turning machine*, maka di masa hadapan, mereka perlu bekebolehan mengendalikan peralatan *5-axis CNC machine* dan juga peralatan canggih seperti *Rapid Prototyping Machine*, *Laser Sintering Machine* dan sebagainya . Ini adalah kerana di negara-negara yang sudah membangun di mana mereka mencipta dan mereka bentuk teknologi-teknologi baru, peralatan canggih ini dikendalikan oleh graduan TVET yang berkemahiran tinggi.

Untuk mencapai ke arah ini, graduan TVET perlu mempertingkatkan kelayakan mereka lebih dari memegang sijil kebolehan dan diploma. Ini adalah ciri kedua kerjaya teknologi kejuruteraan di masa akan datang di mana saya menjangkakan graduan TVET perlu untuk mempunyai kelayakan di peringkat sarjana muda, sarjana sehinggalah ke peringkat ijazah kedoktoran.

Ini bukanlah sesuatu yang mustahil, kerana saya mendapati hasil dari lawatan ke makmal-makmal dan pusat-pusat kecemerlangan baik di universiti-universiti terkemuka luar negara dan industri-industri yang tersohor, kebanyakan pekerja-pekerja yang berkait dengan peralatan canggih ini mempunyai ijazah kedua atau ketiga. Mereka menyumbang di dalam kerja-kerja pembangunan teknologi bukan setakat sebagai pengendali peralatan tersebut, tetapi dikira sebagai salah seorang ahli di dalam kumpulan pembangunan teknologi kerana kepakaran tinggi yang dimiliki oleh mereka. Kebanyakan mereka ini dilahirkan dari sistem yang mirip seperti TVET.

Contohnya sistem pembelajaran KOSEN di Jepun telah dapat melahirkan ramai teknologis mahir. Sebahagiannya dapat menyambung pengajian mereka di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Buktinya, pemegang kursi professor Teknologi Hijau di UTP sendiri adalah seorang Professor berkelayakan PhD yang dihasilkan dari sistem KOSEN. Walaupun ini adalah satu contoh terpencil, ia tetap menunjukkan bahawa mereka yang melalui sistem ini mempunyai peluang yang sama dalam meningkatkan tahap pengajian masing-masing dan boleh menyumbang kepada pembangunan negara. Malah saya sendiri mendapati Professor dari Jepun ini adalah seorang yang sangat mahir dari segi "*hands-on*" kerana beliau boeh membina sendiri peralatan penyelidikannya.

Satu lagi sistem yang mirip kepada TVET ialah sistem *Fachhochschulen* di Germany. Sistem ini yang mementingkan aspek praktikal di dalam pembelajaran menghendaki pelajar-pelajarnya meluangkan masa beberapa semester dalam latihan industri, di samping sistem pembelajaran yang lebih mementingkan aspek praktikal dan penyelesaian kepada masalah daripada aspek teori dan analisis. Sistem ini juga memerlukan tenaga pengajarnya mempunyai pengalaman industri yang luas. Malah pensyarah mereka adalah diwajibkan untuk berkhidmat di industri selama sekurang-kurangnya 6 bulan setiap 4 tahun untuk memastikan pengalaman industri mereka adalah relevan dan terkini. Di Germany, graduan *Fachhochschulen* membentuk lebih dari 20% dari jumlah graduan IPT.

Saya mencadangkan graduan TVET yang mempunyai sijil dan diploma untuk mengambil ijazah B. Tech atau B. Sc. iaitu ijazah sarjana muda teknologi kejuruteraan atau ijazah sarjana muda sains dan ini boleh dilakukan melalui pengajian separuh masa, pengajian jarak jauh atau pun pengajian secara atas talian sekiranya ianya tidak dapat dijalankan dengan sepenuh masa. UTP sendiri telah mula mengorak langkah dengan menggalakkan juruteknik-juruteknik kami yang berkebolehan dan berbakat untuk meneruskan pengajian secara separuh masa di dalam jurusan Sarjana Muda Sains bidang Fizik dan Kimia Gunaan atau *Applied Physics* dan *Applied Chemistry*. Mereka ini dijangka akan ditempatkan di pusat-pusat kecemerlangan UTP dan meneruskan kerjaya mereka sebagai teknologis berkepakaran tinggi. Mereka ini akan dibimbing untuk meneruskan pengajian sehingga ke peringkat Doktor Falsafah dan akan sama-sama menyumbang untuk menjadikan UTP sebuah universiti terkemuka satu hari nanti.

Inilah, pada pandangan saya, ciri ketiga yang perlu ada pada kerjaya teknologi kejuruteraan, iaitu laluan kerjaya atau "*career path*" berteraskan teknikal. Majikan perlu bersedia untuk mengambil kira perkembangan kelayakan dan kebolehan graduan TVET yang telah dapat meningkatkan kepakaran mereka dengan menyediakan laluan kerjaya yang menjurus kepada kerjaya teknikal. Di negara-negara membangun, graduan TVET yang berkemahiran tinggi ini dapat menikmati tangga kelayakan jawatan dan tanggagaji yang setara dengan graduan kejuruteraan. Di peringkat awal, graduan TVET boleh menjawat jawatan Teknologis.

Di peringkat pertengahan graduan TVET boleh dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Kanan dan di peringkat tertinggi, mereka boleh menjawat jawatan Pakar atau "*Specialist*". Di peringkat Pakar, graduan TVET dijangkakan mempunyai kelayakan peringkat ijazah kedoktoran (PhD) dan bekebolehan untuk mengubahsuai peralatan untuk memenuhi tujuan-tujuan tertentu dalam pembangunan teknologi.

Ciri keempat kerjaya teknologi kejuruteraan masa hadapan berpaksikan kepada keseimbangan akhlak dan ilmu. Ini merupakan salah satu dari aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) yang menghendaki graduan yang berkemahiran tinggi tetapi juga beretika dan bermoral.

Ciri keempat iaitu watak atau "*character*" yang diperlukan dalam kerjaya teknologi kejuruteraan masa hadapan ialah :

1. Peka kepada kesejahteraan masyarakat atau pun "*society well being*"
2. Peka kepada kelestarian alam sekitar atau pun "*sustainability*"
3. Beretika dan berintergriti tinggi serta professional
4. Bersatu dan sehaluan dalam kerja atau pun "*united in purpose*"
5. Semangat setiakawan dan bekerja secara berkumpulan atau pun "*teamwork and teamplayer*"

Watak atau "*character*" ini penting kerana kerjaya teknologi kejuruteraan di masa hadapan akan berhadapan dengan cabaran-cabaran yang hebat yang memerlukan watak yang seimbang. Graduan teknologi kejuruteraan adalah salah seorang dari ahli penting yang menyumbang kepada penghasilan produk-produk yang akan memberi impak yang tinggi kepada masyarakat. Sifat beretika dan professional dan peka kepada kebajikan masyarakat dan alam sekitar akan mendorong kepada kesejahteraan negara di samping dapat membangunkan negara sesuai dengan matlamat Wawasan 2020. Sebaliknya, jika para teknologis tidak mempunyai sifat-sifat atau watak yang disebut tadi maka satu tragedi besar boleh berlaku, baik dari segi keselamatan produk atau keselamatan persekitaran.

Sebagai penutup kepada syarahan saya pada pagi ini, saya ingin menarik kembali perhatian tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian kepada empat ciri-ciri yang dapat memupuk ke arah perkembangan kerjaya teknologi kejuruteraan masa hadapan iaitu :

Pertama - Sifat (*Attributes*) kerjaya Teknologi Kejuruteraan di masa hadapan

Kedua - Tahap pendidikan (*Qualifications*) kerjaya Teknologi Kejuruteraan di masa hadapan

Ketiga - Laluan Kerjaya (*Career Path*) Teknologi Kejuruteraan di masa hadapan

dan Keempat - Watak (*Character*) kerjaya Teknologi Kejuruteraan di masa hadapan

Saya berpendapat bahawa keempat-empat ciri ini perlu berlaku secara serentak sekiranya kita inginkan graduan TVET menjadi cemerlang dan menyumbang kepada pembangunan negara secara progresif dan dinamik. Kerjaya teknologi kejuruteraan perlu dilihat sebagai sumber penting sebagai katalis di dalam pembangunan teknologi di masa hadapan, sejajar dengan matlamat negara untuk menjadi negara membangun menjelang 2020.

Akhir sekali, saya mendoakan agar persidangan kita pada hari ini akan membuahkan hasil yang dapat mengembangkan dan menjurus kepada ciri-ciri kerjaya teknologi kejuruteraan masa hadapan.

Wabillahittaufik wal hidayah, Wassalaamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Sekian, terima kasih.

Ucaptama 2 :

Tajuk: Sistem Perlindungan Harta Intelek di Malaysia

Oleh : Hj Norman bin Kusin
Pengarah (Pembangunan Kemahiran)
Jabatan Tenaga Manusia

Tajuk "Sistem Perlindungan Harta Intelek di Malaysia" merupakan satu topik yang berkesinambungan dan seiring dengan tema persidangan, iaitu "Bridging Technology into the Future". Peranan *Inovation Department*, selaku pencetus idea *Think Out of Box* berperanan besar dalam membangun Harta Intelek bagi sesuatu organisasi.

Harta Intelek (Intelectual Property) - "Adalah *hasil ciptaan minda*; rekacipta, karya sastera dan seni; dan simbol, nama dan imej yang digunakan dalam perdagangan."

Rekacipta merujuk kepada Kreativiti & Inovasi iaitu "Kreativiti adalah mencari penyelesaian kepada masalah tertentu"

Contoh:

" Thomas Edison Tested Over 3000 Filaments Before He Came Up With His Version of a Practical Light Bulb. As Shocking As It May Seem, This Was Not His Greatest Invention", in 1879, after spending $40,000, and performing 1,200 experiments with 5,000 researchers, .''

SIAPA BERTANGGUNGJAWAB DALAM PENGUATKUASAAN HARTA INTELEK?

- Specialized Agency of the United Nations
- Based in Geneva, Switzerland
- 184 Member States
- Dedicated to developing a balanced and accessible international IP system by:
  - Administration of 24 international treaties
  - Service delivery: PCT, Madrid Treaty, The Hague Treaty, etc.

WIPO Administered Treaties In The Field Of Patents

Remarks	Member States
Paris Convention for the Protection of Industrial Property (1883)	172
Patent Cooperation Treaty (1970)	138
Strasbourg Agreement Concerning the International Patent Classification (IPC) (1971)	58
Budapest Treaty on the International Recognition of the Deposit of Microorganisms for the Purposes of Patent Procedure (1977)	68
Patent Law Treaty (2000)	17

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (Intellectual Property Corporation Of Malaysia) atau nama ringkasannya MyIPO

- Badan berkanun di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan mulai 03 Mac 2003
- Sempena Hari Harta Intelek Kebangsaan pada 3 Mac 2005, dikenali sebagai MyIPO (Intellectual Property Corporation of Malaysia)
- Bertanggungjawab untuk mewujudkan sistem pentadbiran harta intelek yang kukuh dan cekap di Malaysia.
- Website : www.myipo.gov.my

Komponen Harta Intelek (IP)



Laws Governing Intellectual Property In Malaysia

- Patents Act 1983
- Trade marks act 1976
- Copyright Act 1987
- Geographical Indications Act 2000
- Layout Designs of Integrated Circuits Act 2000
- Akta Perbadanan Harta Intelek 2002

1. Paten

"Hal ekslusif yang diberikan kepada perekacipta terhadap sesuatu rekacipta untuk membuat, mengguna atau menjual rekaciptanya, bagi produk ataupun proses penghasilan cara baru untuk membuat sesuatu ataupun penyelesaian teknikal terhadap sesuatu masalah."

Pembaharuan Utiliti

"Perakuan perbaharuan utilti diberi ke atas rekacipta yang minor, yang tidak menepati ujian langkah merekacipta seperti paten, tetapi ia adalah baru.

2. Industrial Design

Reka bentuk perindustrian ialah rupa bentuk luaran secara keseluruhan yang memberi suatu penampilan yang unik pada suatu barang atau produk yang dihasilkan secara perindustrian.

2.1 Reka bentuk Perindustrian dan Paten

Konsep Asas Perlindungan Harta Intelek

i. Paten – rekabentuk seperti enjin dan brek
ii. Industrial Design – bentuk, paten, warna atau gabungan seperti chasis kereta
iii. Trademark - logo, jenama produk dan perkhidmatan seperti BMW & Benz

2.2 Permohonan Perlindungan Rekabentuk Perindustrian

i. Di bawah Akta Rekabentuk perindustrian 1999
ii. Pemfailan permohonan dibuat sebelum barang dipasarkan
iii. Perlindungan 5 tahun – boleh dilanjutkan sehingga dua tempoh, jumlah 15 tahun
iv. Bayaran Permohonan pendaftaran RM400
(Lampiran 5 -Borang RP1)

3. Cap Dagangan (Trademark)

i. Akta Cap Dagangan 1976
ii. Perlindungan kepada perkataan, nama, simbol, bunyi atau warna yang diguna untuk membezakan produk dan perkhidmatan.
iii. Cap Dagangan boleh diperbaharui selama-lamanya selagi ia diguna dalam perniagaan
iv. Pemohon dinasihatkan membuat carian terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan. Bayaran RM20 sejam jika membuat carian awam di MyIPO

4. Hakcipta (Copyright)

Perlindungan hasil kerja penerbitan seperti penulisan, muzik, permainan video dan hasil seni

4.1 Permohonan Perlindungan Hakcipta

i. Akta Hakcipta 1987
ii. Pemfailan permohonan dibuat sebelum barang dipasarkan
iii. Perlindungan 5 tahun – boleh dilanjutkan sehingga dua tempoh, jumlah 15 tahun
iv. Bayaran Permohonan pendaftaran RM400

5. Lain-Lain IP

i. Akta Rekabentuk Susun Atur Litar bersepadu 2000 adalah susunan tiga dimensi unsur-unsur sesuatu litar bersepadu dan sebahagian atau semua saling hubungan litar bersepadu itu atau susunan tiga dimensi sedemikian yang disediakan bagi sesuatu litar bersepadu yang dimaksudkan untuk dikilang.

ii. Akta Petunjuk Geografi 2000, suatu petunjuk yang mengenal pasti apa-apa barang sebagai berasal dari sesuatu negara atau wilayah, atau sesuatu kawasan atau tempat dalam negara atau wilayah itu, jika suatu kualiti, reputasi atau ciri lain tertentu barang itu adalah berpunca dari tempat asal geografinya. *Trade secret & confidential information*

Bengkel Berfikir Di Luar Kotak:
Aplikasi Maklumat Paten Dalam Kreativiti Dan Inovasi (7 – 9 Dis 2015) Rainbow Paradise Beach Resort, Pulau Pinang membincang jenis dan definasi paten :-

Jenis Paten

- **Paten biasa**:
  merangkumi produk, proses, kaedah/penggunaan

- **Pembaharuan Utiliti (Utility Innovation):**
  Hanya melibatkan produk yang mempunyai kegunaan praktis sahaja

Apa itu Paten?

- Paten adalah satu hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu rekacipta, sama ada satu produk ataupun proses untuk menghasilkan cara baru bagi membuat sesuatu, ataupun untuk penyelesaian teknikal bagi sesuatu masalah.
- Dilindungi di bawah Akta Paten 1983 dan
- perlindungan paten adalah selama 20 tahun dari tarikh pemfailan**.**

What is a UTILITY INNOVATION?

- Satu hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu rekacipta kecil yang tidak memerlukan ujian langkah merekacipta sebagaimana yang diperlukan untuk mendapat paten.
- Pembaharuan utiliti dilindungi selama 10 tahun dari tarikh pemfailan.
- Boleh dilanjutkan ke 5+5 tahun bergantung kepada penggunaan.
- Jumlah Perlindungan : 20 tahun

DIFFERENCES BETWEEN PATENT AND UTILITY INNOVATION

Patent	Utility Innovation
Criteria for patentability: New Involves Inventive Step Industrially applicable **Duration for protection** 20 years from the filing date **Request fees** Form 1: RM290	**Criteria for patentability:** New Industrially applicable **Duration for protection** 10+5+5 years from the filing date **Request fees** Form 14: RM140

DEFINISI

- **Invensi** adalah idea inventor yang dihasilkan untuk kegiatan penyelesaian masalah yang spesifik di bidang teknologi
- **Inventor** adalah seorang yang secara perseorangan atau berkumpulan, bersama-sama melaksanakan idea tersebut
- **Pemegang paten** adalah inventor sebagai pemilik paten atau pihak yang menerima hak tersebut atau pihak lain yang menerima lebih lanjut hak tersebut
- Rekacipta yang memberi penyelesaian teknikal terhadap sesuatu masalah (Bukan semua penyelesaian boleh mendapat hak paten)
- Hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu rekacipta, samada produk atau proses untuk menghasilkan cara baru bagi membuat sesuatu.
- Paten diluluskan ikut 'territorial' (mengikut negara seperti Malaysia, Korea dsb). Perlindungan dibawah Akta Paten 1983
- Tempoh perlindungan : 20 tahun
  (bergantung kepada bayaran yuran tahunan selenggaraan)

Kelebihan Daftar Paten

- Pendaftaran Paten di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
- Hak eksklusif yang diberikan terhadap suatu rekacipta untuk menghalang orang lain dari membuat, mengguna, mengimport, menjual rekacipta selama 20 tahun tanpa kebenaran perekacipta.
- Memberi peluang kepada perekacipta untuk membuat dan memasarkan idea atau melesenkan kepada pihak lain dan memperoleh keuntungan.

Syarat Utama Pemberian Paten

Rekacipta mestilah ;



Syarat Perlindungan Paten

- **Baru**

  Invensi dianggap baru jika pada tarikh permohonan, invensi tersebut tidak sama dengan teknologi yang diungkapkan sebelumnya. Pengungkapan samada berbentuk huraian lisan, pameran atau cara lain yang memungkinkan seseorang yang ahli/pakar mampu untuk melaksanakan invensi tersebut.

- **Langkah Inventif**

  Invensi yang dihasilkan itu berkaitan perkara yang tidak dapat diduga sebelumnya (non-obvious) oleh mereka yang ahli dalam bidang tersebut semasa permohonan dipohon**.**

- **Dapat Diterapkan Dalam Industri**

  Invensi dapat diterapkan dalam industri sesuai dengan huraian dalam permohonan. Jika invensi tersebut berbentuk produk, produk tersebut mampu dibuat secara berulang dengan kualiti yang sekata. Jika invensi berbentuk proses, proses tersebut harus mampu dijalankan atau digunakan di industri.

Technical Disclosure

- Patents must disclose an invention in a manner sufficiently clear and complete so that the invention can be carried out by a person having ordinary skill in the art.
- Patent information is disclosed globally through publication on the internet, etc
  i.e. anyone, anywhere in the world can learn from this information & use it

PENDAFTARAN PATEN

- Memfailkan Patent Form No.1. Beserta spesifikasi Paten dan fi RM290.
- Tempoh dua tahun, fail Patent Form No. 2, untuk pemeriksaan substantif, fi RM1100
- Patent Form no. 18: Pendaftaran agen paten ,Kos sedia dokumen paten
  ≈ RM 8,000- RM 25,000
  Kos daftar & pemeriksaan paten (MyIPO) – RM 1,470
- Pengumuman selepas 18 bulan. Permohonan dilulus/ditolak. Kos yuran selenggara paten (20 thn) – RM 21,520

Kajian Kes

Kes pelanggaran hak paten oleh Samsung terhadap produk Apple (iPhone dan iPad). Mahkamah USA mengarahkan Samsung Electronics membayar lebih dari US$ 1 billion kepada Apple

- **Apple files first.**

  Apple Inc. sued Samsung Electronics Co. in April 2011, saying the Korean electronics maker “made a deliberate decision to copy Apple’s iPhone and iPad. The intellectual property that Apple has asserted against Samsung goes to the heart of the extraordinary success of the iPhone and the iPad.

- **Apple’s design, utility patents.**

  Apple is claiming that Samsung infringed four industrial design patents, covering the look and feel of the devices, and three utility patents, which cover how the gadgets work. It’s got a list of more than 20 Samsung devices that it says infringe on Apple’s patents, including the popular Samsung’s Galaxy S phones and Galaxy Tab tablets.

REKACIPTA YANG TIDAK BOLEH DIPATENKAN

i. Kepelbagaian binatang
ii. Skim Perniagaan Pak Man Telo
iii. Kaedah Permainan
iv. Kaedah Rawatan

REKACIPTA YANG TIDAK BOLEH DIPATENKAN (Seksyen 13)

- Penemuan, teori saintifik dan kaedah matematik.
- Kepelbagaian jenis tumbuhan atau binatang atau proses biologi yang perlu bagi pengeluaran tumbuhan atau binatang, selain dari mikro-organisma hidup buatan manusia, proses mikro-biologi dan keluaran proses mikro-organisma itu.
- Skim, kaedah atau cara untuk menjalankan perniagaan, perbuatan-perbuatan mental semata-mata atau bermain apa-apa permainan.
- Cara untuk merawat tubuh manusia atau binatang melalui pembedahan atau terapi, dan cara diagnosis yang dilakukan ke atas tubuh manusia atau binatang.
- Walau bagaimanapun, ini tidak termasuk ke atas keluaran-keluaran yang digunakan mengikut apa-apa cara seperti itu.

PATENT COOPERATION TREATY (PCT)

- PCT - suatu sistem pendaftaran paten di peringkat antarabangsa, yang diajukan hanya pada satu pejabat paten yang bertindak sebagai 'Receiving Office'
- Bukan merupakan sistem pemberian hak paten antarabangsa

MANAFAAT INFORMASI DARI PENERBITAN DOKUMEN PATEN

- Mengetahui hak harta intelek sesuatu produk di sesebuah negara
  (hak perlindungan, pemilikan)
- mencegah pelanggaran paten
- Mendapat pengetahuan terdahulu (prior art) dalam teknologi spesifik
- mengetahui perkembangan teknologi terkini
- Menilai kebolehpatenan (patentability) produk yang sedang diusahakan, jika ingin dipohon pendaftaran paten
- Memperbaiki produk atau proses sedia ada
- Mengembangkaan produk atau proses baru
- Membuat penilaian teknologi spesifik dan mengenalpasti memegang lesen teknologi tersebut
- Mengenalpasti teknologi alternatif dan sumbernya
- Menilai pendekatan teknik yang spesifik: mencegah berlakunya pengulangan (duplication) dalam R & D.
- Menilai aktiviti pesaing di dalam atau di luar negeri
- Menilai 'trend' teknologi baru pada tahap awal.

KEBAIKAN DOKUMEN PATEN SEBAGAI SUMBER RUJUKAN

- Asas pengembangan teknologi baru.
- Mengandungi maklumat terkini.
- Sumber informasi: Pengetahuan baru (invensi) dan maklumat yang sudah ada sebelumnya (latar belakang invensi).
- Struktur yang seragam.
- Mengandungi informasi yang tiada dalam bahan teknikal (literature) lain.
- Abstrak dapat diguna untuk memperoleh ide secara umum.
- Simbol klasifikasi.

TOP TEN COUNTRIES FOR PATENT AND UTILITY INNOVATION APPLICATIONS, 2013

COUNTRY	2013
USA	1,592
Japan	1,414
Malaysia	1,269
Germany	485
Switzerland	445
France	237
South Korea	216
United Kingdom	212
China	166
Taiwan	158



CARIAN PATEN

Bagaimana nak pastikan idea rekacipta belum dipaten? Layari dan search dalam:-

Google patents beta

MyIPO
Perbadanan Harta Intelek Malaysia
Intellectual Property Corporation of Malaysia
www.myipo.gov.my

Europäisches Patentamt
European Patent Office
Office européen des brevets

WIPO
WORLD INTELLECTUAL PROPERTY ORGANIZATION

UNITED STATES PATENT AND TRADEMARK OFFICE
DEPARTMENT OF COMMERCE

Akhir sekali, saya mendoakan agar persidangan kita pada hari ini akan membuahkan hasil yang dapat mengembang dan memberi manfaat kepada kerjaya juru teknologi di negara kita pada masa hadapan.

Wabillahi taufik wal hidayah, Wassalaamu alaikum warahmatullahi wabarakaatuh.
Sekian, terima kasih.

KATEGORI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIKAL / ELEKTRONIK / TELEKOMUNIKASI

E01: Rekabentuk Pembezaan Penuh Penguat Kendalian Transkonduktan (OTA) dengan Rangkaian Suapbalik Ragam Sepunya (CMFB)

Anis Binti Abdul Kahar1, Nurul Hana Binti Mahdir2
Politeknik Mukah, Sarawak

[1]*anis@pmu.edu.my*

Abstrak

Teknologi pembuatan litar bersepadu (IC) kini semakin berkembang seiring dengan perubahan teknologi masakini. Dalam hal ini, satu penyelidikan telah dibuat bagi menghasilkan Litar Pembezaan Penuh Penguat Kendalian (OTA) dengan Rangkaian Suapbalik Ragam Sepunya (CMFB) dengan menggunakan model teknologi transistor 0.18µm. Litar penyelidikan ini akan memenuhi spesifikasi gandaan kebezaan frekuensi rendah ≥ 80dB, gandaan kebezaan lebarjalur produk > 1MHz dan mempunyai jidar fasa > 60^0. Penyelidikan ini dijalankan dengan merekabentuk litar penyelidikan dengan menggunakan perisian Spice Simulator dan disimulasikan bagi mendapatkan spesifikasi yang dikehendaki. Saiz Transistor (Width/Length) yang digunakan di dalam penyelidikan ini ditentukan dengan menggunakan kaedah persamaan matematik dan kaedah cuba jaya. Daripada analisis-analisis yang dijalankan didapati hasil penyelidikan bagi gandaan kebezaan frekuensi rendah bersamaan -81.44dB, manakala analisis gandaan kebezaan lebarjalur produk bersamaan 10MHz dan akhir sekalai analisis bagi mendapatkan jidar fasa bersamaan dengan 181.2^0. Bagi merekabentuk litar ini pada masa akan datang, litar penyelidikan ini haruslah dilihat dari aspek pincangan yang berlaku di dalam litar dan prestasi saiz transistor yang ditetapkan. Implikasi yang dapat dilihat dari penyelidikan ini, saiz transistor (Width/Length) yang ditentukan akan memberi impaks yang besar kepada keluaran prestasi yang dikehendaki.

***Kata Kunci**: LitarPembezaan Penuh Penguat Kendalian (OTA), Rangkaian Suapbalik Ragam Sepunya (CMFB), Saiz Transistor (Width/Length), Lebarjalur Produk.*

1.0 PENGENALAN

Penguat pembezaan (*differential-amplifier*) atau pasangan pembezaan (*differential-pair*) telah digunakan secara meluas dalam merekabentuk litar bersepadu analog.

Justeru itu, terdapat dua sebab mengapa penguat pembezaan ini sangat sesuai digunapakai dalam fabrikasi litar bersepadu. Antaranya adalah, pertama: sebagaimana yang kita ketahui, setiap prestasi (*performance*) penguat pembezaan akan bergantung secara kritikal kepada kesepadanan (*matching*) antara dua belah litar. Fabrikasi litar bersepadu secara sistematik seperti teknik '*common centroid*' berupaya memberi kesepadanan (*matching*) yang diperlukan untuk menjamin operasi optimum litar tersebut. Sebab yang keduanya, penguat pembezaan menggunakan banyak komponen (menghampiri dua kali ganda banyaknya) berbanding dengan litar peringkat pertama (*single-ended circuit*). Oleh yang demikian, teknologi litar bersepadu telah memberi kesan terhadap keupayaan menggabungkan sejumlah transistor dalam satu cip yang bersaiz kecil.

Secara asasnya, terdapat dua sebab mengapa penguat pembezaan dipilih berbanding dengan penguat peringkat pertama. Pertama, litar penguat pembezaan kurang sensitif kepada hingar dan gangguan (*interference*) berbanding dengan penguat peringkat pertama. Keduanya, dengan menggunakan penguat pembezaan, konfigurasi membolehkan berlaku pincangan pada penguat dan membuatkan gabungan tahap masukan tanpa perlu kapasitor pintasan (*bypass*) dan gandingan (*coupling*) sebagai contoh dalam merekabentuk discrete-circuit amplifier.

Oleh yang demikian, dalam penyelidikan ini, litar pembezaan penuh penguat kendalian transkonduktan (OTA) akan dibangunkan dan digabungkan bersama Rangkaian Suapbalik Ragam Sepunya (CMFB). Di dalam topologi penguat pembezaan, berlaku ketidaksepadanan (*mismatches*). Ketidaksepadanan adalah keadaan yang berlaku di punca arus (*current source*) jenis-N dan jenis-P yang akan menolak keluaran OTA keduanya ke bekalan voltan dan merujuk kepada keadaan persekitaran pembezaan di dalam sistem, yang mepengaruhi pengesanan tahap seterusnya atau pembetulan dalam sistem. Oleh sebab itulah, bagi menangani masalah ini, CMFB diperlukan bagi mengawal masukan operasi yang digunakan.

Dalam merekabentuk CMFB, isyarat utama adalah dalam bentuk pembezaan dan isyarat ragam sepunya (common-*mode*) mestilah dikesan dan ditindas dengan litar yang laju dan ringkas. Ia juga mempunyai sedikit nilai galangan bagi isyarat ragam sepunya tetapi mempunyai nilai galangan yang tinggi bagi isyarat pembezaan. Justeru itu, dengan adanya litar CMFB ini dapat memantapkan litar dan memberikan prestasi mengikut spesifikasi yang dinyatakan. Bagi merekabentuk dan membuat simulasi litar penyelidikan ini, satu perisian telah digunapakai bagi tujuan tersebut. Perisian yang digunakan adalah LT SPICE SIMULATOR, dimana perisian ini dapat membuat simulasi terhadap litar analog dan memudahkan bagi mendapatkan prestasi yang dikehendaki.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dalam kajian penyelidikan ini, litar yang akan terhasil adalah merangkumi litar pembezaan penuh OTA dengan CMFB. Tetapi ia perlulah menepati spesifikasi yang dikehendaki iaitu

- Gandaan kebezaan frekuensi rendah $\geq$ 80dB
- Gandaan kebezaan lebarjalur produk > 1MHz
- Jidar Fasa > 60^0

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Di dalam menjalankan penyelidikan ini, terdapat dua fasa utama yang perlu diselesaikan iaitu merekebentuk litar penyelidikan dan membuat simulasi ke atasnya. Hasil yang bakal diperolehi akan menentukan tahap ketepatan objektif penyelidikan ini. Objektif utama kajian penyelidikan ini adalah:

i. Untuk memahami konsep OTA dan CMFB
ii. Untuk menerokai penggunaan Perisian SPICE bagi merekabentuk litar analog
iii. Untuk menghasilkan rekabentuk litar skematik Gabungan OTA dengan CMFB
iv. Untuk menambahbaik rekabentuk litar bagi mendapatkan spesifikasi yang dikehendaki
v. Untuk membuat verifikasi akhir litar supaya spesifikasi yang diberikan dipenuhi

4.0 SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini hanya berdasarkan simulasi dan tidak akan menghasilkan sebarang prototaip. Justeru itu, penyelidikan ini terbahagi kepada tiga fasa bagi memastikan objektif penyelidikan tercapai. Antaranya ialah

i. Merekabentuk Litar Pembezaan Penuh Penguat Kendalian Transkonduktan (OTA) dengan Rangkaian Suapbalik Ragam Sepunya (CMFB) dengan menggunakan model matematik.
ii. Membuat simulasi terhadap litar yang telah direkabentuk.
iii. Menambahbaik prestasi litar dengan menukar saiz transistor supaya spesifikasi yang diberikan dipenuhi.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Bab ini, menerangkan tentang kaedah dan prosedur kajian yang dijalankan. Aspek penting yang dibincangkan dalam bab ini ialah rekabentuk dan kaedah yang dilakukan dalam kajian penyelidikan ini.

5.1 PENGENALAN

Metodologi kajian adalah pelan dan strategi untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian. Menurut Kumar (1999), metodologi kajian adalah pelan prosedur yang akan diadaptasi oleh pengkaji untuk menjawab soalan secara sahih, berobjektif, tepat dan ekonomi. Manakala menurut Azniza (2004), metodologi kajian merujuk kepada cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat yang berguna untuk mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Seterusnya menurut Wiersma (2000), metodologi kajian ialah pendekatan yang dipilih untuk menjalankan kajian di mana ia dapat menerangkan bagaimana sesuatu kajian dijalankan dan penerangannya perlu dibuat secara terperinci supaya pengkaji dapat merangka perjalanan kajian.

5.2 REKABENTUK LITAR PEMBEZAAN PENUH PENGUAT KENDALIAN TRANSKONDUKTAN (OTA) DENGAN RANGKAIAN SUAPBALIK RAGAM SEPUNYA (CMFB)

Topologi bagi litar OTA dengan CMFB yang akan dibangunkan adalah seperti dalam Rajah 1. Bagi peringkat awal, model matematik bagi litar ini akan dipastikan sebelum perisian SPICE digunakan untuk menyelesaikan persamaan matematik tersebut.



Rajah 1: **Gambarajah Litar Pembezaan Penuh Penguat Kendalian Transkonduktan (OTA) Dengan Rangkaian Suapbalik Ragam Sepunya (CMFB)**

5.3 MENENTUKAN PERSAMAAN MATEMATIK BAGI LITAR OTA DENGAN CMFB

Bagi mendapatkan persamaan matematik litar penyelidikan haruslah diringkaskan seperti Rajah 2 di bawah.



Rajah 2: **Gambarajah Model Litar persamaan separuh pembezaan frekuensi tinggi yang diringkaskan**

1	g_{m1}
2	V_{in}
3	g_{din}
4	C_{db6}
5	g_{d6}
6	g_{m6}
7	g_{m8}
8	r_{d8}
9	C_{db8}
10	C_{LB}
11	g_{d10}
12	C_{LC}

Titik nodan : A,B dan C
Jumlah kapasitor : C_{LA}, $C_{LB,}$ dan C_{LC}
C_L = Kapasitor beban luar pada terminal keluaran

Berdasarkan gambarajah litar diatas, jumlah kapasitor bagi setiap titik nodan adalah seperti persamaan berikut:

$C_{LA} = C_{gd4} + C_{db4} + C_{db1} + C_{gs6} + C_{gb6} + C_{gd1}$
$C_{LB} = C_{gd8} + C_{gd6} + C_{gb14} + C_{gs14} + C_{gd14} + C_L$
$C_{LC} = C_{db10} + C_{gd10} + C_{gs8} + C_{gb8}$

i. Persamaan Gandaan Kebezaan, A_d

$$A_d = - \frac{g_{m1}\, g_{m6}\, g_{m8} \left[1 + \frac{sC_{db6}}{g_{m6}} \right] \left[1 + \frac{s(C_{LC}+C_{db8})}{g_{m8}} \right]}{P_1(s) + P_2(s)} \longrightarrow (1)$$

Di mana

$$P_1(s) = g_{d8}\, g_{d10}\, g_{m6} \left[1 + \frac{sC_{db8}}{g_{d8}} \right] \left[1 + \frac{sC_{LC}}{g_{d10}} \right] \left[1 + \frac{s(C_{LA}+C_{db6})}{g_{m6}} \right]$$

$$P_2(s) = g_{in}\, g_{d6}\, g_{m8} \left[1 + \frac{sC_{LA}}{g_{in}} \right] \left[1 + \frac{sC_{LC}}{g_{m8}} \right] \left[1 + \frac{s(C_{LB}+C_{db6})}{g_{d6}} \right]$$

ii. Penentuan Frekuensi Kutub (*Pole Frequency*)

Bagi menentukan kutub bagi fungsi pindah, persamaan umum adalah seperti di bawah

$$A_d(s) = \frac{A_0 \left[1 - \frac{s}{z_1} \right] \left[1 - \frac{s}{z_2} \right]}{\left[1 - \frac{s}{p_1} \right] \left[1 - \frac{s}{p_2} \right] \left[1 - \frac{s}{p_3} \right]}$$

Di mana A_0 adalah gandaan isyarat kecil arus terus bagi penguat diberi seperti

$$A_0 = - \frac{g_{m8}}{\frac{g_{ds}\, g_{d10}}{g_{m8}} + \frac{(g_{d1}+g_{d4})}{g_{m6}}\, g_{d6}}$$

Penyebut boleh ditulis sebagai persamaan kubik:

$$1 - s\left(\frac{1}{p_1} + \frac{1}{p_2} + \frac{1}{p_3}\right) + s^2\left(\frac{1}{p_1 p_2} + \frac{1}{p_2 p_3} + \frac{1}{p_1 p_3}\right) - s^3\left(\frac{1}{p_1 p_2 p_3}\right)$$

Sekiranya litar direkabentuk untuk menghasilkan kutub dominan $P_1 \ll P_2, P_3$, persamaan di atas boleh ditulis sebagai

$$1 - \frac{s}{P_1} + s^2\left[\frac{1}{P_1}\left(\frac{1}{P_2}+\frac{1}{P_3}\right)\right] - \left(\frac{s^3}{P_1P_2P_3}\right) = 0 \longrightarrow (2)$$

Setelah memanipulasikan penyebut dari persamaan (1) dan menyamakan sebutan dalam persamaan (1) dan (2), perkaitan berikut dapat diperolehi: kutub dominan diberi sebagai

GREEN	1.0	< 800	VERY GOOD

5.2 On site Experiment Result Analysis

There are two different closed rooms as location site to be chosen which is in the classroom in seminar room and others in the office. In making the observation and testing guided by some methods that have been used from previous study. For example the testing conducted in the Industrial Electronic (IE) Department office took about one hour. Each measurement at an interval of 5 minutes and took two days to complete. Others, the testing for classroom in seminar room took place about two hours only for one day. The readings were taken at an interval for 5 minutes. Both rooms are approximately at the same area about 31' x 29' square. The device is placed about 0.75 m from floor and measured at desk- level.

5.2.1 Industrial Electronic Office Department

The tests carried out on 9 to 10 December 2014 in the morning about 9.00 am until 10.00 am on sunny day and it is equipped with air conditioning. The office department is the highest ranked at level 3. Figure A.4 shows the project prototype placed in that room. There are about six people in that room during the testing day. According to the graph in Figure A.5 at IE office department for the first day shows us that the CO_2 concentration level is increased proportionally with the number of people who were in the room. The movement or activities in the classroom do not influenced the measurement. The value of initial reading for CO_2 concentration level was 400 ppm.

While for the second day testing, the initial reading was at 400 ppm and rising up to 405 ppm after the 5 minutes test. The CO_2 concentration level reading continues to increase to 410 ppm after 10 minutes testing and continues to increase until 415 ppm after 10 minutes later. The cause of the increasing value of CO_2 concentration reading is attributable to the effects of activities drive off pigeons. After 40 minutes tests, the reading of CO_2 concentration level start decrease to 405 ppm because of the room change (open door and window) and then the reading value returned to the value of 410 ppm and remain until the end of the test run.

5.2.2 Classroom at Seminar Room Zamrud

This experiment project study also done in the morning about two hours, start from 9.00 am until 11.00 am in sunny day on 12 December 2014. The room is equipped with the air conditioning system. This seminar room is situated at the ground floor at administrative buildings. There are about 15 peoples in that room. The experiment conducted for the student open- university master class during lecturing time. Figure A.6 shows the project prototype placed in that room during the actual testing. From the graph in Figure A.7, shows us that the initial reading for CO The initial reading for CO_2 concentration level was at 568 ppm and increased proportionally with time and the number of people who were in the room on certain period until the reading of CO_2 concentration level reach 680 ppm after 40 minutes.

The CO_2 concentration level value does not change much until one hour has passed. After one hour the reading increases up to 698 ppm. From the observation found that the students lose focus and concentration feel sleepy because of the long period of lecture time without the room change (open or close door) influence the increasing of CO_2 concentration level in the classroom. The air-conditioners as the indoor environment also contribute to the incremental factor of CO_2 gas in the class. After 1 hour and 30 minutes lecture time, it found that the concentration level of CO_2 reduced rated to 680 ppm until the end of this testing time because they start focusing try to solve the given question.

5.2.3 Comparison between CO_2 Average Concentrations Level with the Number of People Indoor Room

For this comparison, there are two different data that have been used for this analysis. One of them is the average of CO2 concentration level in IE office department for two days within six people in hot weather. The room is equipped with the air conditioning system in that room with different situation where one of the testing days the external air pollution interfere the study. Others is a relevant number of people and CO2 average concentration level between IE office department and seminar room Zamrud with different amount of people there. Figure A.8 shown that the first day testing, the average of CO_2 concentration level value is about 401.15 ppm while there is about 408.46 ppm for the second day. Therefore, the average for two days testing tell us that the concentration level of CO_2 on the second day of test experience an increase about 7.31 ppm or about 1.82% from the normal day. Hence, to achieve an ideal IAQ, one mechanism control must be executed to ensure the circulation of fresh air and the control of air pollutants from outside of the building. This place arguably meets the good air quality refer to the content of CO_2 concentration level which is recommended by DOSH and ASHRAE at 800 ppm.

Figure A.9 shows us that the average of CO_2 concentration level in IE office department is about 401.15 ppm for six people, while the average of CO_2 concentration level in seminar room Zamrud is about 662.15 ppm with a total of 14 persons in there. If the reference for the good air quality refers to the content of CO_2 concentration level which is recommended by DOSH and ASHRAE at 800 ppm, found both of these places have a very good air quality. We can infer that the CO_2 concentration level will increase proportionately with the number of people in the room. The reading of average of CO_2 concentration value differences for these two places amounted to 261 ppm or about 39.42%.

6.0 Conclusion

The CO2 testing and monitoring is described as the integrated new technology system that offering indication for IAQ and ease for ventilation maintenance program. By using CO2 testing and monitoring for the real time indicate new form of technique and guideline to improve the IAQ, safety and health procedures inside the building.

Although, there are many equipment for measuring the CO2 concentration level in the market, nevertheless only a few people aware about the impact of CO2 concentration level indoor room. The measurement instrument is standalone and others come with monitoring system but do not offer the real time monitoring information alert system.

Through the construction of this project, the CO2 concentration level can be measured on real time monitoring. This project was equipped with alerts and notification indicator for awareness of the level of CO2 concentration level recommended by DOSH and ASHRAE by sending SMS to those responsible in respect of the safety of the air quality in the room. From the experiment functionality test, found that this project prototype work meets all the objectives of targeted. While for the actual testing, were concluded that the movement or activities in the room are not influence the measurement. However, each time when the room changes (open door) the measurements are affected. The number of people and the ventilation system that have been used and improper ventilation maintenance also will influent the results and the indoor room air quality.

7.0 References

[1] Department of Safety and Health (2010). *Code of Practice on Indoor Air Quality*. Malaysia: DOSH (Department of Safety and Health)

[2] Cooper, G. (2002). *Air- Conditioning America: Engineers and the Controlled Environment, 1900-1960* (No. 23). JHU Press.

[3] Bas, E. (2004). *Indoor Air Quality: A Guide for Facility Managers*. The Fairmont Press Inc.

[4] Campbell-Lendrum, D., and Corvalán, C. (2007). Climate Change and Developing- Country Cities: Implications for Environmental Health and Equity. *Journal of Urban Health*, *84*(1), 109-117.

[5] Gładyszewska-Fiedoruk, K. (2010). Concentration of Carbon Dioxide Measured in University Classrooms. *Budownictwo i Inżynieria Środowiska*, *1*, 117-121.

[6] Pacurar, C., and Cernazanu, C. A study of CO_2 Influence on Student Activity in Classroom.

[7] Vora, S. B., Tiwari, M., and Singh, J. (2012). CO_2 Monitoring System from Remote Location using GSM, GPS and Concept of MODBUS. *International Journal of Computer Applications*, *57* (20).

[8] Hossain, M. K., Haque, S. M., and Bhattacharyya, S. (2013). GSM based Wireless Sensor Network to Measure Global Warming, Humidity and CO_2. *International Journal of Computer Applications*, *76*.

[9] Barrett, S. F. (2012). Arduino Microcontroller: Processing for Everyone! *Synthesis Lectures on Digital Circuits and Systems*, *7*(2), 1-371.

[10] Banzi, M. (2009). *Getting Started with Arduino*. O'Reilly Media, Inc.

[11] http://www.chicoree.fr/w/Arduino_sur_ATmega328P

[12] Stroustrup, B. (2013). *The C++ Programming Language.* Pearson Education.

[13] Sardana, S. (2012). *Handbook on C++ Language*. Laxmi Publications.

[14] Rhee, M. Y. (2009). *Mobile Communication Systems and Security*. John Wiley & Sons

[15] Trosby, F., Holley, K., and Harris, I. (2010). *Short Message Service (SMS): The Creation of Personal Global Text Messaging*. F. Hillebrand (Ed.). John Wiley & Sons.

[16] Hamill, L., and Lasen, A. (Eds.). (2005). *Mobile World: Past, Present and Future*. Springer.

[17] Maras, M. H. (2014). *Computer Forensics*. Jones & Bartlett Publishers

[18] Burbank, J. L., Andrusenko, J., Everett, J. S., and Kasch, W. T. (2013). *Wireless Networking: Understanding Internetworking Challenges*. John Wiley & Sons.

[19] http://www.dfrobot.com/ wiki/ index.php?title= Analog_Gas_Sensor (MQ5) _ (SKU:SEN0130)

[20] http://www.gsmarena.com/nokia_1200-1976.php

APPENDICES



Figure A.1: The Result for *"Very Good"* Condition CO_2 Concentration Level Testing

Figure A.2: The Result for *"Good"* Condition CO_2 Concentration Level Testing

Figure A.3: The Result for *"Not Good"* Condition CO_2 Concentration Level Testing

Figure A.4: Prototype Placed During Testing in IE Office Department



Figure A.5: Graph CO_2 Concentration Level Reading in IE Office Department

Figure A.6: Prototype Placed During Testing in Seminar Room Zamrud



Figure A.7: Graph CO_2 Concentration Level Reading in Seminar Room Zamrud



Figure A.8: Graph Comparison between Average CO_2 Concentration Levels in IE Office Department



Figure A.9: Graph Comparison between CO_2 Average Concentration Level with the Number of People in IE Office Department and Seminar Room Zamrud

E05: Pembinaan Sistem Penerima Radio Melalui Serakan Meteor

Aidayu Delaila Binti Dahlan[1]
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat, Johor

[1]*aidayu.jtm@1govuc.gov.my*

Abstrak

Abstrak ini membincangkan pembinan item penerima isyarat radio yang diterima dari satu kedudukan yang jauh, hasil dari pemantulan oleh plasma meteor. Model matematik digunakan untuk menganggar ciri-ciri isyarat yang bakal diterima dengan membuat beberapa andaian sesuai. Isyarat yang diterima banyak bergantung kepada jarak dan faktor pelemahan di sepanjang perambatannya dan ciri-ciri meteor itu sendiri. Isyarat dari stesen pemancar Sultan Ismail, Larkin, Johor Bahru (1°30'U, 103°43'T) pada aras laut, dipilih untuk dicerap setelah mengambil kira beberapa faktor antaranya nilai frekuensi yang dipancarkan dan kedudukan stesen tersebut. Sebuah antena Yagi lima elemen dibina dan sebuah penguat antena digunakan untuk membantu menguatkan isyarat yang diterima. Ujian dilakukan pada stesen ini dengan menggunakan radio penerima biasa yang mempunyai julat FM. Taburan meteor diramalkan dengan bantuan perisian OH5IY. Manakala perisian Yagimax 2.0 digunakan untuk membantu dalam merekabentuk antena.

1.0 Pengenalan

Setiap hari berjuta-juta meteor memasuki ruang atmosfera bumi di seluruh dunia. Sesetengah dari nya mempunyai tenaga yang cukup kuat untuk mengion bila berlakunya pengeseran dengan molekul-molekul gas yang terampai di ruang atmosfera dan membentuk ekor meteor yang terdiri dari plasma elektron. Kejadian ini berlaku pada ketinggian 100 hingga 120 km dari permukaan bumi. Ekor meteor yang terdiri dari plasma elektron ini, berupaya untuk memantulkan gelombang radio dan membenarkan komunikasi di luar garis nampak iaitu hingga mencapai 1800 kilometer dari pemancar. Sifat meteor yang dapat memantulkan gelombang radio ini memberikan pilihan terbaik untuk membolehkan satu isyarat diterima dari satu jarak yang sangat jauh dengan kos yang sangat murah berbanding dengan penggunaan satelit. Matlamat utama projek ini adalah membina sebuah stesen penerima isyarat radio yang dipantulkan dari pembentukan ekor tarian meteor ini. Isyarat radio tersebut berpunca dari stesen pemancaran Sultan Ismail di Larkin, Johor Bahru yang memancarkan isyarat radio modulasi frekuensi (FM). Stesen ini terletak di koordinat (1º30'U,103º43'T) pada aras laut. Stesen yang dibangunkan di fakulti kejuruteraan Universiti Kebangsaan Malaysia ini pula mempunyai koordinat (2º52'U,101º45'T) pada aras laut. Oleh itu jarak lurus antara dua kedudukan ini adalah dalam linkungan 300 km. Jarak ini terlalu jauh untuk suatu gelombang radio merambat secara lurus kepada penerima.

2.0 Pengenalpastian Masalah

Masalah utama yang dihadapi oleh perambat gelombang radio ini ialah, keadaan bentuk muka bumi di pertengahan laluannya yang terdiri dari kawasan-kawasan berbukit-bukau yang menyebabkan isyarat yang merambat melemah akibat biasan oleh tanah tinggi tersebut. Selain dari itu, kelengkungan muka bumi tidak memungkinkan isyarat tersebut diterima secara lurus dari pemancarnya. Oleh itu, melalui pantulan oleh plasma meteor, isyarat ini mempunyai peluang yang tinggi untuk diterima di stesen penerima. Walau bagaimanapun, isyarat tersebut hanya datang pada arah-arah tertentu sahaja iaitu dari arah di mana meteor terbentuk. Oleh itu, radio penerima biasa yang menggunakan antena eka-kutub mempunyai kemungkinan yang sangat rendah untuk menerima isyarat tersebut dengan baik. Untuk mengatasi masalah ini sebuah antena Yagi digunakan kerana ia mempunyai berkearahan yang tinggi, mudah dibina dan murah. Antena ini akan digunakan untuk menggantikan antena eka-kutub pada penerima.

3.0 Stesen Pemancar

Setiap stesen radio FM akan diperuntukan satu jalur frekuensi selebar 200kHz bagi tujuan penyiarannya. Kebanyakan stesen-stesen penyiaran kini, lebih cenderung untuk menggunakan isyarat FM bagi tujuan penghantaran isyarat yang mereka siarkan kerana:

i. Kurang hingar
ii. Kepekaan penerima lebih tinggi
iii. Kualiti bunyi yang diterima adalah lebih baik
iv. Kehilangan kuasa yang rendah

Plasma meteor terbentuk, memantulkan frekuensi pada julat frekuensi lampau tinggi (VHF) iaitu diantara 30-300 MHz. Untuk mengkaji kesan pembentukan plasma meteor ke atas isyarat radio, sebuah penerima mestilah dibina pada satu jarak yang melewati keupayaan sesuatu isyarat dari stesen pemancar untuk merambat. Rambatan suatu isyarat adalah terhad disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:

i. Faktor bentuk muka bumi
ii. Jarak dan kelengkungan muka bumi

3.1 Menganggar Jarak Perambatan Gelombang

Sebelum model matematik dibuat, anggaran jarak perambatan gelombang dilakukan. Anggaran dilakukan scara geometri dengan beberapa andaian :

i. Isyarat datang pada sudut Θ=45º dari kesan penerima
ii. Meteor terbentuk di ketinggian h=100km

3.2 Kesan Kehilangan Terhadap Jarak

Secara am nya, kehilangan penghantaran pada satu perhubungan radio diantara pemancar dan penerima ditakrifkan sebagai nisbah di antara kuasa yang dipancarkan oleh pemancar terhadap kuasa yang diterima di penerima. Kehilangan bukan sahaja disebabkan oleh jarak perambatan sesuatu gelombang radio, tetapi juga disebabkan faktor-faktor lain, diantaranya ialah kehilangan di talian penghantaran, kehilangan disebabkan ketidaksepadanan, bisingan dan beberapa faktor lain. Tetapi dalam sistem ini, kehilangan oleh jarak paling banyak mempengaruhi kehilangan penghantarannya. Oleh kerana perambatan isyarat dipengaruhi oleh pantulan meteor, keadaan meteor perlu diambil kira. Oleh itu persamaan 3.1 digunakan.

$$\text{Kehilangan} = \frac{G_t G_r \lambda^3 q^2 re^2}{16\pi^2 L_1 L_2 (L_1 + L_2)} \qquad (3.1)$$

Dengan :
G_t = Gandaan Pemancar = 3.28
G_r = Gandaan Penerima = 10
λ = Panjang gelombang isyarat yang dicerap = 2.8 meter
q = Ketumpatan plasma meteor = 10^{14} (e / m^2)

Pemalar re = 2.818×10^{-15}
L_1 = jarak antara penerima dan meteor (kilometer)
L_2 = jarak antara pemancar dan meteor (kilometer)

Untuk menggunakan persamaan 2.5 beberapa andaian perlu dibuat supaya kerja-kerja pengiraan lebih mudah dilakukan. Andaian yang dibuat ialah :

i. Plasma terbentuk di ketinggian h = 100km
ii. Gandaan penerima G_r = 10
iii. Pantulan pada meteor tanpa kehilangan,
dengan sekali pantulan Γ = 1.
Kehilangan hanya dipengaruhi oleh jarak.
iv. Isyarat yang terpantul datang pada sudut Θ= 45º
v. Kelengkungan muka bumi diabaikan (bentuk muka bumi dianggap rata)

Isyarat yang dipantulkan oleh meteor akan dipantulkan semula ke muka bumi pada sudut-sudut tertentu bergantung kepada ketinggian meteor yang terbentuk. Jadi antena yang digunakan seeloknya dari jenis antena berkearahan tinggi supaya kuasa yang dipantulkan dapat diterima secara maksimum di penerima. Oleh itu antena mestilah diarahkan tepat pada arah isyarat yang dipantulkan. Satu sudut yang optimum perlu dianggarkan di penerima supaya keperluan ini dipenuhi.

3.3 Menganggar Sudut Kecondongan Antena

Kecondongan antena yang sesuai adalah perlu supaya antena dapat diarahkan pada arah dimana kehilangan dipenerima adalah minimum dan dengan iniia dapat dianggarkan dengan lebih tepat. Model matematik untuk menganggarkan kecondongan antena yang optimum dan nilai kehilangan yang lebih tepat adalah seperti persamaan 3.2.

$$\text{Kehilangan} = \frac{G_t\, G_r\, \lambda^3 q^2 re^2}{16\pi^2 L_1 L_2 (L_1 + L_2)(1 - \sin^2(t))} \quad (3.2)$$

Dengan :
G_t = Gandaan Pemancar = 3.28
G_r = Gandaan Penerima = 10
λ = Panjang gelombang isyarat yang dicerap = 2.8 meter
q = Ketumpatan plasma meteor = 10^{14} (e / m^2)
Pemalar re = 2.818 x 10^{-15}
L_1 = jarak antara penerima dan meteor (kilometer)
L_2 = jarak antara pemancar dan meteor (kilometer)
t = sudut pantulan pada meteor

Kiraan dibuat dengan andaian :
i. Pantulan dimeteor tanpa kehilangan dengan pekali pantulan $\Gamma = 1$, dan kehilangan dipengaruhi oleh jarak perambatan gelombang radio.
ii. Kelengkungan muka bumi diabaikan (bentuk muka bumi dianggap rata)

Selain dari kehilangan yang dianggarkan di penerima, kekuatan medan isyarat di penerima perlu juga dicari untuk menganggarkan kekuatan sebenar isyarat yang diterima. Dengan cara ini dapat diketahui sama ada kepekaan penerima mampu mengesan kehadiran isyarat tersebut.

3.3.1 Sistem Pencerapan

Hasil kaji selidik yang dibuat, antena Yagi dapat memenuhi keperluan ini. Antara faktor lain yang menjadikan antena ini sesuai ialah kos pembinaannya. Antena Yagi hanya memerlukan rod-rod aluminium untuk membinanya. Ianya mudah diapati dan murah. Selain daripada itu, antena ini lebioh mudah untuk dibina dan direkabentuk, kerana ia agak ringkas. Faktor yang terpenting ialah ciri antena ini yang mampu bekerja pada frekuensi yang tinggi, pada julat Frekuensi Lampau Tinggi VHF (Very High Frekuensi), dan menghasilkan corak sinaran pancar hujung yang sangat diperlukan dalam komunikasi menggunakan pantulan meteor.

Antena Yagi telah dihasilkan oleh Shintaro Uda di Tohoku University di Sendai, Jepun pada tahun 1926, dan hasil kajiannya telah ditulis dalam bahasa Jepun dan diterbitkan di negara itu pada 1926 dan 1927. Kemudian tulisan ini diterjemahkan di dalam bahasa Inggeris oleh Professor H. Yagi pada tahun 1928 dan kemudiannya ia diperkenalkan di seluruh dunia. Antara parameter-parameter utama yang perlu diketahui dalam pembinaan antena ialah corak sinaran, kekutuban, gandaan dan gelangan masukannya

3.3.2 Merekabentuk Antena Yagi

Untuk merekabentuk antena Yagi dan menghasilkan gandaan 10 dBi Jadual 3.1 dirujuk.

Jadual 3.1 Gandaan antena mengikut jumlah elemen yang digunakan.

Jumlah Elemen	Gandaan dBi
3	7
4	9
5	10.5
8	12

Daripada Jadual 3.1 didapati, antena Yagi dengan lima elemen dapat memenuhi keperluan awal sistem. Tetapi sistem ini boleh menggunakan elemen yang lebih banyak untuk mendapatkan gandaan yang lebih tinggi. Untuk mendapatkan corak sinaran pancar hujung, elemen-elemen antena pada arah sinaran mestilah bersaiz lebih pendek dari elemen pemandu. Elemen pemandu adalah resonan dengan separuh panjang gelombang (λ/2, biasanya antara 0.49λ hingga 0.5λ).3.3.3 Ukuran antena mengikut rekabentuk dan menggunakan YAGIMAX2.0

Jadual 3.2 Ukuran awal antena yang direkabentuk

Elemen	Panjang (cm)	Jarak elemen dari pemantul (cm)	Diameter
Pemantul	150.7	0	0.9
Pemandu	139.5	70	0.9
Pengarah 1	124.0	154	0.9
Pengarah 2	124.0	238	0.9
Pengarah 3	124.0	322	0.9

Ukuran ini kemudiannya dioptimumkan untuk mendapatkan gandaan dan corak sinaran yang dikehendaki.

Jadual 3.3 Ukuran antena setelah dioptimumkan dengan YAGIMAX 2.0

Elemen	Panjang (cm)	Jarak elemen dari pemantul (cm)	Diameter
Pemantul	150.7	0.0	0.9
Pemandu	139.5	55.0	0.9
Pengarah 1	124.0	96.0	0.9
Pengarah 2	124.0	140.0	0.9
Pengarah 3	124.0	200.0	0.9

Berdasarkan masukan ini, corak sinaran antena dapat diperolehi bersama-sama dengan parameter yang lain/ dari parameter ini, spesifikasi antena yagi diperolehi. Corak sinaran antena yang direkabentuk adalah seperti Rajah 3.1 dan Rajah 3.2.



Rajah 3.1: Plot sinaran antena menggunakan YAGIMAX 2.0 (Corak Sinaran Satah-E)



Rajah 3.2: Plot sinaran antena menggunakan YAGIMAX 2.0 (Corak Sinaran Satah-H)

4.0 Keputusan dan Pembinaan

Hasil dari rekabentuk yang disimulasikan, antena sebenar dapat dibina. Pembinaan antena ini memerlukan rod-rod aluminium berongga untuk dijadikan joran dan rod-rod padat yang bersaiz lebih kecil untuk dijadikan elemen. Ukuran diameter aluminium padat sesuai digunakan sebagai elemen. Penggunaan aluminium adalah kerana ianya ringan, lembut dan tahan karat.



Rajah 4.1: Pandangan hadapan antena



Rajah 4.2: Pemasangan di bahagian masukan antena

Untuk elemen di bahagian pemandu, lubang-lubang dibuat pada elemen tersebut menggunakan mata gerudi bersaiz 0.25cm. Tujuannya adalah untuk mengikat plastik pospat dengan menggunakan skru berdiameter 0.25cm. Dari keluaran YAGIMAX 2.0, galangan masukan diruang bebas bagi antena ini ialah 28.5 + j55.2 **Ω**, manakala kabel yang digunakan ialah dari siri RG58U yang bergalangan 50**Ω**, maka ruang untuk rod gamma bagi tujuan sepadanan gamma perlu disediakan atas plastik pospat tersebut. Sepadanan gamma adalah salah satu cara sepadanan galangan yang boleh digunakan sekiranya tiada sepadanan wujud anara masukan antena dan galangan kabel penghantaran.

4.1 Kiraan Sepadanan Gamma

Jejari elemen, a = 0.45 cm
Panjang Elemen Pemandu, l = 139.5 cm
Galangan ruangan bebas = 28.5 + j55.2 Ω (bacaan Yagimax)
Ruangan antara Elemen pemandu dan Rod Gamma, s = 2.5 cm
Diberi faktor pembahagian arus :-

$$\alpha = \ln(v) / (\ln(v) - \ln(u)) \quad (4.1)$$

dengan

$$u = a/a' \text{ dan } v = s/a' \quad (4.2)$$

dimana a = Jejari Elemen pemandu
a'= Jejari Rod Gamma

Dengan menggunakan jejari elemen yang sama saiz,

$u = 1$ dan $v = s / a' = 7.8$
$\alpha = \ln(v) / (\ln(v) - \ln(u)) = 1$

Nisbah langkah = $(1 + \alpha)^2 = 4$

Galangan ruang bebas

$Za = 28.5 + j55.2\Omega$
$Z_2 = (1 + \alpha)^2 (Za/2) = 4 (28.5 + j55.2\Omega) / 2 = 57.04 + 110.42\ j$

Galangan cirian yang disebabkan oleh Elemen Pemandu dan Rod Gamma Zo,
$Zo = 276\log_{10}(s / (aa')^{1/2}) = 247$
Z_2 yang dinormalkan, $Z_2 = (57.04 + 110.42\ j) / 247 = 0.23 + 0.45j$

Dari carta Smith atau kiraan secara matematik,
Lepasan (admittance) $1 / Z_2 = y_2 = 0.91 - 1.76j$
Dari carta Smith tempatkan Zs di 0 + 0j dan gerakkannya kearah penjana. Tujuannya adalah untuk mendapatkan Z_{in} dalam lingkungan 50Ω.
Jarak pergerakkan titik dari Zs adalah 0.227
Oleh itu, panjang rod gamma yang diperlukan ialah 63.5 cm.
Dari carta Smith ditentukan yang $y_g = 1 / z_g = -0.144j$

Oleh itu,

$y_{in} = y_g + y_2 = 0.9123 - 1.91j$
$1 / y_{in} = z_{in} = 0.2036 + 0.4263j$
$Z_{in} = 50.3 + 105.3j$

Untuk menghapuskan kesan khayal pada galangan masukan, nilai kapasitor yang perlu disambungkan secara seciri ialah,

$C = 1 / (2\ \pi f(\ 105.3))$
C = 14pF (Gunakan Kapasitor boleh laras) [7]

Dari kiraan yang dibuat, keperluan sepadanan gamma boleh dilihat pada Jadual 4.1

Jadual 4.1 Keperluan Sepadanan Gamma

Panjang rod gamma	63.5 cm
Nilai kapasitor yang digunakan	14 pF

4.2 Pengukuran Antena

Parameter antena diukur untuk membandingkannya dengan nilai simulasi dan untuk mengesahkan bahawa perkakasan yang dibina boleh bekerja dengan baik. Alatan yang digunakan untuk pengukuran parameter antena ini ialah:

i. Penjana isyarat ROHDE & SCHWARZ 100 KHz (+/- 1Hz)
ii. Penganalisis spektrum HEWLETT PACKARD 9KHz – 22 GHz
iii. Multimeter RADIO SHACK (*Auto Range Multimeter*)

4.3 Mengukur Galangan Masukan Antena

Pengukuran ini penting bagi memastikan galangan masukan antena dan talian penghantaran adalah sepadan. Kesepadanan yang wujud membolehkan kuasa diterima secara maksimum oleh antena dari pemancar dan dengan itu kesan kehilangan diminimumkan. Kaedah yang digunakan untuk mengukur nilai galangan ini ialah dengan menggunakan meter kuasa. Melalui kaedah ini, sebuah penjana isyarat dan meter kuasa digunakan. Konsep kerja kedah ini ialah, membandingkan kuasa yang dibekalkan kepada antena dengan kuasa yang dibalikkan dari antena. Nisbah antaranya akan menghasilkan Nisbah Voltan Gelombang Pegun (VSWR) bagi antena dengan talian penghantaran. Talian penghantaran yang digunakan adalah kabel RG58U (50 **Ω**).

4.4 Mengukur Gandaan Antena

Terdapat dua langkah utama yang perlu dilakukan untuk mengukur antena Yagi, iaitu mendapatkan nilai kekuatan isyarat bagi antena perbandingan, dan juga mendapatkan nilai kekuatan isyarat dipenerima apabila antena Yagi digunakan. Untuk mengukur kekuatan isyarat ini, satu kawasan yang agak lebar diperlukan. Ini adalah kerana jarak pemisahan antara pemancar dan penerima mestilah pada julat kawasan medan jauh (*far field*), atau lebih dikenali sebagai kawasan Frounhofer. Biasanya jarak yanag digunakan ialah $L \approx 6\lambda$ atau lebih. Dalam pengukuran ini, dua buah antena eka-kutub digunakan, iaitu dari jenis LARSEN LM/CM VHF sebagai antena perbandingan dan jarak pemisah L ialah 18 meter. Frekuensi 107.5 MHz dijanakan di penjana isyarat dan penganalisis isyarat disetkan untuk mengukur kekuatan medan pada frekuensi tersebut. Kemudian kekuatan untuk antena ekakutub diukur dibahagian penerima. Selepas itu, antena eka-kutub di bahagian penerima digantikan dengan antena Yagi. Antena Yagi diarahkan tepat kepada antena pemancar (eka-kutub), dan bacaan kekuatan medannya dicatat.

Dari ukuran yang dibuat:

- Kekuatan isyarat yang dipancarkan = 30 dBm
- Bacaan kekuatan medan penerima dengan antena ekakutub = -59 dBm
- Bacaan kekuatan medan penerima dengan antena Yagi = -51 dBm
- Oleh gandaan relatif antena Yagi lima elemen ini ialah = 8 dBi

Dari gandaan relatif yang diperoleh untuk antena Yagi ini, didapati ianya menghampiri nilai objektif, 10 dBi dan nilai simulasi, 10.46 dBi. Oleh itu, boleh dianggapkan yang antena Yagi hampir mencapai objektif. Terdapat ralat sebanyak 20%, dari nilai simulasi.

4.6 Mengukur Corak Sinaran Antena

Untuk memastikan corak sinaran antena Yagi yang dibina ini menghasilkan corak sinaran pancar hujung satu kaedah pengukuran digunakan. Corak radiasi ini diukur supaya perbandingan dengan nilai simulasi boleh dilakukan dan secara tidak langsung ia akan dapat memberi gambaran jelas bahawa antena ini dapat berfungsi dengan baik.

Antena Yagi yang diukur ditempatkan di atas kaki pemutar yang membolehkannya diputarkan pada sudut 360º. Jarak pemisahan antara antena pemancar dan penerima ialah $L \approx 6\ \lambda$. Dalam ukuran ini jarak yang digunakan ialah 18 meter iaitu ia terletak dalam kawasan medan jauh. Kemudian penjana isyarat dijanakan pada frekuensi janaan 107.5 MHz dan penganalisis spektrum disetkan untuk mengukur kekuatan medan pada frekuensi tersebut.

Jadual 4.2 Bacaan Kekuatan Isyarat pada Setiap Satah Secara Ukuran.

SUDUT PUTARAN	SATAH – E (dBm)	SATAH – H (dBm)
0	- 50	- 57
15	- 51	- 58
30	- 55	- 60
45	- 57	- 67
60	- 55	- 62
75	- 55	- 63
90	- 59	- 69
105	- 70	- 63
120	- 67	- 63
135	- 61	- 69
150	- 60	- 77
165	- 62	- 74
180	- 61	- 71

Jadual 4.3: Perbandingan ukuran parameter antena dengan simulasi dengan menggunakan perisian YAGIMAX2.0

Parameter	Simulasi	Ukuran
Gandaan	10.46 dBi	8 dBi
Nisbah Hadapan ke Belakang	13.9 dB	11 dB
Lebar Sinar Separuh Kuasa	46º Satah – E , 50º Satah - H	46º Satah – E , 60º Satah - H
Panjang	2 meter	2.05 meter
Galangan masukan	28.52 + j 55.21 Ω	50.3 Ω

Dari perbandingan tersebut, dapat dikatakan yang rekabentuk antena yang dibina adalah baik dan menghampiri rekabentuk secara simulasi. Oleh itu sebahagian dari sistem pencerapan ini sudah berjaya dibina.

5.0 Pencerapan Isyarat Radio

Pencerapan isyarat dengan menggunakan sistem penerima radio sangat popular digunakan oleh para amatur radio, untuk mencerap kehadiran meteor. Ini kerana dengan menggunakan kaedah ini, meteor dapat dicerap pada waktu siang dan malam. Sekiranya pencerapan menggunakan kaedah melihat, pencerapan hanya dapat melakukannya pada waktu siang sahaja. Satu lagi kelebihan cara pencerapan ini ialah, sistem ini tidak memerlukan si pencerap sentiasa berada disisi sistem kerana isyarat boleh dirakamkan dengan menggunakan pita perakam.

5.1 Pemasangan Sistem Penerima

Antena dipasangkan di satu kawasan lapang, di bahagian luar Makmal Komunikasi Fakulti Kejuruteraan Universiti Kebangsaan Malaysia. Jarak antara antena dan makmal ialah dalam linkungan 10 meter. Antena ini disokong oleh tiang yang diperbuat dari logam supaya ia lebih tahan bebanan dan tidak mudah patah sekiranya berlaku tiupan angin kencang. Tiang yang digunakan tidak terlalu tinggi, supaya berat antena dapat ditampung dengan baik dan tidak menyebabkannya membengkok. Tiang besi berbentuk L digunakan dengan panjang 2.5 meter. Tiang tersebut ditanam pada kedalaman 30 sentimeter dari permukaan tanah dan disetiap sisinya disokong dengan kayu agar ia lebih tahan tiupan angin.

Dengan menggunakan kompas, sudut 125º kearah tenggara diperolehi. Sudut tersebut mengarah ke Johor Bahru, dan dengan sudut tersebut antena akan diarahkan. Satu lagi logam berbentuk L yang lebih pendek (30 cm) telah digunakan untuk mencantumkan antena pada tiang utama, dan dengan ini antena boleh dicondongkan pada sudut yang dikehendaki. Dalam projek ini, antena dicondongkan pada sudut 65º dari ufuk.

Dengan menggunakan kabel RG58U (50Ω), sepanjang 15 meter yang disetiap hujungnya telah ditamatkan dengan penyambung (*BNC male*), bahagian masukan antena disambungkan kepada masukan pra-penguat. Pada masukan antena dan masukan pra-penguat, penyambung (BNC female) digunakan. Penggunaan penyambunug ini adalah untuk memastikan sambungan tersambung dengan baik. Keluaran dari pra-penguat disambungkan terus ke masukan antena radio.

5.2 Mencerap Isyarat

Percubaan mencerap isyarat yang dipantulkan oleh plasma meteor dilakukan selama dua malam, selepas kerja-kerja pemasangan selesai.

Tempat	: Makmal Komunikasi Fakulti Kejuruteraan UKM
Tarikh	: 12 hingga 13 Januari 2007
Masa	: 10 malam hingga 6 pagi
Kaedah	: mendengar dan merakam
Keadaan cuaca	: 12 / 1 / 2007 – hujan dan berpetir
	13 / 1 / 2007 – hujan dan berpetir

Hasil dari pencerapan yang dilakukan, didapati pada hari pertama (12 / 1 / 2007), tidak terdapat sebarang penerimaan isyarat yang dirakamkan. Terdapat gangguan sekejap-sekejap oleh stesen pemancar yang tidak diketahui. Gangguan hanya tamat pada kira-kira pukul 3.30 pagi. Gangguan tersebut bukan pantulan isyarat oleh meteor kerana setiap gangguan mengambil masa 2 hingga 5 minit, dan ini bukan ciri isyarat yang dipantulkan oleh meteor yang mana biasanya hanya mengambil masa dalam lingkungan milisaat. Pada hari kedua pencerapan (13 / 1 / 2007), keadaan cuaca tidak begitu baik dengan hujan dan berpetir. Keluaran radio mengeluarkan bunyi yang agak kuat semasa petir berlaku.

6.0 Kesimpulan

Sebuah sistem penerima isyarat melalui serakan meteor telah dapat dibina. Sistem ini terdiri daripada antena Yagi dan sebuah radio untuk menala isyarat. Antena Yagi yang dibina mempunyai ciri-ciri yang menghampiri ukuran secara simulasi yang menggunakan perisian YAGIMAX 2.0. Walaupun begitu, penambahbaikan masih diperlukan untuk mendapatkan ciri-ciri antena yang lebih baik. Percubaan pencerapan tidak berjaya mencerap isyarat yang dipantulkan oleh meteor. Ini adalah berkemungkinan beberapa faktor, antaranya masa pencerapan yang tidak sesuai dan kebarangkalian kehadiran meteor adalah kecil.

7.0. Rujukan

[1] George zay., 1997 Observing Technique-Radio International meteor Organisation mamber:chapter 5

[2] Schilling; Donald L.Meteor Burst Communications:Theory and Practise 1993:John Willey & Sons

[3] Warren L.Stutzman; Gary A. Theile. Antena Theory and design. Edisi 2. John Wiley

[4] Balanis Constatine.,1982 Antenna Theory Analysis and Design. Edisi 3. Harper & Row

[5] Gary M.Miller., 1993.Modern Electronic Communications Edisi 4. Prantice Hall international.Inc

E06: Development of Cost Effective PLC Training Kit by Using Arduino Platform (PLCduino)

Mohd Safit Bin Mohd Samsudin[1], Mohd Azri Bin Akhiak[2]
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat, Johor

[1]safit.jtm@1govuc.gov.my

Abstract

Kebolehan, kemahiran dan pengalaman dalam menggunakan Programmable Logic Controller (PLC) sebagai pengawal mesin mempunyai permintaan yang tinggi oleh industri. Pengajaran dan pembelajaran PLC ini biasanya disampaikan dengan bantuan peralatan kit latihan. Kit ini umumnya terdiri daripada PLC yang digabungkan dengan suis sebagai alat masukan (input) dan lampu sebagai alat keluaran (output). Namun kos memiliki kit latihan PLC adalah cukup mahal dan PLC itu sendiri mendominasi jumlah keseluruhan kos. Dalam projek ini, satu penyelesaian bagi mengatasi masalah ini dicadangkan dengan memperkenalkan peralatan kit latihan PLCduino. Pada dasarnya sistem ini menggunakan rajah tangga sebagai bahasa pengaturcaraan dan Arduino platform sebagai perkakasan pengawal. Set arahan rajah tangga secara automatik ditukar kepada bahasa Arduino dengan penggunaan perisian LDuino manakala syarat masukan atau keluaran PLC menggunakan beberapa komponen geganti. Sistem ini diharapkan mampu memberikan prestasi yang sama seperti sebuah PLC standard dengan kos yang lebih murah lebih kurang sebanyak 50 peratus.

***Kata Kunci**: PLCduino, LDuino, PLC, Arduino*

1.0 Pengenalan

Kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi telah mendorong manusia untuk berusaha mengatasi segala permasalahan yang timbul di sekitarnya serta meringankan pekerjaan yang ada. Salah satunya dunia perindustrian yang tidak hanya berperanan dalam satu bidang sahaja, melainkan disegenap bidang kehidupan manusia. Banyak perkara yang mungkin ketika ini memerlukan penyelesaian permasalahan dimana ianya mengkehendaki perbelanjaan wang, waktu, tenaga yang amat banyak untuk menyelesaikannya. Dengan adanya kemajuan teknologi pada masa ini, permasalahan tersebut dapat dikurangkan seminimum mungkin. Salah satu contohnya pada alat PLC yang dapat dibina dengan sesederhana mungkin dengan memanfaatkan mikro pengawal sebagai komponen utamanya.

2.0 Latar Belakang

Di antara faktor awal yang mengwujudkan rekaan dan pembangunan sistem kawalan PLCduino adalah seperti berikut :

- Keperluan kos yang murah
- Mudah diaturcarakan
- Pengawal yang mudah dikawal
- Sistem pendawaian yang ringkas dan mudah
- Lebih kecil dan keboleharapan yang tinggi
- Binaannya ringkas dan penyelenggaraanya murah

2.0 Kajian Lapangan



Hasil penelitian yang dijalankan dari tahun 2010 hingga 2013 didapati pelajar (peringkat diploma dan sijil) lebih gemar menggunakan PLC sebagai peranti pengawal pada projek akhir mereka. Kajian menunjukkan;

- 70% pelajar memilih PLC (PLC Nais, Omron, dan lain-lain)
- 20% pelajar memilih mikro pengawal (PIC16F877, Arduino dan lain-lain)
- 10% pelajar memilih sistem elektronik (litar pengawal, papan litar geganti dan sebagainya)

Hal ini kerana PLC mempunyai kelebihan seperti:

- Mudah dibuat pengubahsuiaan aturcaranya.
- Rekabentuk sistem kawalan mudah diubah dengan menggunakan perisian.
- Aplikasi kawalan yang meluas.
- Kebolehharapannya tinggi.
- Ketahanan kepada masalah persekitaran proses (suhu, lembapan, ketidakstabilan voltan dan hingar) yang baik.

Manakala PIC mempunyai kelebihan seperti;

- Kos pembuatan yang murah
- Kecekapan untuk menjalankan arahan atau program yang telah diprogramkan.
- Kemudahan untuk menaiktaraf pengawal mikro dan perisian.
- Alat ganti senang diperolehi jika berlaku kerosakan bagi tujuan pembaikan atau penggantian IC.
- Jumlah masukan/keluaran (I/O) yang banyak dan flexible.
- Kebolehan pengawal mikro untuk kegunaan aplikasi analog dan digital.

3.1 Kajian Ilmiah Terdahulu

Banyak kajian terdahulu yang dijalankan bagi mengurangkan kos pembinaan PLC serta mempermudahkan kaedah penggunaan PLC tersebut.

- Burhan, I., Talib, S. dan Azman, A.A. (March 2012) telah berjaya merekabentuk PLC training kit bagi tujuan pembelajaran. Walau bagaimana pun PLC training kit ini masih menggunakan PLC Omron, Siemens dan Nais sebagai pengawal.
- A F Kheiralla, Osama Siddig, Ahmed A Elhaj Mokhtar, Montasir Esameldeen, (June 2012). Dengan menggunakan PLC (Siemens STEP7-224XP) mereka telah merekabentuk sebuah PLC workbench dengan kos sebanyak USD 1600.
- Zaimi Bin Ahmad (March 2005). Beliau telah merekacipta suatu pengawal mikro lampu isyarat yang beroperasi berdasarkan aliran trafik semasa. Beliau menggunakan PIC 16F877 sebagai peranti pengawal dan PIC Basic Pro sebagai bahasa aturcara.
- Chong Kok Hee (April 2009). Projek ini menggunakan kawalan mikro untuk membanyakkan input atau output bagi PLC Omron CJ1GCPU42H. Ianya bertujuan supaya dapat mengurangkan kos tanpa mengubah asal unsur dan fungsi bagi PLC yang sedang digunakan.
- Mohd Shahrin Bin Darmin (May 2008). Projek ini mempunyai persamaan seperti projek di atas di mana 2 unit pengawal (PLC dan PIC) digabungkan bagi memperbanyakkan keluaran (expension).
- Dr. Wesley B. Williams P.E (June 2013). Bagi mengurangkan kos pembelajaran PLC secara pratikal beliau mencadangkan penggunaan perisian I-Trilogi digunakan bagi membina ladder diagram. Simulasi dari ladder diagram yang dibina boleh dijalankan menggunakan perisian Labview. Manakala peranti pengawai Arduino digunakan sebagai perkakasan pengawal mikro.

4.0 Penyataan Masalah

Walaupun PLC lebih gemar digunakan oleh pelajar, tetapi kos untuk membeli PLC adalah lebih mahal jika dibandingkan dengan PIC. Sebagai contoh; PLC jenis Nais dengan 32 I/O berharga lebih kurang RM1070 manakala PIC SK40C dengan 32 I/O berharga lebih kurang RM100. Perbezaan kos melebihi 10 kali ganda. Permasalahan lain yang dihadapi apabila jumlah input melebihi jumlah output ataupun sebaliknya. Contohnya jika nilai input dikehendaki 17 manakala output yang diperlukan hanya 2 port sedangkan PLC tersebut mempunyai 32 I/O iaitu 16 Input dan 16 Output. 1 unit PLC expension diperlukan lagi bagi mengisi 1 port input yang tidak mencukupi sedangkan terdapat 14 output yang masih tidak digunakan. Harga 1 unit PLC expension biasanya menyamai harga sebuah PLC utama.

Kajian ilmiah terdahulu yang dijalankan masih tertumpu bagi memperbanyakkan masukan dan keluaran PLC dengan menambah PIC sebagai peranti keluaran dan masukan. Masalah mengantaramuka PLC dan PIC ini masih menjadi isu yang besar dan perlu diperbaiki. Gabungan ini akan menyebabkan masalah baru timbul, dimana PLC menggunakan 24V dan PIC pula menggunakan 5V sebagai sumber bekalan kuasa, isyarat masukan dan keluaran. Masalah mengkomunikasi perisian PIC (seperti C, C++ dan *microcode*) dengan PLC (seperti *ladder diagram*, *function block* dan *sequence flow chart*) memerlukan sistem integrasi yang boleh membaca arahan dari kedua-dua peranti PLC dan PIC.

5.0 Kaedah Pembelajaran

Kaedah pembelajaran pada masa ini, pelajar perlu mempelajari subjek-subjek seperti PLC, Microcontroller, pengaturcaraan C atau C++, litar elektronik, electro-pneumatik dan sebagainya. Pembelajaran ini dijalankan dari peringkat sijil hinggalah ke ijazah. Kemampuan pelajar untuk menggunakan microcontroller menjadi sukar kerana tidak ke semua subjek tersebut diajar diperingkat sijil lagi. Kelemahan paling ketara ialah subjek-subjek tersebut diajar secara berasingan dan tidak dikaitkan secara terus antara setiap subjek. Kos penyediaan peralatan pengajaran juga tinggi kerana pihak institut perlu menyediakan makmal-makmal tertentu.

Kaedah pembelajaran PLCmikro dan PLCduino ini membolehkan pelajar mempelajari PLC dan microcontroller pada masa yang sama. Ianya membolehkan microcontroller di programkan menggunakan ladder diagram, di mana pelajar tidak perlu mengetahui pengaturcaraan C dan C++. Ini akan membolehkan pelajar mempelajari penggunaan microcontroller di peringkat awal (sijil) lagi. PLCmikro dan PLCduino ini mempunyai asas yang sama seperti sebuah PLC. Rajah 1 menunjukkan asas binaan sebuah PLC, PLCmikro dan PLCduino.



Rajah 1: Rajah blok asas



Rajah 2: Kit Permulaan (Starter Kit)



Rajah 3: Kendalian Carta Alir PLCduino

6.0 Keputusan Kajian

Modul yang telah dibina merupakan satu inisatif untuk membangunkan modal insan tenaga pengajar ILJTM dalam bidang instrumentasi sejajar dengan hala tuju Negara dalam melahirkan sumber manusia yang mahir berpengetahuan, dinamik dan berketerampilan. Perubahan teknologi yang pantas memerlukan latihan yang berterusan dalam membentuk kemahiran, pengetahuan dan sikap yang sesuai kepada tenaga pengajar / pegawai latihan kemahiran ILJTM. Graf di bawah memaparkan hasil yang di dapati dari kaji selidik yang telah dijalankan.



PLCduino lebih baik dari PLC



LDuino lebih mudah berbanding PLC programming



PLCduino lebih senang dipelajari berbanding PLC



Aturcara LDuino lebih mudah berbanding Bahasa peringkat tingg



Pelajar mendapati projek ini bermanafaat



Harga PLC yang mahal adalah penyebab penggunakan bertukar kepada PLCduino

Rajah 4: Kaji Selidik

Kesan kepada industri didapati hampir 70% hingga 80% industri perkilangan terutamanya industri automasi di negara ini menggunakan PLC secara meluas. Kebanyakkan para jurutera dan juruteknik mahir menggunakan PLC dengan kaedah pembinaan ladder diagram. Memperkenalkan mikro pengawal dengan bahasa pengaturcaraan seperti C, C++, Basic Language dan sebagainya amat sukar kerana perlu melatih mereka dalam jangka masa yang panjang. Penggunaan PLCmikro dan PLCduino ini dapat mengatasi masalah tersebut. Dengan hanya latihan dan pendedahan yang minima mereka mudah memahami konsep PLCmikro dan PLCdunio ini.

7.0 Kesimpulan

PLCmikro atau PLCduino boleh digunakan sebagai alat pengajaran dalam pembelajaran teknologi kejuruteraan elektrik secara khusus. Didalamnya terkandung kejuruteraan mekanikal seperti sistem pneumatik, kejuruteraan elektrik/elektronik seperti sistem litar geganti input dan output, kejuruteraan perisian seperti penggunaan perisian LDmicro, dan kejuruteraan automasi seperti sistem kawalan electro-pneumatik.

Kajian juga menunjukkan peningkatan minat dalam kalangan pelajar di peringkat rendah bermula daripada kolej vokasional (Tingkatan 4 dan 5) hinggalah ke peringkat diploma untuk menggunakan PIC atau Arduino sebagai peranti kawalan.

Pengembangan sistem PLCmikro dan PLCduino ini bukan sahaja membolehkan pelajar mempelajari asas kefungsian PLC tetapi pada masa yang sama pelajar juga dapat mempelajari kefungsian mikro pengawal. Ianya juga merupakan langkah pertama dalam usaha untuk menghasilkan PLC buatan Malaysia.

8.0 Rujukan

[1] Chong Kok Hee (April 2009). Expansion Of Input / Output PLC Omron CJ1GCPU42H Using PIC. Thesis (Universiti Technical Malaysia Malacca).

[2] Zaimi Bin Ahmad (March 2005). Designing A Traffic Light Controller Using PIC 16F877. Thesis (Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia).

[3] Mohd Shahrin Bin Darmin (May 2008). Inexpensive PLC Output Port Expansion Using Microcontroller. Thesis (Universiti Technical Malaysia Malacca).

[4] Dr. Wesley B. Williams P.E (June 2013). LabVIEW and Arduino as a getway to PLC programming. 120th ASEE Annual Conference. Paper ID #6767.

[5] Mohd Safit. Thesis Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik), UTHM Johor, January 2015, Development Of Cost Effective PLC Training Kit By Using Arduino Platform (PLCduino)

LAMPIRAN



Gambar 1: Evolusi Peralatan Pendidikan PLCmicro dan PLCduino Yang Dibangunkan.



Gambar 2: Peralatan Pendidikan PLC yang dibangunkan bagi tujuan perbandingan



Gambar 3: Perisian LDuino.



Gambar 4: Perisian LDmicro.

Gambar 5: Perbandingan harga

E07: Performance Analysis of Gas Discharge Tube (GDT) at Telecommunication Drop Wire Termination System

Mohamad Hatta Mohamed Nor
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Melaka

m_hatta.jtm@1govuc.gov.my

Abstracts:

The major role of lightning protection system such as gas discharge tube (GDT) at drop wire termination line is to secure the telecommunication and electronics equipment from both direct and indirect lightning overvoltage surge by intercepting flashes, reducing the impulse voltage level and guiding their currents to ground. Based on data recorded by Telekom Malaysia Berhad (TM) from July until September 2013 there are about 3747 cases of distribution points, drop wire termination line and customer internal wiring faults due to lightning overvoltage surge activities. These lightning issues contribute major problems to telecommunication utility company and their subscribers due to telecommunication line breakdown. The objectives of this project is to model, simulate, analyze and validate the lightning impulse generator based on IEC 60060-1 and also to model, simulate, analyze and validate the performance analysis of gas discharge tube (GDT) by testing their DC sparkover voltage, impulse sparkover, DC holdover voltage based on BS EN 61643 respectively. PSpice and Micro-Cap simulation software have used to simulate and analyze the effects of direct lightning strike to both protected and unprotected drop wire termination line. From results obtained, the GDT has performed well and sustained to protect the drop wire termination from lightning overvoltage impulse and dangerous DC sparkover voltage. Existing lightning surge arrester at drop wire termination line can be modified and upgraded based on results obtained to minimize the line breakdown.

Keywords: *Lightning protection system, gas discharge tube (GDT), telecommunication drop wire*

1.0 Introduction

Lightning is one of nature's most powerful and destructive phenomena. Lightning discharges contain awesome amounts of electrical energy and have been measured from several thousand amps to over 200,000 amps. Even though a lightning discharge is of a very short duration, typically 200 microseconds, it is a very real cause of damage and destruction [1].

The effects of a direct strike are obvious and immediately apparent such as transmission line damaged, buildings damaged, trees blown apart, personal injuries and even death. However, the secondary effects of lightning can caused overall performance of electronics systems severely affected by lightning induced transients and switching actions, which give rise to transient over voltages or surges. A reliable lightning protection scheme must encompass both structural lightning protection and transient over voltage (electronics systems) protection.

The major role of lightning protection is to secure a structure from lightning damage by intercepting flashes and guiding their currents to the ground. Since lightning tends to strike at the highest object in the vicinity, rods are typically placed at the apex of a structure and along its ridges; low-impedance copper conductor connects them to the ground. The isoceraunic map (lightning threats map) shown in Figure 1.1 will depict the number of lightning days per year where Malaysia stands as the world's number 2 lightning hotspot and with an average of 240 lightning days per annum which is about 40 strikes per square kilometer per year in year 2008 [1].



Figure 1: Malaysia Lightning Statistics Recorded by Jabatan Meteorologi Malaysia in year of 2008 [1].

2.0 Objective of project

The main objectives of this project are listed below:

1. To model the lightning impulse generator based on IEC 60060-1.
2. To model the DC sparkover voltage, impulse sparkover and DC holdover voltage based on BS EN 61643-311 standard.
3. To study, simulate, analyze and validate the effects of direct lightning strike to drop wire termination by using appropriate simulation software based on BS EN 61000-4-5 standard.
4. To study, simulate, analyze and validate the performance of existing gas discharge tube (GDT) by using appropriate simulation software based on BS EN 61643-311 standard.

3.0 Methodology

A project methodology is summarized into the flow chart as shown in Figure 3.1. The methodology of this project starts with modeling, simulating and analyzing the lightning impulse generator by PSpice simulation software based on BS61000-4-5 standard. After that, the performance analysis of gas discharge tube (GDT) is modeled, simulated and analyzed through Micro-Cap simulation software based on BS61643-311 standard. Three major criteria in performance analysis of gas discharge tube (GDT) have been taken into account, which are DC sparkover, impulse sparkover and DC holdover analysis.



Figure 2: Summarized of project methodology in flow chart

4.0 Results

E14: Kesan Penggunaan Kit Pengujian Contactor dan Auxillary Contact terhadap Minat Pelajar sebagai Alat dan Bahan Bantuan Mengajar

Muslihah binti Saman [1], Mohd Hisham bin Abd Jalil [2], Mohd J Sen bin Alias[3], Kamaruddin bin Masri@Shaárani [4]

Institut Latihan Perindustrian Pasir Gudang, Johor

Abstrak

Kursus Elektrik yang dijalankan dibawah Institut Latihan Kemahiran Awam dan Swasta merupakan salah satu bidang yang banyak menyumbang kepada tenaga mahir berkompetenan tinggi seiring dengan matlamat dan keperluan negara. Kursus ini turut dilengkapi dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Kekompetenan Voltan Rendah dan Voltan Tinggi yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST). Modul Kawalan Motor Elektrik Satu Fasa dan Tiga Fasa merupakan salah satu modul yang menjadi syarat bagi melayakkan seseorang mendapat sijil SKM dan sijil ST [1]. Modul ini melibatkan penggunaan 'contactor' dan 'auxillary contact' sebagai komponen utama yang bertindak sebagai suis penghidup sesebuah motor elektrik. Matlamat utama projek ini dibangunkan adalah untuk mendorong pelajar supaya lebih berminat untuk membuat pengujian melalui alat dan bahan bantuan mengajar (ABBM) yang dinamakan ***Kit Pengujian Contactor dan Auxillary Contact*** *dengan cara yang lebih pantas dan amat mudah, hanya dengan menekan sebuah suis ujian keterusan terhadap* ***'coil', litar pengeluaran (T1, T2 dan T3)*** *termasuk* ***semua 'contact normally open dan normally closed'*** *melalui LED yang dipasang dapat diketahui. Pengujian secara konvensional menggunakan multimeter agak menyukarkan dan memakan masa yang panjang. Keadaan ini menjadi punca pelajar mengabaikan kerja-kerja pengujian, malah masalah renjatan elektrik akibat menggunakan komponen rosak dan tidak selamat boleh berlaku [2]. Projek ini telah disahkan keberkesanannya oleh pakar elektrik dari kalangan pengajar berkompeten dan jurutera yang telah menggunakannya.*

Kata Kunci : *contactor, auxillary contact, motor, multimeter, ujian keterusan.*

1.0 Pengenalan

Penggunaan alat dan bahan bantuan mengajar (ABBM) yang sesuai amat penting terutamanya matapelajaran teknikal. Pembelajaran teknikal khususnya jurusan kejuruteraan seperti bidang elektrik dijalankan secara praktikal, penggunaan simulasi, h*ands-on*, projek, kaedah penyelesaian masalah dan contoh penyelesaian yang banyak adalah penting untuk meningkatkan pemahaman dan pengalaman pelajar (Mok, 2000). Terdapat pelbagai cara yang digunakan oleh setiap pensyarah untuk menghasilkan satu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Salah satu cara yang amat penting adalah melalui ABBM. ABBM boleh menimbulkan rangsangan dan keinginan pelajar untuk mengetahui dan mengaplikasi sesuatu pelajaran dengan kaedah yang lebih menarik, mudah dan berkesan.

Modul Kawalan Motor Elektrik adalah bermatlamat untuk memperkukuh dan mengembangkan pengetahuan, pemahaman, pengaplikasian serta menganalisis teori dan terampil dalam bidang amali kawalan motor elektrik satu fasa dan tiga fasa. Ia merangkumi konsep asas kawalan motor, fungsi kawalan motor, jenis-jenis kawalan motor, alat pandu, komponen kawalan, litar-litar kawalan motor, pemula voltan penuh dan kurangan, penyenggaraan dan pembaikan [3]. Melalui matapelajaran ini pelajar dapat mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran kawalan motor a.u satu fasa dan tiga fasa dalam bidang elektrik dan elektronik dan menganalisis dan merancang keperluan pendidikan menggunakan pengetahuan kemahiran dalam proses merekacipta projek. Selain daripada itu, pelajar akan berkebolehan mengembangkan dan memahami litar-litar kawalan motor elektrik, menyambung, memasang dan mengujilari pemula-pemula kawalan motor serta berkemahiran menyenggara dan membaiki kerosakan pemula-pemula motor satu fasa dan tiga fasa.

1.1 Pernyataan Masalah

Pengujian atau pemeriksaan terhadap peralatan dan komponen elektrik yang terlibat dalam pendawaian motor elektrik amat dititikberatkan kepada semua pendawai sebelum ia digunakan. Namun begitu aspek keselamatan ini telah diabaikan oleh hampir semua pelajar. Pengkaji mendapati, pelajar hanya menguji *contactor* dan *auxillary contact* apabila motor elektrik yang telah siap di pasang tidak berfungsi atau rosak. Punca-punca masalah mengapa pelajar mengabaikan kerja-kerja pengujian komponen ini sebelum digunakan adalah seperti dibawah :

a) Kaedah pengujian agak rumit.
b) Kaedah pengujian memakan masa yang panjang.
c) Kaedah pengujian kurang berkesan berikutan hasil pengujian yang tidak dapat diketahui dengan jelas.
d) Pelajar kurang berminat kerana kaedah pengujian kurang interaktif.

Masalah ini telah mendapat perhatian dan mendorong pengkaji untuk mencipta ABMM yang dinamakan **Kit Pengujian *Contactor* dan *Auxillary Contact***. Pendawaian yang melibatkan lebih dari satu motor akan melibatkan lebih banyak *contactor* dan *auxillary contact*, maka proses pengujian menggunakan multimeter akan mengambil masa yang lebih panjang. Justeru, pembangunan kit pengujian yang mampu menarik minat pelajar dan dapat memudahkan kaedah pengujian terhadap komponen tersebut adalah wajar dibina bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran kawalan motor elektrik.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk membangunkan Kit Pengujian *Contactor* dan *Auxillary Contact* sebagai ABMM adalah untuk menarik minat pelajar untuk menguji komponen tersebut sebelum membuat pendawaian agar aspek keselamatan seperti renjatan elektrik dapat dielakkan akibat menggunakan komponen yang rosak. Objektif utama kajian adalah seperti dibawah :

a) Mengenalpasti kelemahan pelajar terhadap konsep pengujian keterusan terhadap *Contactor* dan *Auxillary Contact* dalam Modul Kawalan Motor Elektrik.
b) Membangunkan Kit Pengajaran berbentuk suatu alat pengujian terhadap *Contactor* dan *Auxillary Contact* sebagai ABMM.
c) Menguji kebolehgunaan, kebolehfungsian dan rekabentuk alat penguji.

2.0 Metodologi Kajian

Kaedah kajian dilakukan menggunakan dua kaedah iaitu **kajian serta analisis dan kajiselidik**. Kajiselidik pertama dilakukan bersama pelajar di Bengkel Elektrik ILP Pasir Gudang yang terdiri dari pelajar lepasan SPM dan pelajar separuh masa yang telah bekerja sebagai juruteknik, penyelia dan jurutera dari kawasan Pasir Gudang.

2.1 Perlaksanaan keseluruhan kajian

Fasa pertama bagi menjalankan kajian ini ialah mencari dan mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber termasuklah buku, jurnal, laman web, tesis dan artikel. Setiap sumber dianalisis dengan teliti dan permasalahan dapat dikenalpasti. Pengkaji telah menjalankan temu bual tidak berstruktur bagi mengenalpasti punca masalah sebenar. Fasa kedua dalam perlaksanaan kajian ini adalah merekabentuk ABMM. Pengkaji menggunakan Model ADDIE sebagai panduan dalam merekabentuk kit pengajaran tersebut. Segala maklumat yang telah dianalisis daripada fasa pertama digunakan oleh pengkaji untuk menjana idea bagi merekabentuk kit pengajaran yang mempunyai ciri-ciri yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Langkah seterusnya adalah mengenalpasti dan menyenarai semua keperluan bagi membangunkan kit tersebut. Lakaran projek termasuk rekabentuk litar untuk menguji semua *normally open contact* dan *normally closed contact* haruslah dilakukan untuk memberi gambaran jelas tentang rekabentuk kit pengajaran yang dibangunkan. Setelah mendapat rekabentuk yang sesuai, proses pembinaan kit tersebut dijalankan.

Setelah kit dibina dan diuji fungsinya, langkah seterusnya ialah membangunkan prosedur latihan kepada pelajar supaya mereka dapat menggunakan kit tersebut dengan mudah dan betul. Fasa ketiga dimana pengkaji telah menguji dan menilai keberkesanan kit pengajaran tersebut terhadap pelajar seperti yang telah dinyatakan dalam persampelan dan populasi di dalam bab ini. Kaedah yang digunakan adalah kaedah tinjauan untuk mendapatkan maklumbalas dari pelajar termasuk pengajar berkompeten tinggi.

2.2 Pelaksanaan Kit Alat Pengujian *Contactor* dan *Auxillary Contact*

Cara pelaksanaan adalah bermula dengan penerangan pensyarah terhadap kepentingan membuat pengujian keterusan terhadap semua contactor dan auxillary contactor sebelum membuat pemasangan. Proses pengujian pada mulanya dilakukan secara konvensional menggunakan multimeter. Semua contact NO dan NC diuji keterusannya. Seterusnya pengajar memperkenalkan kit pengajaran yang dicipta. Pensyarah menguji keseluruhan contactor dan auxillary contact dan hasil ujian keterusan bagi semua contact NO dan NC dapat dilihat melalui 'indicator PENGUJI' dengan jelas. Sekiranya salah satu contact rosak, indicator tersebut tidak ON. Kaedah pengujian menggunakan ABMM akan diterangkan kepada pelajar dengan tujuan menarik minat pelajar supaya sentiasa membuat pengujian untuk mematuhi aspek keselamatan pelajar yang membuat pendawaian motor elektrik 3 fasa.

3.0 Keputusan dan perbincangan

Rekabentuk produk yang dihasilkan adalah ringkas, namun idea untuk menarik minat pelajar untuk membuat pengujian sebelum menggunakan komponen tersebut telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Gambar sebenar produk yang siap di ujicuba sebagai ABBM beserta buku panduan pengguna telah diberi pengiktirafan oleh jabatan seperti rajah 1.



Rajah 1 : Kit Pengujian beserta Manual Panduan Pengguna

Beberapa analisis data telah dibuat melalui 30 sampel berbentuk borang soal selidik yang melibatkan responden dari golongan pelajar dan pengajar di Bengkel Elektrik. Kajiselidik keberkesanan projek telah diambil sebelum dan selepas projek dihasilkan dan perbandingan terhadap keputusan kajian telah menunjukkan hasil yang positif.

Hasil kajian mendapati, sebanyak 90% responden berpuas hati dan bersetuju untuk menggunakan Kit Pengajaran yang dicipta sebagai alat uji berbanding kaedah konvensional. Manakala ABBM ini juga diakui mudah digunakan dan dapat menarik minat responden untuk menggunakannya memandangkan peratusan hasil kajian dalam Rajah 2 adalah amat memberangsangkan.

Jadual 1: Keputusan kajiselidik sebelum dan selepas penggunaan ABMM

BIL	Isu	Keputusan		Keputusan (%)	
		Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
1	Pengguna akan membuat pengujian sebelum memasang contactor dan auxillary contact	5	25	17%	83%
2	Alat pengujian dapat membantu pengguna untuk menguji semua contact dan coil pada komponen tersebut.	2	28	7%	93%
3	Kaedah dan alat pengujian yang digunakan sangat mudah dikendalikan.	2	28	7%	93%
4	Alat pengujian didapati sangat menarik, mudah digunakan dan berkesan	4	26	13%	87%
5	Setuju untuk menggunakan alat pengujian ini sebelum memasang komponen.	3	27	10%	90%
6	Faham aspek keselamatan tentang pengujian komponen	30	30	100%	100%
7	Memperkenalkan pada orang lain tentang keberkesanan alat pengujian ini	3	27	10%	90%



Rajah 2 : Graf perbandingan sebelum dan selepas penggunaan ABBM

Sebanyak 93% responden berpendapat bahawa kaedah dan alat pengujian yang dicipta amat mudah dikendalikan. Manakala perincian keputusan dari aspek penjimatan masa sebanyak 62.5% dapat dibuktikan melalui carta alir dan carta pai dalam Rajah 3.



Rajah 3 : Carta Alir dan Carta Pai Perbandingan Langkah Kerja

Rajah 4 menunjukkan keputusan ujian keterusan menggunakan ABBM adalah 100%, manakala hanya 37.5% sahaja yang dapat dilakukan melalui kaedah sedia ada.

MULTIMETER	ABBM
√ NC pada contactor	√NC pada contactor
✖ NO pada contactor	√NO pada contactor
√ NC pada 2 auxillary	√NC pada2 auxillary
✖ NOpada 2 auxillary	√NOpada2 auxillary
√ NC pada 4 auxillary	√NC pada 4 auxillary
✖ NO pada 4 auxillary	√NO pada 4 auxillary
✖ Litar pengeluaran (T1,T2, T3)	√Litar Pengeluaran (T1, T2, T3)
✖ ACTIVATE COIL	√ACTIVATE COIL
3/8 * 100 = 37.5	**8/8 * 100 = 100%**



Rajah 4 : Keputusan terhadap Meningkatkan jumlah pengujian keterusan terhadap semua *contact*

4.0 Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan Kit Pengujian *Contactor* dan *Auxillary Contact* memberikan kesan yang positif terhadap pencapaian pelajar di dalam modul Kawalan Motor Elektrik. Selain daripada itu, kajian ini juga menerapkan dua aspek utama iaitu pengetahuan konseptual iaitu teori dan pembelajaran melalui pengalaman iaitu latihan praktikal. Projek ini secara tidak langsung mampu menyelesaikan masalah didalam membuat pengujian keterusan dengan lebih cepat dan efisyen.

Produk ini telah dipertandingkan pada 25hb Febuari 2014 diperingkat jabatan dan mendapat **JOHAN** kategori teknikal. Pencapaian pingat **PERAK dalam Pertandingan CITEC** peringkat ILJTM di ILP Kuala Lumpur tahun lepas juga membuktikan produk ini boleh dipasarkan. Untuk meneruskan cabaran inovasi, kami telah membuat penyeragaman prosedur pengujian *contactor dan auxillary contact* kepada semua pelajar di ILP Pasir Gudang khususnya di Bengkel Elektrik, Penjaga Elektrik Voltan Rendah A0 dan Kebanyakan Bengkel lain seperti Bengkel Mekanik Industri, Elektronik Industri, Instrument Perindustrian yang kebanyakkannya membuat pendawaian motor menggunakan contactor dan auxillary dan seterusnya diseragamkan di seluruh ILJTM diseluruh Malaysia. Dengan sokongan pihak pengurusan, kami akan meneruskan usaha bagi membantu pelajar-pelajar untuk terus menambah baik sehingga mampu dipatenkan. Insyaallah.

Kesimpulan dari hasil analisis dan perbincangan yang dibuat, jelaslah bahawa pelajar memperakui penggunaan ABBM tersebut dapat membantu dan menarik minat mereka untuk membuat pengujian keterusan sebelum membuat pendawaian, Selain itu projek ini turut memberi impak kepada bahagian pengurusan dalam menjimatkan kos bahanguna habis untuk membeli bahan dan peralatan latihan berbentuk alat bantuan mengajar. Kit ini telah diperakui keberkesanannya oleh pengajar dan pekerja mahir yang mempunyai berkompeten tinggi yang telahpun menggunakannya.

5.0 Rujukan

[1] Buku Garis Panduan Pendawaian Elektrik Suruhanjaya Tenaga, Edisi 2008, pp 41-43.

[2] Standard MS IEC 60364:2003 ‘Electrical Installation of Building – Guide to MS IEC 60364.

[3] Gagne, P, Holt, Rinehart dan Winston (1976) The Condition of Learning. NY. Ibrahim Mamat (1993). Kepimpinan Sekolah : Teori dan Praktis. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

[4] Yahya b. Emat (1984). Kawalan Motor Elektrik : Kuala Lumpur : Adabi Sdn. Bhd.

[5] Saharudin Busri (2009). Definisi dan Penghasilan Reka Bentuk. Reka Menjana Inovasi (1). Ms 3

[6] Contactor Testing by Using PLC – Research Public Journals. Retrieved on 27th April 2015 on www.researchpublish.com

[7] The Basic of Contactors, Paul Frank, PRIMEDIA Workplace Learning (1999). Retrieved on 7th Mei 2015

[8] Journal of Engineering Technology (JET), Vol. 2

E15: Home Integrated System for Surveillances and Automation using NFC Technology

Nasiruddin Bin Sadan[1], Mohd Affidi Bin Sidek[2]
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kemaman, Terengganu

nasiruddin@jtm.gov.my
affidi.sidek@jtm.gov.my

Abstrak

Dewasa ini, perkembangan teknologi semakin pesat dengan tercetusnya idea dan ciptaan yang dihasilkan. Namun tidak dinafikan, dengan kemajuan teknologi ini manusia juga semakin hilang pertimbangan diri, jenayah semakin meningkat dan antaranya adalah jenayah pecah rumah. Justeru itu, projek ini dibangunkan untuk mengawal kejadian ini daripada berleluasa. Sistem pengawasan ini menggunakan litar kawalan kamera yang berupaya merakam pergerakan objek yang kemudiannya akan dihantar terus kepada telefon bimbit pengguna untuk makluman dan tindakan selanjutnya. Apabila menerima imej, pengguna boleh bertindak untuk mengaktifkan penggera, menghidupkan lampu atau mengaktifkan 'autolock door'. Selain dari tujuan pemantauan, sistem bersepadu ini adalah gabungan bersama kawalan automasi iaitu satu ciri-ciri yang biasa ada bagi rumah pintar (Smarthome). Sistem automasi ini membolehkan pengguna mengawal kelengkapan rumah seperti mengawal perkakasan elektrik sekiranya pengguna tiada dirumah hanya dengan mengimbas pada Near Field Communication (NFC) tag menggunakan telefon bimbit. NFC adalah teknologi terkini dimana setiap data atau maklumat disimpan didalam tag dan pengguna boleh mengaktifkan atau menyahaktifkan arahan yang diperlukan hanya dengan sekali imbasan tag pada NFC reader ataupun menggunakan telefon bimbit yang dilengkapi dengan fungsi NFC. Dengan terhasilnya projek ini, sistem pemantauan rumah dapat dilakukan dengan lebih efisen disamping dapat mewujudkan satu sistem kawalan rumah yang pintar.

***Kata Kunci** : Near Field Communication (NFC), Surveillances, Automation*

1.0 Pengenalan

Menjelang tahun 2020, Negara kita kini sedang menuju untuk mencapai status sebuah negara maju, seiring dengan itu, kemajuan teknologi dan inovasi menjadi antara tonggak utama negara demi mencapai wawasan tersebut. Namun tidak dinafikan, manusia kini juga semakin hilang nilai-nilai kemanusian. Jenayah semakin berleluasa, tanpa mengira waktu, tempat dan mangsanya. Saban hari kita dikejutkan dengan kejadian-kejadian jenayah di media elektronik dan media cetak. Kita semakin hari merasakan semakin tidak selamat. Malahan berada dalam rumah sendiri pun belum menjamin keselamatan kerana dengan adanya jenayah samun, pecah rumah dan seumpamanya. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia di antara tahun 2005 hingga 2013 seperti jadual 1 di bawah, jenayah pecah rumah adalah penyumbang kes yang tertinggi dicatatkan untuk sepanjang tempoh tersebut.

Jadual 1: Statistik indeks jenayah di Malaysia bagi tahun 2005 – 2013

KESALAHAN	TAHUN 2005	TAHUN 2006	TAHUN 2007	TAHUN 2008	TAHUN 2009	TAHUN 2010	TAHUN 2011	TAHUN 2012	TAHUN 2013	JA
JENAYAH KEKERASAN :										
BUNUH	497	606	590	654	601	568	530	602	627	
ROGOL	1,887	2,454	3,176	3,494	3,840	3,693	3,270	2,964	2,718	
SAMUN BERKAWAN BERS/API	40	67	75	182	815	1,809	318	110	98	
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	1,842	2,723	7,093	21,804	23,722	15,809	16,084	16,738	16,647	
SAMUN BERSENJATAPI	317	248	197	76	155	309	52	17	21	
SAMUN TANPA S/API	13,210	19,467	17,235	4,959	4,862	3,834	3,871	3,275	3,565	
MENCEDERAKAN	4,246	5,843	6,793	6,648	8,370	8,111	6,537	6,244	5,699	
JUMLAH	**22,039**	**31,408**	**35,159**	**37,817**	**42,365**	**34,133**	**30,662**	**29,950**	**29,375**	
JENAYAH HARTABENDA :										
CURI	34,317	42,472	44,646	41,215	40,864	36,406	30,502	24,299	21,405	
CURI MOTOKAR	9,711	11,154	12,428	15,198	14,222	15,290	16,110	16,196	16,733	
CURI MOTOSIKAL	51,709	65,462	67,606	67,359	61,394	54,557	50,896	51,259	49,133	
CURI VAN/LORI/J'BERAT	5,507	6,338	5,047	6,263	5,524	4,774	4,472	4,526	4,981	
CURI RAGUT	9,617	11,074	11,106	8,205	9,739	5,950	3,453	2,500	2,118	
PECAH RUMAH DAN CURI	24,465	28,872	33,590	35,588	38,570	35,052	30,200	24,939	23,317	
JUMLAH	**135,326**	**165,372**	**174,423**	**173,828**	**170,313**	**152,029**	**135,633**	**123,719**	**117,687**	
JUMLAH JENAYAH INDEKS	**157,365**	**196,780**	**209,582**	**211,645**	**212,678**	**186,162**	**166,295**	**153,669**	**147,062**	

Justeru itu, sebagai salah satu langkah mengatasi masalah ini, satu projek inovasi telah dicipta khusus untuk membantu meningkatkan kawalan keselamatan terhadap rumah kediaman. Disamping itu, projek ini juga mempunyai dwi-fungsi yang utama kerana selain bertujuan untuk sistem pemantauan rumah, ia dilengkali dengan sistem automasi yang menghubungkan peralatan rumah seperti lampu, kipas dan peralatan elektrik dimana pengguna boleh mengaktifan pada bila-bila masa dan dimana jua dengan menggunakan *Near Field Communication (NFC) t*ag ataupun telefon pintar.

NFC merupakan satu teknologi terkini dimana ia adalah perkongsian data antara medium aktif dan medium pasif. Dengan itu, komunikasi akan berlaku ialah diantara peranti pintar seperti telefon pintar (medium aktif) dan medium seperti kad ataupun tag (medium pasif) apabila sistem ini diaktifkan. Selain itu, antara kegunaan lain teknologi NFC adalah seperti berikut:

i. Pembayaran Mobile *(e-wallet)*
ii. Perkongsian data tanpa wayar (wireless)
iii. NFC tag
iv. Mendapatkan informasi
v. Transit dan Boarding Pass

2.0 Objektif

Antara objektif utama perlaksanaan projek ini adalah:

i. Untuk meningkatkan sistem keselamatan dirumah dengan sistem kawalan kamera litar tertutup yang mengesan kehadiran penceroboh
ii. Untuk tindakan susulan sekiranya berlaku kecurian seperti mengaktifkan sistem kunci automatik.
iii. Sebagai sistem kawalan automasi bagi peralatan rumah
iv. Sebagai aplikasi bagi teknologi *Near Field Communication* yang terkini
v. Untuk memudahkan urusan seharian manusia

3.0 Metadologi Projek

3.1 Sistem dan Perkakasan

3.1.1 Wireless IP Camera

Wireless IP Camera mereupakan peranti utama yang digunakan sebagai sistem pemantauan bagi projek ini. Kamera litar tertutup ini dilengkapi dengan sistem pengesan pergerakan (motion sensor) yang akan diaktifkan apabila mengesan kehadiran objek bergerak seperti pencuri atau penceroboh. Kamera ini akan disambungkan dalam satu rangkaian internet dan gambar imej yang dirakam akan dihantar terus kepada telefon bimbit pemilik untuk maklumat dan tindakan selanjutnya.

Rajah 1: FOSCAM Wireless IP Camera

Rajah 2: Konfigurasi bagi penyambungan IP Camera

3.1.2 Arduino Board

Arduino Board merupakan papan pembangunan *(development board)* yang menggunakan mikropengawal jenis ATMEGA sebagai peranti utama pengawalnya. Modul ini dilengkapi dengan sebahagian pin input dan output yang boleh digunakan untuk mengawal litar keluaran yang lain berdasarkan aplikasi tertentu.



Rajah 3: Papan pembangunan Arduino

Spesifikasi:

Microcontroller :	ATmega328
Operating Voltage :	5V
Input Voltage :	7-12V
Input Voltage (limits) :	6-20V
Digital I/O Pins :	14 (of which 6 provide PWM output)
Analog Input Pins :	6
DC Current per I/O Pin :	40 mA
Clock Speed :	16 MHz

3.1.3 NFC Shield

Near Field Communication (NFC) shield merupakan satu peranti tambahan yang disambungkan kepada papan pembangunan Arduino. Fungsi utama *NFC shield* ini adalah untuk mengesan *NFC tag* sekiranya diimbas pada permukaan shield tersebut. Setiap tag yang berbeza akan menghantar isyarat data yang berbeza. Data ini digunakan sebagai input bagi mengawal sistem automasi seperti menghidupkan dan mematikan lampu atau peralatan elektrik yang lain.

Rajah 4: Near Field Communication (NFC) Shield

3.1.4 NFC Tag

Dengan menggunakan NFC tag, kitaran penghantaran data yang berlaku adalah seperti berikut:

- Kad yang mempunyai cip memori NFC (kad ini juga dikenali sebagai NFC Tag ataupun NFC Smart Poster) merupakan kad yang dikuasakan oleh medan magnet. Ia tidak memerlukan sebagai bateri untuk menggerakkan operasinya. Bergantung kepada jenis memorinya sama ada data di dalamnya boleh dipadamkan/ditulis semula atau tidak.
- Peranti pintar yang merupakan medium aktif akan memancarkan gelombang radio untuk berkomunikasi dengan NFC Tag. Gelombang yang dipancarkan akan mengaktifkan NFC Tag tersebut.
- NFC Tag yang menerima gelombang radio itu akan berinteraksi dengan peranti pintar dan seterusnya menghantar data yang diminta oleh peranti pintar.

Ciri-ciri berkenaan ialah perkongsian data lebih perlahan jika dibandingkan dengan Bluetooth, jarak antara dua peranti mestilah teramat dekat (kurang dari 4 cm), namun ia menggunakan tenaga yang kurang dan juga ia tidak memerlukan sebarang pengesahan berkata-laluan (authentication code) ataupun pairing process. Hanya pastikan sahaja 2 peranti pintar berada pada satu jarak yang dekat, aktifkan NFC dan penghantara data boleh dilakukan.



Rajah 5: Simbol bagi NFC Tag **Rajah 6: Imbasan NFC Tag menggunakan telefon pintar**

3.1.5 Ethernet Shield

Ethernet shield adalah satu papan papan tambahan yang disambungkan kepada papan pembangunan Arduino. Ia digunakan untuk menghubungkan kepada capaian internet ataupun *rangkaian dalaman (local network.* Dengan ini, pengguna boleh mengakses sistem ini dimana jua mereka berada menggunakan internet. Pengguna juga bebas untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan apa jua peranti hanya menggunakan telefon bimbit yang diungkan kepada sistem ini menggunakan capaian internet.

Rajah 7: Ethernet Shield

3.1.6 Solenoid Lock

Solenoid lock merupakan satu peranti eletronik yang menggunakan prinsip aruhan elektromagnetik. Apabila bekalan kuasa diberikan kepada gegelung yang dililit pada teras besi, aruhan elektromagnetik akan terhasil seterusnya akan menarik teras besi keluar atau masuk. Solenoid lock ini digunakan untuk mengunci pintu atau tingkap secara automatik menggunakan sistem kawalan automasi yang telah diprogramkan. Apabila penceroboh dikesan memecah m asuk ke dalam rumah, pengguna boleh mengaktifkan sitem autolock ini dan penceroboh akan terkunci di dalam rumah dan tidak boleh melarikan diri.

Rajah 8: Solenoid Lock

3.2 Prinsip Operasi

Sistem ini menggabungkan peranti masukan seperti *NFC shield* dan *Ethernet shield* kepada papan pembangunan Arduino. Segala bentuk arahan dan tindakan telah diprogramkan kedalam *microcontroller* yang ada pada Arduino. Keluaran yang terhasil boleh dikawal sepenunya oleh pengguna samaada menggunakan komputer ataupun telefon bimbit.



Rajah 9 : Rajah blok sistem keseluruhan

3.3 Pembangunan Projek

Pembangunan yang utama bagi projek ini adalah sistem pendawaian dan pembangunan model bangunan rumah.

Rajah 10: Pendawaian pada papan panel

Rajah 11: Pembangunan model rumah

Rajah 12: NFC tag

4.0 Keputusan dan Analisis

4.1 Network Configuration

Sistem ini menggunakan medium internet untuk menghubungkan antara sistem wireless camera, NFC teknologi dan pengguna. Dengan itu, pengguna boleh mengakses sistem hanya dengan menggunakan telefon pintar mereka walau dimana berada. Oleh itu, konfigurasi antara sistem dan rangkaian internet perlu dilakukan terlebih dahulu dengan menggunakan internet shield. Rajah berikut menunjukkan konfigurasi antara internet shield yang telah diprogramkan.



Rajah 13: Kod pengaturcaraan bagi konfigurasi internet browser



Rajah 14: Output bagi paparan web browser

4.2 Android and NFC Configuration

Rajah berikut menunjukkan kod pengaturcaraan bagi konfigurasi antara NFC shield dan Arduino board.



Rajah 15: Kod pengaturcaraan bagi NFC shield

Rajah 16: Tetapan masukan dan keluaran bagi NFC Shield

5.0 Kesimpulan

Apabila projek ini selesai sepenuhnya, dijangka ia dapat digunakan untuk meningkatkan tahap kawalan keselamatan ke atas rumah persendirian mahupun premis-premis awam. Selain itu, sistem kawalan pintar menggunakan teknologi NFC ini membolehkan pengguna mengawal sistem automasi di dalam rumah walau dimana jua mereka berada tanpa perlu berada dekat dengan peralatan tersebut.

6.0 Rujukan

[1] Gerai Cerdas: **" DFRduino Ethernet Shield",** www.geraicerdas.com/mikrokontroler/shield/dfrduino-ethernet-shield-detail

[2] Kompasiana: **" Fungsi NFC pada Smartphone",** http://www.kompasiana.com/dwikristiani/fungsi-nfc-padasmartphone

[3] "Cytron Technology", www.cytron.com.my

[4] "Home-Arduino", www.arduino.cc/

E16: Keys Protection System

Roshaizad Bin Ruslan[1], Letchumy[2]
Jabatan Elektrik & Elektronik
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Melaka

Abstrak

Keys Protection System adalah satu projek yang direka bertujuan untuk mengesan kehilangan kunci serta pengguna terakhir yang bertanggungjawab mengambil kunci tersebut. Sistem ini akan berupaya mengesan pengguna yang bertanggungjawab samada ketika mengambil atau memulang kunci. Ia akan memaparkan maklumat kunci yang diambil serta maklumat pengguna itu sendiri yang diwakili dengan kod yang telah ditetapkan. Pengguna perlu menggunakan kad RFID yang dibekalkan bagi membuka kotak kekunci dan mengenalpasti identiti. Setelah kunci diambil maklumat tentang kunci tersebut dan identity pengguna akan terpapar pada seven segment display. Sistem ini dibangunkan menggunakan aplikasi dan pengaturcaraan arduino.

Kata Kunci : kad RFID, arduino, seven segment display

1.0 Pengenalan

Keys Protection System merupakan projek yang menggabungkan kejuruteraan elektrikal dan elektronik untuk menyelesaikan masalah berdasarkan keadaan sebenar. Kesukaran melakukan pemantauan terhadap pergerakan kunci bilik dan makmal di kawasan tempat kerja mencetuskan idea untuk menghasilkan projek ini.

Projek ini sebenarnya sebuah kotak penyimpanan kunci yang mampu dan berupaya mengesan pengguna terakhir, kedudukan kunci dan status kunci yang diambil. Pembangunan projek ini mengambil kira keadaan mesra pengguna, dimana penggunaannya tidak memerlukan keupayaan teknikal yang tinggi dan amat mudah difahami.

1.1 Latarbelakang Masalah

Pelbagai cara dan sistem bagi tujuan pemantauan pergerakan kunci sebelum ini masih gagal untuk mengelakkan daripada kes kehilangan kunci dan mengesan pegawai yang bertanggungjawab menggunakannya. Kaedah manual seperti merekod di dalam buku pergerakkan, meletakkan tanda nama pada kunci yang diambil nampaknya bukanlah satu cara yang berkesan kerana ia memerlukan displin yang tinggi kepada pengguna.

Risiko keselamatan yang terpaksa ditanggung dengan kes-kes kehilangan dan kecurian sebelum ini memerlukan satu penyelesaian khusus yang perlu dibuat. Berdasarkan keperluan dan kepentingan yang mendesak maka projek ini dipilih untuk dibangunkan. Satu kajian yang dilakukan diantara bulan Januari 2013 sehingga November 2013 menunjukkan penggunaan sistem yang digunapakai sebelum ini mempunyai banyak masalah. Berikut disenaraikan masalah yang dihadapi oleh pengguna menggunakan kaedah buku pergerakkan:

i. Pengguna tidak merekod peminjaman kunci di dalam buku pergerakan
ii. Berlaku kes kehilangan kunci
iii. Tidak diketahui pengguna yang bertanggungjawab jika beliau tidak merekod pergerakan kunci.
iv. Pemantauan pergerakan kunci sukar dilakukan dan memerlukan displin yang tinggi oleh para pengguna.

2.0 Kaedah Pembangunan Sistem



Rajah 1: Rajah Blok Sistem RFID

RFID bermaksud "*Radio- Frequency Identification*"**.** Tag RFID yang mempunyai identiti unik pada setiap kad akan dibaca oleh *RFID Reader.* Identiti pengguna akan diketahui dengan penggunaan Tag RFID ini. *RFID Reader* ini akan menghantar maklumat kepada aplikasi yang dibangunkan menggunakan pemproses jenis *Arduino. Arduino* ini diprogram untuk mengawal aplikasi sistem kunci automatik, paparan maklumat jenis kunci yang diambil dan identiti peminjam serta maklumat pemulangan kunci.

2.1 Cartalir pengunaan kotak kunci

Pengambilan kunci:



Rajah 2a: Cartalir pengunaan kotak kunci (Pengambilan Kunci)

Pengguna akan mengimbas Tag RFID dan identiti pengguna akan dikenalpasti. Kunci pintu kotak akan terbuka secara automatik. Apabila pengguna mengambil kunci, maklumat kunci dan kod identiti pengguna akan terpapar. Maklumat ini akan kekal selagi kunci yang diambil tidak dipulangkan. Kunci pintu akan terkunci dengan sendiri apabila ia ditutup.

Pemulangan kunci:



Rajah 2b: Cartalir pengunaan kotak kunci (Pemulangan Kunci)

Ketika pemulangan kunci, pengguna perlu menggunakan Tag RFID bagi pengesahan identiti. Pintu kotak kekunci akan terbuka secara automatik apabila pengguna dikenalpasti. Apabila kunci dikembalikan ke tempat asal maklumat kunci dan kod pengguna akan terpadam.

3.0 Rekabentuk Projek

Rekabentuk kotak kekunci ini diperbuat dari kayu dan mempunyai tempat letak kunci serta petunjuk paparan *seven segment display*.

8.1 Rekabentuk mekanikal



Rajah 3a : Pandangan hadapan



Rajah 3b :Pandangan atas



Rajah 3c : Pandangan sisi



Rajah 3d : Lukisan isometrik

Rajah 3e: Kotak Kekunci

Rajah 3f: Prototaip Keys Protection System

3.2 Pembangunan Aturcara

Ini adalah contoh aturcara yang dibangunkan menggunakan perisian Arduino bagi membangunkan projek ini.

KeyManagementControlV2

```
#define sevenSegLED(ucChar) \
((ucChar == '0') ? 0xFC : \
(ucChar == '1') ? 0x60 : \
(ucChar == '2') ? 0xDA : \
(ucChar == '3') ? 0xF2 : \
(ucChar == '4') ? 0x66 : \
(ucChar == '5') ? 0xB6 : \
(ucChar == '6') ? 0xBE : \
(ucChar == '7') ? 0xE0 : \
(ucChar == '8') ? 0xFE : \
(ucChar == '9') ? 0xF6 : \
(ucChar == ' ') ? 0x00 : ucChar);
```

Rajah 4: Aturcara Projek

Define menyatakan kaki 7segment sebagai output dalam penomboran hexadecimal

```
#include <EEPROM.h>

char buffer[12];
char id[12];
byte index=0;
boolean data_received = false;
byte number[16];
```

Rajah 5: Aturcara Projek

EPROM sebagai memori yang akan menyimpan data. Jika berlakunya bekalan kuasa terpupus, data yang disimpan tetap akan ada. Jadi nombor yang terpapar sebelum ini akan terpapar semula apabila kuasa dihidupkan semula dan ia tidak akan reset.

```
char numID[5][10] = {
{'0','0','0','3','5','3','3','7','7','6'},
{'0','0','0','8','1','5','8','1','7','3'},
{'0','0','0','8','1','5','8','0','2','5'},
{'0','0','0','8','1','6','2','8','2','6'},
{'0','0','0','8','1','6','2','8','7','9'}
```

Rajah 6: Aturcara Projek

Char num ID adalah tempat untuk menyatakan nombor yang akan di imbas oleh RFID, nombor ini terdapat pada kad RFID. Jika ingin membuat penambahan, masukkan no kad RFID yang lain pada *char num ID*.

Byte mempunyai satu program yang menyatakan tempat atau kaki pada *Arduino* yang akan mengeluarkan output yang telah ditetapkan pada aturcara.

```
pinMode(rst, OUTPUT);
pinMode(en, OUTPUT);
pinMode(latch, OUTPUT);
pinMode(sdat, OUTPUT);
pinMode(sclk, OUTPUT);
digitalWrite(rst,LOW);
delay(10);
digitalWrite(rst,HIGH);
digitalWrite(en,LOW);
digitalWrite(sclk,LOW);
digitalWrite(latch,HIGH);
digitalWrite(sdat,HIGH);
```

Rajah 7: Aturcara Projek

Kami menggunakan *code digital wire* kerana dalam sistem yang kami laksanakan. Kami telah menghubungan antara cip dengan cip (RFID), oleh itu data yang akan diterima oleh A*rduino* adalah dari signal bukanya suis.

```
void loop() {

 if(data_received == true)
 {

  data_received = false;

  for(byte idx=0;idx<5;idx++)
  {
    short error=0;
    //compare
    for(int i=0;i<10;i++)
    {
     if( numID[idx][i] != buffer[i+1]) error++;
    }

    if(error==0)
    {
      digitalWrite(relay1,HIGH);
```

Void loop yang kami gunakan bertujuan untuk memangil semula program. Misalnya selepas nombor yang telah terpapar mengeluarkan nombor 1. Apabila USB dimasukkan semula, nombor yang terpapar akan menjadi kosong semula.

4.0 Keputusan Dan Analisis

Setelah prototaip *Keys Protection System* ini siap dibangunkan satu ujian keberkesanan dilakukan di Bahagian Mekatronik. Projek ini mula dipasang pada Julai 2014. Ujian keberkesanan ini amat penting bagi memastikan masalah seperti berikut berjaya diatasi.

i. Pengguna tidak merekod peminjaman kunci didalam buku pergerakan
ii. Berlaku kes kehilangan kunci
iii. Tidak diketahui pengguna yang bertanggungjawab jika beliau tidak merekod pergerakan kunci.
iv. Pemantauan pergerakan kunci sukar dilakukan dan memerlukan displin yang tinggi oleh para pengguna.

Sehingga Mei 2015, hasil soal selidik dan pemantuan yang dilakukan mendapati semua masalah yang timbul sebelum ini berjaya diatasi sepenuhnya.

5.0 Perbincangan

Teknologi terpenting dalam pembangunan projek ini adalah pengunaan RFID. RFID bermaksud "*Radio-Frequency Identification*"**.** Singkatan ini secara amnya merujuk kepada satu sistem yang mengandungi tiga bahagian utama: *Tag* RFID, RFID *reader* dan aplikasinya. *Tag* RFID adalah peranti elektronik yang kecil direka menggunankan cip yang sangat kecil dan dikelilingi dengan antena. Cip kecil ini berupaya untuk membawa sejenis informasi berpandukan aplikasi. Selain itu cip ini juga berupaya untuk bertindak balas terhadap isyarat gelombang elektomagnet yang diterima melalui antena. Penggunaan peranti RFID adalah sama seperti bar kod atau strip magnet dibelakang kad kredit atau kad ATM,ia memiliki identiti tersendiri yang unik setiap satunya. Ini adalah sebab utama kenapa RFID dipilih dalam menentukan identity pengguna bagi projek ini.

Kaedah penggunaan sistem ini amat mudah dan mampu menentukan status individu yang menggunakan. Pemantuan yang minima keatas pergerakan kunci dapat dilakukan. Kes-kes kehilangan kunci juga dapat diatasi kerana para pengguna menyedari bahawa mereka akan dikesan dan bertanggungjawab keatas kunci yang dipinjam.

6.0 Kesimpulan

Hasil daripada ujian keberkesanan pengunaan yang dilakukan diantara Julai 2014 hingga Mei 2015 mendapati projek ini amat berjaya dilaksanakan. Namun begitu setelah ujian keberkesanan pengunaan dilakukan dapat diperhatikan sistem ini mempunyai kelemahan yang perlu diatasi jika ingin dikomersialkan iaitu:

i. Pembinaan Kotak Kekunci hendaklah daripada bahan yang kuat dan kukuh.
ii. Alat-alat kawalan dan elektronik haruslah ditingkatkan keboleharapan dengan pemilihan komponen dan kaedah etching PCB yang terbaik.

Antara penambahbaikan yang boleh dilakukan pada sistem ini adalah menaiktaraf sistem perekodan dengan pengguna mampu memantau dengan menggunakan computer dan mencetak semua pergerakan kunci dan individu yang bertanggungjawab.

7.0 Rujukan

[1] http://www.airqualitymonitoring.blogspot.com/2012/10/pic16f877a-microcontroller.html

[2] http://www.societyofrobots.com/images/sbs_voltage_regulator.JPG

[3] http://asyyshafiesmtmt.blogspot.com/2009/06/perintang.html

[4] http://www.microchip.com /from Sparkfun or Iteadstudio connected to Arduino-art3rfid1.htm

[5] http://en.wikipedia.org/wiki/.vibration sensor.htm

[6] http://www.cytron.com.my/usr_attachment/PR25_DD.pdf

E17: Smart Genetic Algorithm Controller

Ong Joo Hun[1]
Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai Nibong Tebal, Pulau Pinang
Electrical & Electronic Department

ongjh188@ilpapnt.gov.my

Abstract

The objective of this project is to design, develop and optimize the performance of an industrial robotic arm in terms of its positioning and speed to perform any application. We will introduce Genetic Algorithm (GA) that able to look for the optimum sequences to solve its path planning via evolutionary solutions. GA will determine the best combinatorial paths in order to minimize the total motion of welding time in shortest travel distance. To develop this project, studies have been emphasized on the development of the Cartesian robot structure that include its kinematics and dynamics analysis, classification and configurations of the robots, modernized drive technology to perform motion planning, and sophisticated customized programming software to control and interfacing to the outside world / applications. For automating the path planning process, computational intelligence is considered the main and powerful methods to develop this robotics system. This project involves in developing a machine learning system that is capable of performing independent learning capability for a given tasks. The design and development of this project will involve two major sections. First section concerns about hardware construction, wiring and testing. Second section involves software design to control the movement of the robot for spot welding. The hardware design can be categorized into two sections; the electrical design and mechanical design. The electrical design involves wiring of control components such as control of stepper motor, input and output devices as well as **power supply** *and safety devices. The mechanical design will include mechanical parts fabrication. The software parts will include design of Graphical User Interface GUI simulator, GA optimization module and hardware / software integration. Finally, the developed genetic algorithm controller has been tested its functionality and implemented successfully in this Cartesian robot system to perform spot welding process compare to conventional control method used in industrial robotics applications.*

Keywords: *Genetic Algorithm (GA), Cartesian Robot*

1.0 Introduction

A Cartesian coordinate robot is an industrial robot whose one or more principal axes of control are linear. They move in a straight line rather than rotate. Among other advantages, this mechanical arrangement simplifies the robot control arm solution. Cartesian robots are being widely employed in industrial applications such as automobile spot welding or assembling lines that handle a variety of car models. In order to avoid the risk factor in spot welding application, various steps can be taken. One of the prominent methods is by substituting the human hands with the robotic arm in handling these dangerous and hazardous environments.

It is with these reasons that this study was conducted with the primary objective to design and develop a new low-cost, high-efficiency Cartesian robotic arm for application such as spot welding. A new evolutionary computation method using Genetic Algorithm (GA) to control and optimize the system performance in terms of its positioning and speed that would contribute towards encouraging a productive and quality process. GA operates on populations of candidate controllers, initially selected from some distribution. This population of candidate controller is repeatedly grown according to crossover, mutation and other GA operators and then culled according to the fitness function.

The competition between different companies regarding price and performance of the Cartesian robot and control system has been the most important motivation. In case of cost saving on robotics equipments, we have come out this solution to aware national interest in science and technology as this constitutes a prerequisite for an inventive society.

2.0 Problem Statement

The problem can be stated as: Given a Cartesian robot with a spot welding torch (laser head as replacement of torch), a set of known fixed coordinates with the initial and final configurations, find a coordinated motion plan for the laser head from its initial to final configuration, and optimizing the overall time taken for the laser head to perform spot welding application.

To give an idea of the complexity of the problem, let's consider a number of n coordination points and one origin points for the laser head fixed at positions (x_0, y_0). For this application, the search space is a discrete space and there are (*n*!) permutation scheme of the close routes or path that this robot has to go through. GA is relatively effective global search algorithm to find the best or approximate optimization solution for the shortest path and time in this problem.

The above mentioned problem is actually same as the well-known "Traveling Salesman Problem (TSP)" that of finding the shortest closed tour through a given set of cities visiting each city exactly once. The objective function is the sum of the Euclidian lengths of all edges among the salesman's route. The Euclidean distance between points *P* (p_1,p_2,…,p_n) and *Q* (q_1,q_2,…,q_n) in Euclidean n-space is defined as:

$$\sqrt{(p_1-q_1)^2+(p_2-q_2)^2+\ldots+(p_n-q_n)^2}=\sqrt{\sum_{i=1}^{n}(p_i-q_i)^2}$$

The developed Cartesian robot is scheduled of a route for the spot welder to perform welding on a work piece. In this robotic application, the "cities" are points to weld, and the "cost of travel" includes the time for retooling the robot (single machine job sequencing problem).

Thus, given a set of points C = {c_1, c_2, …,c_k}, for each pair (c_i, c_j), i≠j, let d(c_i, c_j) be the distance between point c_i and c_j. Solving the TSP entails finding a permutation π' of the points ($c_{\pi'(1)},\ldots,c_{\pi'(k)}$), such that

$$\sum_{i=1}^{k} d(c_{\pi'(i)},c_{\pi'(i+1)}) \le \sum_{i=1}^{k} d(c_{\pi(i)},c_{\pi(i+1)}) \qquad \forall \pi \neq \pi', (k+1) \equiv 1$$

The size of the solution space, *q* is given in equation 1.2 for *n* > 2, where *n* is the number of points. This is the number of Hamiltonian cycles in a complete graph of *n* nodes, that is, closed paths that visit all nodes exactly once.

$$q = \frac{1}{2}(n-1)!$$

For a laser head with *n* number of coordination points, the numbers of possible solutions / routes are *n*! where *n* = the number of points are given in Table 1. Therefore, an evolutionary solution such as genetic algorithm is introduced to optimize the performance and solve the path planning sequences problem in shortest time.

Table 1: Number of possible solutions

No. of Points (*n*)	Number of Solutions
5	120
10	3628800
50	3.04E+64

3.0 Overview of the Project

The optimization of the spot welding process is the task of finding the best combinational paths for spot welding through a given set of vertices. A method is presented to minimize the total motion time taken for spot welding operation. The method uses a coordination diagram and trajectories planner that can easily be implemented in the Cartesian robot as shown in Figure 1.

The development of the control system can be divided into standard spot welding program and an optimization program as illustrated in Figure 2. The standard spot welding software consists of a graphical user interface (GUI) where users can input objects data. The program is responsible to learn and store the data into the main database. The data includes vector coordinates and motion parameters such as speed, acceleration, welding delay and stopping delay. The main database can be extracted and used as for basic sequential spot welding. The optimization program consists of using the genetic algorithm. The data from the main database will be extracted and processed by the algorithm to form a GA database. From the GA database, the optimized welding operation can be done via the interface of the robot's controller.

Figure 1: Cartesian robot for spot welding application and the main controller



Figure 2: Block diagram of genetic algorithm controller for cartesian robot

4.0 Hardware Development

The hardware of the proposed system can be divided into electrical and mechanical sections. The electrical section consists of electrical protection system, power distribution system, I/O module, electro-pneumatic-based Z axis, stepper motor control and the main controller wiring. These include the design of schematic and wiring diagram for the robotic system. The mechanical section consists of lead screw drive system, jig and fixture module, and mechanical base. The electrical and mechanical module are designed and constructed stage by stage. Figure 3 shows the block diagram of the proposed Cartesian robot system.



Figure 3: Block Diagram of the robotic system design

Two units of Parker Compumotor OEM750X micro stepping drive/controller are applied as the main controller for this project. The main functions of these controllers are feedback info analysis, data processing, actuation signals generation and operation sequencing etc. Table below shows the performance parameter of the driver.

Table 2: OEM750X micro stepping drive/controller's performance parameter

Parameter	**Specification**
Accuracy	±5 arc min (0.0833°) typical.
Repeatability	±5 arc sec (0.0014°) typical.
Resolution	16 selectable choices: 200, 400, 1000, 2000, 5000, 10000, 12800, 18000, 20000, 21600, 25000, 25400, 25600, 36000, 50000, 50800
Waveform	Selectable. Allows waveform shaping for optimum smoothness or relative accuracy. Pure sine; -4%, -6%, -8%, -10% 3rd harmonic.
Encoder A, B and Z Channel	Single-ended, active high; Logic Low = 0-0.8V; Logic High = 2.0-5.0V
Limits and Home Inputs	Logic High = 2.0–5.0V; Logic Low = 0–0.8V
2 Programmable Outputs	Logic Low = maximum of 0.44 V (sinks to 24 mA)
Motor Type	Two-phase hybrid permanent magnet, 1.8°
RS-232C Interface	9,600 baud rate, 8 data bits, 1 stop bit, no parity

5.0 Software Development

The process of developing the entire control system software can be divided into several major stages. These are simulation graphical user interface (GUI) package that consists of machine learning module and GUI control simulator, GA optimization module and hardware and software system integration. The final process involves troubleshooting and minor modifications to problems encountered and testing. Figure 4 shows the flow chart of the GA optimization main program while Figure 5 and Figure 6 show the GUI simulator in optimizing the Cartesian robot's path planning process and control.

The simulation package consists of a GUI where it links and directs the flow of the working process. It is a medium to allow interaction between the hardware, control system and database. In this simulation package, the input data would be stored and learned in the database. The data from the database can be extracted to be processed and executed via the hardware.



Figure 4: Genetic algorithm operation program



Figure 5: GUI Simulator for GA optimization in Cartesian robot system control (Ver. 1.0)



Figure 6: GUI Simulator for GA optimization in Cartesian robot system control (Ver. 2.0)

6.0 Results and Discussions

A test was conducted to compare the performance of a GA optimization and random solutions in terms of its total travel distance. The maximum generation was set to be 500, with the population size at 20 along with 90% crossover rate and a mutation rate of 1%. From the results shown in Figure 7 and Figure 8, it can be observed that the graph for GA achieve the shortest path and time for all points compare to the random search. This means that the fitness solution obtained by GA is better compare to random. This is because GA employs the evolutionary process in solving the problem. In each generation, fittest chromosomes (or solutions) are selected as the parents to produce the children (or new solutions) that inherited the strength of both parents. The offspring would then replace the worse chromosomes. Therefore the solution keeps improving.

On the other hand, in random search, the solution would not go through the evolution process as GA. The effect of GA compare to random can be observed more clearly when the number of maximum generation is reduced, in which only run for 200 generations.



Figure 7: Distance comparison between GA and random



Figure 8: Real time control for GA and random

7.0 Conclusion

The genetic algorithm (GA) controller for Cartesian robotic system has successfully designed and developed for spot welding application. The objective of this project is successfully achieved that include hardware design of electrical and mechanical parts fabrication, GA optimization programming and customized GUI simulator and control system. The performance optimization of the path planning for the robot is based on the TSP algorithm. The simulation results indicate that the GA is able to find the shortest marking path for different types of objects topologies. GA is also better in both the ability and the speed to find optimal solution compared to random search. Therefore, GA should be applied instead of random search in order to obtain better results.

As a conclusion, we have solved a permutation problem in robot path planning by combining genetic algorithm programming. The adoption of this new technology and control system into the modern industrial robotics system will help to solve workflow problems, sophisticated machines and complexity manufacturing processes. It is vital for us to solve the related functionality issues and problems thus enhancing the efficiency of the applications.

8.0 References

[1] Baharin, I. B. (1989). *Robotics: Kinematics, Simulation and Artificial Intelligence*. Proceeding of First National Computer Science Conference. Volume 1, pp. 97-100, Kuala Lumpur, Malaysia.

[2] Bentley J. L. (1992). *Fast Algorithms for Geometric Traveling Salesman Problems*. ORSA Journal on Computing, (4):387-411.

[3] Beyer H. G. and Deb K. (2001). *On self-Adaptive Features in Real-Parameter Evolutionary Algorithms*, IEEE Transactions on Evolutionary Computation 5(3), pp. 250-270.

[4] Chryssolouris G. and Velusamy S. (2001). *Dynamic scheduling of manufacturing job shops using genetic algorithms*. Journal of Intelligent Manufacturing, vol.12, no.3, pp.281-293.

E18: E-Basic Electricity For Beginner

Siti Noormaizura Sarkam[1], Hafizah Mohamad Deli[2]
Jabatan Elektrik & Elektronik,
Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai, Nibong Tebal

[1]*noormaizura@ilpapnt.gov.my*, [2]*hafizah@ilpapnt.gov.my*

Abstrak

Basic Electricity (Asas Elektrik; Kod: B01-01-02) merupakan salah satu modul yang wajib dipelajari oleh pelajar-pelajar jurusan Teknologi Elektrik 1 Fasa. Modul ini melibatkan 2 jam kredit dan merupakan asas utama bagi pembelajaran dalam bidang elektrik. Modul yang merangkumi pengenalan dan pengaplikasian Hukum Ohm, Hukum Kirchoff, sambungan litar, pengiraan jumlah beban, voltan, arus dan lain-lain. E-BasicElectricity ini dibangunkan bagi menginterpretasikan Kertas Penerangan bagi Modul 2 iaitu Basic Electricity (Asas Elektrik). Projek ini dibangunkan bagi mempertingkatkan kefahaman pelajar terhadap modul ini selain menunjukkan aplikasi Hukum Ohm, Hukum Kirchoff dan lain-lain pengiraan yang berkaitan, dapat menyelesaikan masalah pengiraan dengan mudah serta mendapat gambaran yang jelas mengenai modul ini. Projek yang menggunakan Microsoft Office sebagai pengantaramuka ini diharap dapat membantu pelajar dalam menguasai rumus-rumus, aplikasi dan penyelesaian masalah berkaitan modul ini. Projek ini juga dapat mengurangkan penggunaan kertas (paperless) kerana pelajar hanya perlu memuat turun Kertas Penerangan bagi Modul 2 ; B01-01-02; Basic Electricity.

Kata Kunci: *Hukum Ohm, litar, beban, voltan, arus*

1.0 Pengenalan

Sebelum seseorang pelajar dapat menguasai dan mahir dalam bidang elektrikal terutamanya kerja-kerja teknikal, seseorang pelajar itu seharusnya dapat menguasai bidang asas elektrik secara teoritikal bagi memastikan pepasangan atau kerja-kerja yang dilakukan tidak membahayakan kepada diri sendiri, peralatan dan juga pepasangan. Selain menitikberatkan soal penggunaan peralatan pelindungan keselamatan (PPE) seperti pemakaian yang sesuai, kasut keselamatan dan topi, pelajar juga harus mahir dalam membuat pengiraan sebelum sesuatu pepasangan dijalankan agar tidak terjadi litar pintas atau kebocoran litar yang boleh menyebabkan kecederaan atau kerosakan pad alat dan perkakasan.

Asas Elektrik diajar kepada pelajar Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang mengikuti Kursus Teknologi Elektrik di dalam modul Basic Electricity (B01-01-02). Antara ketrampilan yang diuji adalah kemahiran pelajar membuat pelbagai pengiraan yang melibatkan pelbagi jenis beban iaitu rintangan (Resistor) , pemuat (Capacitor) dan peraruh (Inductor). Pelajar ditentusahkan sebagai terampil sekiranya litar atau pendawaian disambung dengan betul.

2.0 Pernyataan Masalah

Kebiasaannya semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PnP) , pengajar menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan secara penerangan, penyampaian nota dan sesi soal jawab. Pemahaman teori pelajar dinilai berdasarkan tugasan, kuiz, ujian dan perbincangan kumpulan. Nota yang banyak diberikan kepada pelajar adakalanya tidak dapat difahami oleh pelajar kerana kebanyakan tugasan diberikan dalam bentuk pengiraan. Kepelbagaian bentuk soalan pengiraan dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran dan pemahaman mereka dalam modul ini.

Oleh itu, satu aplikasi komputer yang mudah dikendalikan, mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi serta mampu menjimatkan masa pengajaran diperlukan bagi meningkatkan produktiviti dan keberkesanan latihan. Hal ini penting agar proses pengajaran dan pembelajaran tidak tergendala dan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan selain memberi lebih masa kepada pelajar untuk melakukan latihan amali sekaligus memahami aplikasi pengiraan atau teori dalam kerja-kerja amali yang dijalankan. Selain itu, pelajar juga tidak perlu menggunakan banyak kertas kerana latihan atau tugasan dapat dilaksanakan menggunakan komputer.

3.0 Latar Belakang e-Basic Electricity for Beginner

Kajian literatur mendapati cara konvensional dalam mempelajari modul *Basic Electricity (B01-01-02)* agak susah difahami oleh para pelajar kerana pelajar generasi kini yang menceburkan diri dalam bidang kemahiran adalah golongan yang kurang berminat dengan pembacaan dan pemahaman nota. Mereka lebih mudah memahami sesuatu subjek atau modul yang melibatkan pengiraan dengan membuat latihan secara berulang-ulang atau aktiviti fizikal seperti yang dijalankan dalam sesi latihan amali.

e-Basic Electricity for Beginner yang dihasilkan hanya menggunakan Microsoft Office sebagai pengantaramuka membolehkan semua pelajar dapat menggunakan program ini tanpa perlu memuat turun aplikasi lain atau perisian lain. Program yang mudah ini juga dapat digunakan oleh semua peringkat umur mahupun lapisan masyarakat seperti pelajar sekolah rendah, menengah ataupun pelajar yang bukan berlatarbelakangkan bidang elektrikal.

4.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

Kajian mendapati pencapaian pelajar dalam memahami modul *Basic Electricity (B01-01-02)* dapat dipertingkatkan melalui penilaian yang dijalankan.

Jadual 1: Perbandingan keputusan penilaian purata 40 orang pelajar

Kaedah Penilaian	Konvensional	*e-Basic Electricity for Beginner*
Markah purata	50%	80%

Selain dapat digunakan untuk memahami aplikasi rumus-rumus dalam pembelajaran teori dalam pengajaran dan pembelajaran, *e-Basic Electricity for Beginner* dilihat berpotensi untuk digunakan oleh sesiapa sahaja yang terlibat di dalam kerja-kerja pemasangan elektrik. Penggunaan program ini juga dapat mengurangkan penggunaan kertas (*paperless*).

5.0 Kesimpulan

e-Basic Electricity for Beginner dapat membantu dan memudahkan pengguna amnya dan pelajar jurusan Teknologi Elektrik 1 Fasa khususnya untuk memahami dan menguasai modul *Basic Electricity (B01-01-02)*. Ia juga mempunyai nilai komersil untuk dikembangkan dan dipasarkan. Selain mudah digunakan, *e-Basic Electricity for Beginner* juga mampu meningkatkan produktiviti serta motivasi untuk belajar dan bekerja. Penambahbaikan boleh dilakukan dengan membangunkan program ini dalam bentuk aplikasi android.

6.0 Rujukan

[1] www.electricianinformationresource.com
[2] Kertas Penerangan Modul 2 B01-01-02 LE 1 , ILJTM
[3] www.electricianexampracticetests.com/

E19: Solar Powered Lawn Mower

Alwary Suhaimy Johari[1], Raja Muhammed Raja Daud[2],
Siti Noormaizura Sarkam[3]
Jabatan Elektrik & Elektronik,
Institut Latihan Perindustrian Arumugam Pillai, Nibong Tebal

alwary@ilpapnt.gov.my,raja_mohd@ilpapnt.gov.my,
noormaizura@ilpapnt.gov.my

Abstract:

According to the U.S. Environmental Protection Agency (EPA), lawn mowers (like snow blowers, chain saws, leaf blowers and similar gas-powered garden equipment) emit high levels of carbon monoxide; a colorless, odorless, poisonous gas. EPA claimed that the lawn mowers also emit hydrocarbons and nitrogen oxides, pollutants that contribute to the formation of ozone. While ozone occurs naturally in the upper atmosphere and shields the earth from harmful radiation, ozone at ground level is a noxious pollutant. Ground-level ozone impairs lung function, inhibits plant growth and is a key ingredient of smog. As a result, we created remote control solar-powered lawn mower to help cut down on air pollution, gas consumption and noise which sustainable, environmentally friendly way of maintaining one's lawn that can be use by anyone even though a children. By using remote control, kids especially will like it and indirectly enhanced them in helping their parents during gardening.

Keywords: remote control, sustainable, pollutants, environmentally friendly, lawn mower

1.0 Pengenalan

Mesin rumput adalah satu mesin yang menjadi keperluan dalam kehidupan masyarakat buat masa ini. Di sekeliling rumah, sekitar pejabat, tanah-tanah lapang, padang-padang permainan, taman-taman rekreasi dan pelbagai tempat lagi pasti ada rumput yang mana sebagai tumbuhan yang membesar dan bertambah bilangan dari masa ke semasa, perlulah adanya proses untuk memotong dan merapikan rumput tersebut. Untuk tujuan itu mesin rumput telah dicipta dalam perkembangan teknologi manusia. Pelbagai jenis mesin rumput telah dicipta, daripada zaman tiada teknologi manusia menggunakan pisau yang bengkok di hujung untuk memotong rumput. Seterusnya teknologi berkembang masnusia mencipta mesin rumput menggunakan enjin. Ada yang jenis dipegang dan dikawal dengan tangan dan ada yang ditolak ke hadapan untuk memotong rumput. Semuanya itu adalah untuk tujuan memotong rumput. Teknologi makin berkembang pelbagai mesin rumput telah dicipta dari menggunakan enjin kepada menggunakan bateri dan daripada dikendali secara manual kepada dikendali dengan kawalan radio dan sebagainya. Projek ini dijalankan untuk merealisasikan mesin rumput yang menggunakan kuasa solar sebagai penggerak dan kawalan sepenuhnya menggunakan kawalan radio.

2.0 Pernyataan Masalah

Mesin rumput konvensional menimbulkan pelbagai kesan dan masalah seperti berikut :

i) Bahan api untuk mesin rumput yang sentiasa berlaku kenaikan harga membebankan pengguna
ii) Kesusahan bagi pengguna yang tidak boleh terkena bahang matahari panas untuk memotong rumput
iii) Mesin rumput galas belakang dengan kuasa enjin menghasilkan bunyi yang bising yang boleh membawa kesan kepada pendengaran pengguna
iv) Mesin rumput galas belakang juga agak berat untuk digunakan secara berterusan beberapa jam bagi pekerja-pekerja cuci kawasan dan ia mungkin akan membawa kepada kesakitan tulang belakang dan pinggang

Oleh itu, Mesin Rumput Berkuasa Solar (*Solar Powered Lawn Mower*) yang mudah dikendalikan, mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi serta mampu menjimatkan masa penggunaan dicipta bagi meningkatkan produktiviti.

3.0 Latar Belakang Solar Powered Lawn Mower

Kajian literatur mendapati projek ini dapat :

- Meningkatkan daya kreativiti dan inovasi pelajar dan pengajar
- Mencuba untuk menghasilkan sesuatu yang berguna kepada masyarakat
- Menghasilkan *prototype* yang boleh berfungsi dengan baik
- Memahami setiap fungsi komponen yang digunakan dalam projek
- Meningkatkan pengalaman pelajar dalam kerja-kerja elektrikal dan mekanikal
- Memupuk daya saing dalam diri pelajar untuk mencapai apa yang dirancang
- Memupuk kerjasama dalam kumpulan dikalangan pelajar
- Mengenal erti kepuasan dari hasil bertungkus lumus berusaha keras

4.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

4.1 Mesin rumput sedia ada di pasaran

i) Menggunakan solar hanya untuk rotor pemotong tetapi masih perlu di tolak secara manual sekeliling padang.
ii) Dikawal sepenuhnya menggunakan radio tetapi masih menggunakan enjin untuk menggerakkan mesin dan memotong rumput.
iii) Ada yang diprogramkan secara bijak untuk memotong rumput dan pulang ke tempat asal untuk di cas bateri semula tetapi tidak menggunakan solar, masih lagi menggunakan sumber elektrik di rumah untuk mengecas semula bateri

4.2 Solar Powered Lawn Mower

i) Dengan menggunakan solar panel dan bateri sepenuhnya, pengguna dapat memotong rumput tanpa menggunakan walau setitik bahan api. Ini pasti amat menjimatkan pengguna. Solar Panel boleh bertahan 20 hingga 30 tahun pasti akan membuatkan pengguna teruja akan ketahanan penggunaannya.
ii) Mesin rumput yang dikendalikan sepenuhnya secara remot dari jarak jauh akan memudahkan pengguna yang tidak tahan dengan bahang matahari. Pengguna dapat duduk di bawah pokok atau di halaman rumah atau dari dalam rumah untuk mengawal mesin rumput dan ia dapat beroperasi dengan baik tanpa masalah.
iii) Dengan menggunakan sepenuhnya mesin rumput yang dapat dikawal dengan radio , pekerja tidak terbeban dengan masalah bunyi yang bising dari enjin dan juga beban berat yang perlu digalas di belakang.
iv) Pada masa yang sama ia akan mengurangkan kemungkinan kos rawatan yang akan timbul dengan pelbagai masalah kesihatan yang mungkin timbul.

5.0 Kesimpulan

Projek ini boleh dikembangkan dengan memasang sensor yang membolehkan mesin rumput bergerak sendiri tanpa kawalan secara radio. Ia akan bergerak untuk memotong rumput dan jika ada halangan ia akan mengubah haluan dengan sendiri. Ia akan diprogramkan untuk memotong rumput mengikut koordinat dan luas ruang dengan penetapan panjang dan lebar dari titik mula ia beroperasi. Penambahbaikan lain adalah menggunakan bahan-bahan yang lebih ringan dan mengubah rekaan menggunakan motor yang lebih kecil kuasanya untuk mengurangkan penggunaan tenaga. Dengan pengurangan beban bahan dan kuasa motor yang di gunakan maka saiz solar panel dapat dikurangkan, ini akan menjimatkan kos pembinaan mesin rumput ini.

6.0 Rujukan

[1] http://www.cytron.com.my/
[2] http://en.wikipedia.org
[3] http://www.cprogramming.com/

E20: Prototaip Sistem Amaran Kepala Air

Syamsul Halim Bin Wahab[1] , Fairuzana Binti Kamso[2]
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Alor Gajah, Melaka
Jabatan Elektrik & Elektronik

syamsulh.jtm@1govuc.gov.my, fairuzana.jtm@1govuc.gov.my

Abstrak

Fenomena kepala air merupakan salah satu fenomena semulajadi yang masih tidak diketahui umum secara meluas. Boleh dikatakan semua kawasan air terjun berpontensi untuk berlakunya kepala air ini. Kebiasaannya, fenomena ini berpunca daripada hujan lebat yang berlaku di hulu sungai. Apabila hujan lebat, aliran air ini menjadi sangat deras dan seterusnya membawa kelodak, dedaun dan juga kayu balak yang boleh mengancam bahaya kepada pengunjung air terjun. Berikutan banyak kejadian yang telah berlaku, ADTEC Melaka telah membangunkan Prototaip Sistem Amaran Kepala Air bagi menangani masalah ini. Dengan ini, satu mekanisme pemberitahuan dibangunkan untuk memberi amaran awal mengenai paras air yang telah mencapai tahap kritikal.

Hasil kajian yang dijalankan, mekanisme pemberitahun yang sesuai adalah menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS). Melalui sistem ini, penderia terapung diletakkan di bahagian atas air terjun, di mana ia akan mengesan paras air hampir mencapai keadaan kritikal. Apabila penderia diaktifkan, dua isyarat SMS akan dikeluarkan. Satu SMS adalah pemberitahuan kepada pengawal dan satu SMS lagi akan mengaktifkan sistem di bahagian bawah air terjun . Sistem di bahagian bawah air terjun akan membunyikan penggera (siren) untuk memberi amaran awal kepada pengunjung sekiranya berlaku kenaikan paras air secara mendadak. Dengan ini, ia memberi ruang kepada pengunjung untuk menyelamatkan diri. Projek ini dibangunkan untuk menghasilkan sistem amaran kepala air dengan kos yang lebih efektif berbanding dengan sistem yang sedia ada.

Kata Kunci : Kepala air, Sistem Pesanan Ringkas (SMS), Mekanisme Pemberitahuan, Penderia Terapung, Pengawal.

1.0 Pengenalan

Kepala air bermaksud punca aliran air secara semulajadi dalam kuantiti yang besar serta menghanyut segala sampah, kelodak dan pokok-pokok daripada hulu sungai atau air terjun ke sungai utama secara mengejut [4]. Lazimnya, ia berpunca daripada hujan lebat yang berlaku di hulu sungai. Kepala air cuma berlaku di sungai-sungai kecil dan ianya tidak bermusim. Fenomena 'kepala air' adalah sangat berbahaya dan tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak. Dengan ini, satu sistem amaran yang efisien perlu ada di setiap kawasan air terjun.

2.0 Latarbelakang

Sehingga kini, walaupun tiada statistik yang tepat, kadar kematian disebabkan fenomena kepala air di kawasan air terjun semakin meningkat. Masih ramai yang tidak mengetahui bagaimana fenomena kepala air ini boleh terjadi. Ini menjadikan orang ramai tidak peka akan keselamatan diri mereka. Antaranya boleh dilihat dalam berita-berita tempatan seperti yang ditunjukkan dalam Gambarajah 1.

Sebelum 'Kepala Air' Lalu　　Semasa 'Kepala Air' Lalu

3 beradik lemas di hutan lipur

> "Saya terkejut melihat 'kepala air' mengalir deras bersama objek yang kelihatan seperti manusia. Apabila diamati saya dapati ia seorang lelaki dan seorang perempuan dewasa bersama dua kanak-kanak terkapai-kapai minta tolong," kata Turiman Bostam, 40, saksi kejadian lemas mengorbankan tiga beradik perempuan, semalam.

Tiga sahabat ditemui maut

'Kalau umur aku panjang' umpama petanda tragedi lemas di kawasan perkelahan

INFO

Gambarajah 1: Berita berkenaan fenomena kepala air

Kajian dilakukan pada Stesen Siren Gemas di Negeri Sembilan mendapati terdapat beberapa masalah yang dialami oleh sistem siren sedia ada yang menyebabkan pengoperasiannya tidak efektif dan kurang sesuai [3]. Berikut adalah masalah tersebut.

i. **Bunyi siren tidak didengari**
Apabila berlakunya banjir, bunyi siren tidak didengari bagi penduduk yang tinggal berjauhan dari sistem siren ini. Maka amaran tidak dapat diketahui dengan segera yang boleh menyebabkan keadaan bahaya pada penduduk.

ii. **Bunyi siren terlalu kuat**
Bagi penduduk yang tinggal berdekatan dengan sistem siren ini pula, bunyi siren yang kuat apabila berlakunya banjir pula menyebabkan gangguan pendengaran kepada mereka.

iii. **Tiada perhubungan secara SMS dengan orang awam**
Perhubungan secara SMS dengan orang awam atau penjaga kawasan adalah penting bagi memastikan langkah berjaga-jaga dapat diambil dengan segera. Sistem sediaada terhad kepada bunyi siren sahaja.

iv. **Kos pemasangan yang tinggi.**
Kos pembinaan dan pemasangan sistem yang agak tinggi sehingga mencecah ratusan ringgit menyebabkan sistem seperti ini tidak dapat dipasang di semua kawasan rekreasi air terjun yang kebiasaannya menghadapi fenomena kepala air yang amat membimbangkan kini.

3.0 Prototaip Sistem Amaran Kepala Air

Prototaip Sistem Amaran Kepala Air ini adalah satu sistem berdasarkan teknologi SMS [2] yang telah dibangunkan oleh Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Melaka bertujuan untuk memaklumkan amaran awal kepada penjaga kawasan dan pengunjung terhadap kemungkinan berlakunya fenomena kepala air di kawasan rekreasi air terjun. Dengan adanya amaran awal yang dikeluarkan oleh sistem ini, penduduk dan pengunjung kawasan sekitar mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menyelamatkan diri, keluarga dan harta benda sekiranya berlaku aliran air deras atau lebih dikenali sebagai fenomena kepala air.

3.1 Rekabentuk Projek [1]

Tiga komponen utama di dalam sistem ini adalah penderia, litar utama yang menggunakan *Peripheral Interface Controller* (PIC) dan modem GSM (*Global System for Mobile*) yang menghantar SMS. PIC pada litar utama diprogramkan supaya boleh bertindak sebagai pengawal. Di bahagian sistem penghantar (rujuk Gambarajah 2), penderia akan mengesan paras air dan disambungkan kepada litar utama sebagai input. Kemudian, litar utama akan memberi arahan kepada modem GSM untuk menghantar SMS. Seterusnya, modem GSM akan menghantar SMS kepada dua penerima iaitu sistem penerima di bahagian bawah air terjun dan telefon selular penjaga kawasan yang bertanggungjawab.



Gambarajah 2: Sistem Penghantar

Di bahagian sistem penerima pula (rujuk Gambarajah 3), modem GSM akan menerima SMS yang dihantar oleh sistem penghantar tadi sebagai input. Kemudian, ia akan menghantar isyarat kepada litar utama, di mana litar utama akan memproses isyarat tersebut dan memberi arahan untuk menghidupkan lampu amaran dan siren sebagai output. Dengan ini, lampu amaran akan menyala dan siren akan berbunyi.



Gambarajah 3: Sistem Penerima

3.2 Penerangan Projek

Berdasarkan Gambarajah 4, apabila paras air naik mendadak di bahagian atas air terjun dan mengenai penderia, maka sistem penghantar (SP1) akan menghantar SMS (sistem pesanan ringkas) kepada sistem penerima (SP2) di bahagian bawah air terjun dan juga kepada penjaga kawasan air terjun tersebut. Ini bermakna sistem penghantar, SP1 perlu diletakkan di bahagian atas air terjun. Penderia akan diletakkan pada paras yang ditetapkan untuk mengesan kenaikan paras air yang dianggap berbahaya. Apabila sistem penerima (SP2) yang ditempatkan di bahagian bawah air terjun menerima SMS tersebut, ia akan menghantar isyarat kepada siren untuk berbunyi dan lampu amaran untuk menyala. SMS yang dihantar kepada penjaga kawasan air terjun tersebut juga akan membolehkan penjaga kawasan tersebut mengambil langkah yang sewajarnya untuk menyelamatkan pengunjung kawasan tersebut.



Gambarajah 4: Sistem Amaran Kepala Air dipasang di kawasan air terjun

3.3 Penerangan prototaip [1]

Prototaip yang dibangunkan (rujuk Gambarajah 5) menggunakan dua tangki bagi mewakili bahagian atas dan bawah air terjun. Bagi mewujudkan situasi aliran air seperti air terjun, sistem menggunakan pam air. Penderia magnetik digunakan di dalam sistem ini di mana satu paip dipasang secara menegak pada tangki. Kemudian, material yang akan dikesan dilekatkan pada pelampung dan diletakkan ke dalam paip tersebut. Apabila air naik, pelampung bersama material juga akan naik sehingga ke satu tahap yang akan mengaktifkan penderia magnetik. Bagi pengawal di dalam litar utama, PIC digunakan kerana kosnya yang murah. Ia diprogramkan menggunakan bahasa C.

Gambarajah 5: Prototaip Sistem Amaran Kepala Air

4.0 Kelebihan Projek

Kelebihan sistem ini adalah ia menggunakan SMS sebagai medium penghantaran isyarat amaran. Ini membolehkan sistem menghantar isyarat kepada jumlah penerima yang lebih banyak. Ini amat penting bagi kawasan air terjun rekreasi yang mempunyai beberapa tempat mandi. Sistem SMS juga tidak akan terpengaruh dengan faktor jarak [2]. Berbanding dengan sistem sedia ada seperti yang terdapat di Stesen Siren Gemas, ia menggunakan mekanisme *Radio Frequency Identification* (RFID) yang terbatas pada jarak tertentu [3].

5.0 Keputusan dan Perbincangan

Melalui ujian yang dilakukan didapati batang paip yang menempatkan material yang akan dikesan oleh penderia magnetik terlalu kecil. Ini menyukarkan air masuk dan menaikkan pelampung yang terdapat material tersebut. Langkah yang di ambil adalah menukar saiz batang paip yang lebih besar. Ujian yang dilakukan selepas pengubahsuaian dilakukan mendapati sistem penghantar berjaya menghantar SMS kepada sistem penerima dan seterusnya menghidupkan siren dan lampu. Walaupun begitu, penggunaan mekanisme batang paip dan penderia magnetik adalah kurang sesuai kerana kesukaran mengesan material pada pelampung. Bagi sistem sebenar, penggunaan penderia terapung atau penderia ultrabunyi adalah lebih baik.

5.1 Cadangan penambahbaikan

Antara cadangan penambahbaikan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- Menukar penderia kepada penderia yang lebih sesuai dan tahan lasak seperti penderia terapung atau penderia ultrabunyi.
- Membangunkan bekalan kuasa pada sistem yang menggunakan solar.
- Menambah sistem kamera untuk memantau paras air terjun di bahagian atas.

6.0 Kesimpulan

Dengan lebih 55 kawasan rekreasi air terjun di Malaysia, sistem ini dilihat mampu dipasarkan dengan mudah kerana kosnya yang murah dan menggunakan komponen yang sedia ada di pasaran disamping memberi pulangan yang lumayan. Pasaran sistem amaran kepala air masih lagi cair, dimana belum ada sistem yang murah, ringkas dan berkesan. Akhir sekali, adalah didapati projek ini mempunyai potensi untuk dimajukan dengan lebih lanjut dengan mengambil kira penambahbaikan yang perlu dilakukan dan boleh dipasang pada semua kawasan rekreasi air terjun bagi mengelakkan kehilangan nyawa akibat fenomena kepala air.

7.0 Rujukan

[1] Laporan Projek Prototaip Sistem Amaran Kepala Air

[2] Sistem pesanan ringkas (SMS) (Mohd Ali Atan, ISBN 9679389456)

[3] http://habinovasi.mampu.gov.my/laporan_inovasi/840-sistem-siren-amaran-banjir-menggunakan-network-radio-frequency-rfid.pdf (10 Ogos 2015, 9.00 am)

[4] https://terengganuoutdoorstore.wordpress.com/2013/01/22/fenomena-kepala-air/ (10 Ogos 2015, 8.00 am)

E22: Application of Microwave Bandpass Filter as a Sensor

Siti Nurul Ain Binti Jalani
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Melaka

sitinurulainjalani@gmail.com.my

Abstract

This paper is mainly focused on development of microwave sensor by using bandpass filter principle. The reason of this paper is to develop the microwave sensor with knowledge about the potential of the microwave technique to implement practical microwave sensors. Microwave sensor, generally operate at microwave frequencies with frequencies between 300 MHz to 300 GHz. This paper developed microwave sensor based on principle of microstrip filter design because of the microstrip filter is filled with a material then produces a response frequency shift and a broadening of the curve compared to free space. The Microwave Office Simulator (MWO) is used to design the microstrip dimension of the filter sensor system. Besides that, MATLAB is used programmed for the sensor design. The main objective of this paper is to create a sensitivity of microstrip filter sensor for characterizing the quality of rice. The simulations results are compared with the available literature data. The end of this paper, the microstrip filter are sensitive with different type of rice which proven by the shifted of frequency is slightly different with different type of rice.

Keywords: *Bandpass filter, Microstrip filter, Microwave sensor*

1.0 Introduction

Microwave sensors technology was originally developed in early 1960s, resulting in the first commercial sensors [1]. The application of microwave sensor are available everywhere and a lot of the materials properties can be measured using it. It is a sensor that operates in microwave frequency. Microwave is operated a 300MHz o 300GHz. The purpose of this paper is to develop a microwave sensor that can be used widely in the industrial application. There are several advantages in microwave sensor such as insensitive to environmental conditions; fast and it also does not affect the material under test. However it still has some disadvantages, whereby at the higher frequency, the electronic components are more expensive and microwave meters must be calibrated separately for different materials.

This paper developed a microwave sensor based on principles of microstrip filter design. The size and the arrangement of the coupled lines are based on resonant principle in order to obtain sensitive operation frequency range which can cover the ISM band [2]. Similarly, the measurement methods implement for this study sensor are reflection/transmission technique. The microwave office simulator is used to design the microstrip dimension of the filter sensor system. A part from that, MATLAB is the program used for the sensor design.

2.0 Design and Fabrication

In this study, 2^{nd} and 4^{th} order bandpass filter sensors were constructed using low cost FR4 and RT/Duroid 5880 printer circuit board (PCB), respectively. All filter sensor were designed based on Butterworth routine and sketch by using AutoCAD software. Then, the drawing filter line was printed on act paper and attached on PCB using ironing technique. Finally, the PCB was etched and fabricated with acrylic sample holder as shown in Figure 1. The detail calculations for the filter physical dimensions are not described here, since it can be found in several literatures [3].



(a) The Microstrip Filter Design for 4th order FR4 Board



(b) The Microstrip Filter Design for 2nd order FR4 Board



(c) The Microstrip Filter Design for 2nd order RT/Duroid Board

Figure 1: Microstrip Filter Design wih Dimension

The dimension of microstrip line (width W, length L and size coupling gap S) and specificaions of the PCB substrate for each sensor are tabulated in Table 1.

Table 1: Dimensions for the Parallel Coupled Bandpass Filter Sensors

Substrate	Order	Dimensions								
		W1	W2	W3	L1	L2	L3	S1	S2	S3
FR4 $\varepsilon_r = 4.2$ $\tan \delta = 0.03$ $h = 1.6$ mm	2nd	2.7	3.0		16.5	16.2		0.8	3.6	
	4th	2.7	3.3	3.3	17.5	17.0	17.0	0.5	3.2	4.2
RT/Duroid $\varepsilon_r = 2.2$ $\tan \delta = 0.004$ $h = 0.787$ mm	2nd	2.0	2.3		22.1	22.0		0.3	2.0	

Measurement process is the process to test whether the filter are operated at the same result with simulation process or not. It is also to test whether the coupled line bandpass filter are sensitive with the material or not. So, for this study, the samples of rice are used to test the Bare given the different resonant frequency. The equipment used to test the filter sensor is E5071C ENA Series Network Analyzer.

Before do the measurement process, there have to calibrate he two port of Network Analyzer to ensure that there is no distortion or error during do the measurement. After the calibration done, the measurement process can be determined. Figure 2 shows the process to connect the filter sensor with the connector.

Figure 2: Air filled Sensor

After the measurement of filter sensor without any material, test the filter with the rice. Before that, the rice has to blend to ensure there is no gap between each other. Put the rice in the filter sensor and then see whether the resonant frequency is different with the filter sensor without the rice. Figure 3 shows the filter sensor with the rice. The type of rice has been used are Sakura Super Thai Brown Rice (sample 8), Sakura Super Basmathi Pakistan Rice (sample 9) and Giant Super Special Rice (sample 10).

Figure 3: Filter Sensor with the Sample of Rice

3.0 Results and Discussions

The results from the measurements for 4^{th} order and 2^{nd} order microstrip bandpass filter printed on FR4 board and 2^{nd} order microstrip bandpass filter printed on RT Duroid has been combined in one graph using MATLAB software. Figure 4 shows the configuration of microwave filter sensors.



Figure 4: Configuration of Microwave Filter

Figure 5 and figure 6 shows the result for measurement results which is consist of reflection and transmission of the microstrip coupled line bandpass filter.

Figure 5 demonstrate the results for measurement of bandpass filter principle by using ENA Agilent Technologies which is S_{21} versus the frequency in GHz. From the observation, the 2^{nd} order bandpass filter printed on RT Duroid id the best result compared to FR4 board because it has low loss in comparison to other designed. The explanation behind it is because the S_{21} are approximately 0dB at the passband of transmission line. A part from that, the different sample of rice is given the different transmission line. The simulation result is quite similar to the measurement result in term of air.



Figure 5: Transmission Line, S_{21} versus the Frequency (GHz)

The S8, S9 and S10 are referred to the different samples of rice whih is S8 is Sakura Super Thai Brown Rice, S9 is Sakura Super Basmathi Pakistan Rice and S10 is Giant Super Special Rice. Sample 8 is the lowest permittivity compare to other samples. Exactly, different of material or samples are given different of dielectric constant but for the rice the permittivity is not so much different even though there have many samples of rice. Therefore, it actually explains why the results for sample 8, sample 9 and sample 10 did not so much different between each other.



Figure 6: Reflection, S_{11} versus the Frequency (GHz)

Figure 6 reveal the results for return loss versus operating frequency. For the RT Duroid board, the simulation and measurement are quite similar which the resonant frequency at 2.46GHz but for the FR4 board, both of the design fallen at 2.6 GHz. Exactly, for the reflection for graph above shows that the three samples shows the quite same results. For FR4 board, for the lower order is better than high order in term of losses. The reason is more order is given more coupled between one lines to another. From the observation, it can be concluding that RT Duroid is the best material board to use and also the lower other is given less of losses. Besides that, the coupled line filter sensor is sensitive due to the samples of rice.

4.0 Conclusion

This study had developed microwave sensor using bandpass filter principle which are very important depends on the agriculture applications. Rice is the material that been used to create the sensitivity of microwave filter sensor in this paper. From the results, it can be conclude that microwave filter sensor is sensitive due to the samples of rice which is different samples of rice are given the different resonant frequency. Besides that, the simulation results are not so much different with the measurement results. From the observation, RT Duroid board is more sensitive compare to FR4 board even though RT Duroid is expensive than FR4 board

5.0 References

[1] M. Kent, "The use of strip-line configuration in microwave moisture measurement," Journal of Microwave Power and Electromagnetic Energy, vol. 7, pp. 185-193.

[2] Siti Nurul Ain Binti Jalani, "Design of Microwave Bandpass Filter Principle", Universiti Teknologi Malaysia, 2010

[3] You Kok Yeow[1] , Siti Nurul Ain Jalani[2] , Zulkifly Abbas[3] , and You Li Ling[4], 'Application of Bandpass Filter as a Sensor for Rice Characterization", Journal of Computer Application and Industrial Electronics, 2010

[4] K. Sarabandi, and E. S. Li, "Microstrip ring resonator for soil moisture measurements," IEEE Transactions on Geoscience and Remote Sensing, vol. 35, pp. 1223-1231, September 1997.

[5] Y. J. Zhang, and S. Okamura, "A density-independent method for high moisture content measurement using a microstrip transmission line," Journal of Microwave Power and Electromagnetic Energy, vol. 41, pp. 110-117, 2006.

[6] Mongia, Bahl, Bhartia and Hong, RF and Microwave CoupledLine Circuits, Actech House: NewYork, 2007.

E26: Friendly Digital Incubator

Noor Hairilfaiz Bin Mohammad[1], Banisrekha Binti Mohd Nawi[2]
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kulim

Abstrak

Inkubator adalah satu alat untuk menetaskan telur unggas seperti ayam, puyuh, itik, angsa dan lain-lain tanpa memerlukan induknya. Kebiasaannya inkubator moden yang ada di pasaran adalah mahal harganya. Inkubator yang dicipta untuk industri kecil pula bermodal rendah, menggunakan mentol sebagai alat pemanas dan thermostat sebagai pengawal suhu. Antara kelemahan inkubator ini ialah suhu semasa dalam inkubator tidak dapat dibaca dengan tepat dan inkubator tersebut hendaklah sentiasa dipantau untuk memastikan suhu dalam keadaan stabil. Oleh itu pengguna sentiasa berulang-alik ke lokasi inkubator untuk memastikan perkara tersebut. Dari segi kawalan suhu pula adalah kurang stabil kerana hanya satu thermostat yang mengawal semua mentol yang ada pada inkubator. Setiap mentol akan menyala dan padam serentak untuk stabilkan suhu.'Friendly Digital Incubator' atau 'FDI' adalah projek untuk menaiktaraf inkubator untuk industri kecil tanpa menjejaskan harga kos inkubator tersebut. Thermostat akan diganti dengan satu sistem digital yang mampu mengawal setiap mentol disamping memaparkan suhu semasa dalam inkubator tersebut. 'FDI' juga disertakan satu alat kawalan yang juga mampu memaparkan suhu semasa inkubator, menetapkan suhu inkubator dan mengeluarkan amaran jika terjadi masalah. Alat kawalan ini berkomunikasi dengan inkubator menggunakan gelombang radio untuk memudahkan pemantauan inkubator tanpa perlu ke tempat inkubator tersebut.

Kata Kunci : *Inkubator, RF, Unggas, Microcontroller, Kawalan suhu*

1.0 Pengenalan

Inkubator adalah satu alat pengeraman telur unggas untuk menggantikan pengeraman secara semulajadi. Inkubator ini penting kepada penternak unggas untuk mempercepatkan pembiakan ternakan mereka. Dalam penetasan telur, faktor yang penting ialah penjagaan suhu dan kelembapan. Suhu yang stabil menjamin peratusan kejayaan penetasan telur.

Inkubator secara amnya dapat dibahagikan kepada dua jenis. Inkubator manual dan inkubator automatic. Inkubator automatik mampu memusingkan telur pada jeda masa seperti yang ditetapkan. Manakala inkubator manual memerlukan penternak mengalihnya sendiri. Namun kedua-dua inkubator ini menggunakan thermostat beserta alat pemanas untuk mengawal suhu supaya sentiasa stabil. Inkubator juga tertutup supaya kelembapan yang tinggi dapat dikekalkan. Setiap telur unggas mempunyai masa penetasan dan suhu yang tersendiri.

Projek ini direka khas menggantikan inkubator manual dengan menggantikan thermostat kepada sistem digital menggunakan microcontroller.

2.0 Latar belakang

Projek ini menggunakan *PIC16f887* dan sensor suhu *LM35* untuk mendapatkan bacaan suhu. Menggunakan teknik aturcara *digital PID* sabagai asas untuk kawalan suhu. *PIC16F887* akan mendapatkan bacaan suhu dari *LM35* seterusnya membandingkan dengan suhu yang ditetapkan dan seterusnya dengan teknik PID untuk mendapatkan suhu yang stabil. Alat pemanas disini digantikan dengan mentol 60W sebanyak enam biji. Pemanas digantikan dengan mentol kerana mentol lebih murah disamping mudah didapati di kedai-kedai. Penggunaan mentol dipilih adalah kerana mentol dapat dikawal setiap satunya menjadikan kawalan suhu lebih baik berbanding dengan penggunaan pemanas. Kipas juga dipasangkan untuk penyebaran suhu disamping mengekalkan kelembapan yang tinggi (>75%) daripada penyejatan air yang diletakkan dalam inkubator ini.

Projek ini juga dapat memberi kemudahan kepada pengguna dengan menawarkan kemudahan untuk membaca suhu dalan inkubator dari dalam rumah tanpa perlu ke tempat penternakan. Hal ini kerana projek ini dilengkapi dengan sistem tanpa wayar *(XBEE).* Satu remote akan diletakkan di kawasan yang sesuai dalam radius 300meter dari inkubator berada.

3.0 Metodologi Projek

Projek ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama bahagian inkubator dan kedua ialah bahagian alat kawalan dan bacaan suhu. Pada inkubator juga dilengkapi *LCD display* untuk memaparkan suhu inkubator disamping memaparkan penetapan suhu mengikut jenis telur.



Rajah 1 : Inkubator

Pada inkubator *PIC16F887* berperanan sebagai pengawal. Daripada suhu yang diperoleh *LM35*, *PIC16F887* akan membandingkan dengan suhu yang ditetapkan dan seterusnya mengawal nyalaan lampu sama ada *ON* atau *OFF*. Seterusnya bacaan suhu ini akan dihantar kepada alat kawalan melalui medium *Xbee*.



Rajah 2 : Alat kawalan Inkubator

Alat kawalan pula berfungsi untuk mengambil bacaan suhu dari inkubator dan paparkan bacaan suhu tersebut pada LCD display. Alat kawalan juga berfungsi untuk menetapkan suhu dan seterusnya menghantar tetapan suhu kepada inkubator.

Species	Incubation Period (days)	Incubation Temperature (°F)
Chicken	21 (bantams: 20)	99.5
Ducks (not muscovy)	28	99.5
Muscovy Duck	35	99.5
Geese	28 to 33	99.5
Turkey	28	99.5
Quail: Coturnix (Japanese)	16 to 18	99.5
Quail - Bobwhite	23 to 24	99.5
Guinea Fowl	27 to 28	99.5
Lovebirds	23	99.5
Pheasants	24 to 26	99.5
Peacocks	28	99.5
Ostrich	42	97.0

Rajah 3 : Jadual penetapan antara jenis telur

4.0 Keputusan dan Perbincangan

Keupayaan inkubator di uji dengan mendapatkan bacaan suhu pada setiap hari untuk memastikan kestabilan bacaan suhu dan kelembapan.



Rajah 4 : suhu dan kelembapan

Berdasarkan Rajah 4 di dapati mampu untuk mengekalkan suhu sepertimana yang telah ditetapkan. Pada hari Rabu jam 6 am suhu didapati sedikit menurun kerana pintu inkubator telah dibuka untuk menambah air kerana kelembapan semakin rendah.

Kelembapan adalah satu faktor yang sukar dikawal. Peratusan kejayaan penetasan telur akan meningkat jika kelembapan tinggi. Oleh itu keadaan inkubator perlulah dipastikan sentiasa lembab dengan kelembapan melebihi 75%. Oleh itu cara untuk mengawal kelembapan adalah dengan memastikan bekas yang berisi air wujud dalam inkubator disamping kipas dihidupkan supaya air cepat tersejat.

5.0 Kesimpulan

Inkubator ini mampu digunakan kerana mampu memberikan suhu yang stabil disamping mengekalkan kelempaba. Akan tetapi kelemahan projek ini ialah pengguna perlu sentiasa membalikkan telur sendiri. Sewaktu membalikkan telur, pernggguna perlu membuka inkubator yang semestinya member impak kepada suhu dan kelembapan dalam inkubator ini. Oleh itu satu mekanisma lain perlu dikaji bagi mengatasi masalah ini.

6.0 Rujukan

[1] http://arduino.fisch.lu/index.php?menu=53&page=&portal=9 19 Aug 2015 1:14pm

[2] http://www.mypetchicken.com/hatching-eggs/chapter-5-choosing-an-incubator-incubation-tips.aspx 19 Aug 2015 1:14pm

[3] (2) Mkye Press, Programming & Customizing the PIC Microcontroller 3rd Edition (2008) Tab Electronics

E27: Switch Smart Phone

Noor Hairilfaiz Bin Mohammad[1], Mohd Edzrin Bin Abd Aziz[2]
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kulim

Abstrak

Suis untuk mengawal peralatan elektrik seperti lampu dan kipas adalah menjadi kewajipan yang perlu ada pada setiap rumah. Suis yang ada di rumah kadang kala mencacatkan hiasan yang ada disamping aturan suis yang tidak tersusun membuatkan pengguna sering alpa pasangan suis dan alat elektrik yang dikawalnya. Kedudukan suis yang tetap pada dinding menyebabkan pengguna sering bergerak untuk mengawal peralatan elektrik. Jika pengguna berada jauh dari rumah, suis tersebut sudah tidak mampu dikawal lagi.Perkembangan pesat teknologi telekomunikasi, teknologi tanpa wayar dan teknologi pembuatan telefon pintar mampu di aplikasi untuk kemudahan manusia. Rentetan itu terhasillah ilham untuk mengaplikasi teknologi tersebut dalam penciptaan projek yang diberi nama 'Switch Smart Phone'. Fokus utama penciptaan projek ini adalah untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengguna di rumah untuk mengawal suis elektrik disamping meningkatkan keselamatan rumah jika pengguna berada di luar.'Switch Smart Phone' adalah satu projek yang menjadikan telefon pintar sebagai alat kawalan untuk mengawal suis peralatan dirumah ketika berada di rumah mahupun jauh dari rumah. Ketika berada di rumah, pengawalan suis dilakukan melalui telefon pintar dengan menjadikan teknologi BlueTooth sebagai perantara. Manakala jika berada jauh dari rumah, pengawal suis akan dijadikan sebagai web server yang boleh diakses melalui telefon pintar dari mana-mana sahaja tempat yang mempunyai rangkaian internet.

Kata Kunci : *Telekomunikasi, Bluetooth, Web server, Ethernet, Telefon pintar*

1.0 Pengenalan

Pada masa kini kebanyakkan teknologi menjurus kepada memberi kemudahan kepada orang awam. Teknologi yang paling berkembang dengan pesat ialah teknologi berkaitan telefon bimbit. Pintar. Aplikasi yang dibina untuk telefon pintar tumbuh dengan pesat kerana keadaan masyarakat sekarang sibuk dan sentiasa bersama dengan telefon pintar mereka.

Telefon pintar yang sentiasa bersama-sama dengan pengguna mampu diaplikasikan sebagai alat kawalan untuk mengawal peralatan elektrik di rumah ketika pengguna berada di rumah mahupun berada di luar rumah.

Kawalan peralatan di rumah dengan menggunakan telefon pintar boleh memberi keselesaan kepada pengguna dari segi keselamatan ketika berada di luar rumah dan memudahkan pengguna ketika berada di rumah.

2.0 Latar Belakang

Projek ini dibangunkan dengan menggunakan *arduino UNO board*, *wifi shield* dan *Bluetooth module* untuk perkakasan. Manakala untuk perisian pula untuk mengawal *arduino UNO board* dibangunkan dengan *arduino IDE 1.64* menggunakan bahasa *Java* dan paparan web dibangunkan menggunakan *Bootstrap framework*. Untuk aplikasi telefon pintar pula dibangunkan dengan *Android Studio IDE* juga dengan menggunakan bahasa *Java*.

Arduino UNO board adalah satu litar microcontroller yang menggunakan cip *Atmega 328P* sebagai nadinya. Berbagai ciri istimewaada pada papan ini disamping harganya yang murah menjadikannya pilihan sesuai untuk digunakan dalam projek ini. *Wifi Shield* pula adalah satu peranti tambahan untuk disambungkan pada *arduino UNO board* supaya dapat menjadikan *arduino UNO board* ini sebagai *web server* dengan sambungan *WIFI*. *Bluetooth module* pula disambungkan pada *board* untuk berkomunikasi dengan telefon pintar melalui *Bluetooth*.

Technical specs

Microcontroller	ATmega328P
Operating Voltage	5V
Input Voltage (recommended)	7-12V
Input Voltage (limit)	6-20V
Digital I/O Pins	14 (of which 6 provide PWM output)
PWM Digital I/O Pins	6
Analog Input Pins	6
DC Current per I/O Pin	20 mA
DC Current for 3.3V Pin	50 mA
Flash Memory	32 KB (ATmega328P) of which 0.5 KB used by bootloader
SRAM	2 KB (ATmega328P)
EEPROM	1 KB (ATmega328P)
Clock Speed	16 MHz
Length	68.6 mm
Width	53.4 mm
Weight	25 g

Rajah 1 Spesifikasi microcontroller ATmega328p

Bootstrap framework adalah *framework* yang popular digunakan oleh pembina laman sesawang untuk membina *responsive website*. *Arduino IDE* adalah satu projek *open source* dibangunkan untuk mengaturcara *arduino board*. *Arduino IDE* mudah digunakan disamping library yang tersedia untuk digunakan. *Android Studio IDE* pula adalah aplikasi percuma yang dibangunkan oleh pihak *Google* untuk developer aplikasi *Android*.

3.0 Gambarajah Blok

Ada dua mod untuk operasi projek ini. Pertama ketika pengguna berada di rumah. Ketika ini di rumah pengguna menggunakan telefon pintar dan teknologi *Bluetooth* untuk beroperasi. Kedua ketika pengguna berada jauh dari rumah pengguna akan menggunakan telefon pintar untuk akses *arduino board* yang telah dijadikan sebagai web server. Rajah 2 menunjukkan bagaimana penyambungan setiap peranti dan komunikasi antara peranti.



Rajah 2 : Sambungan antara peranti

4.0 Keputusan dan perbincangan

Projek ini dilihat mampu member keselesaan kepada pengguna dan mempunyai pasaran yang tinggi kerana melibatkan kos yang rendah. Namun begitu, web server yang menawarkan pelbagai aplikasi tidak dapat dibina kerana ingatan arduino board yang rendah iaitu 253,952 bytes sahaja. Namun begitu ingatan tersebut mencukupi untuk kegunaas asas.

Projek yang berorientasikan pengguna awam dilihat mampu menarik minat pengguna. Tambahan pula berfokuskan kepada telefon bimbit yang sememangnya dimiliki oleh kebanyakkan rakyat di Malaysia.

Satu arduino board mempunyai 14 I/O pin. Setelah ditolak dengan sambungan peranti yang digunakan hanya 6 pin yang tinggal. Jadi projek ini mampu mengawal enam peranti elektrik di rumah. Walaupun jumlah itu tidak besar, tetapi memadai untuk mengawal alat yang kritikal seperti lampu, kipas.

Aplikasi untuk telefon pintar pula dibangunkan khas untuk telefon dengan *OS android* sahaja. Oleh itu penguna telefon pintar dengan *OS IOS* ataupun *windows* tidak dapat menggunakan telefon bimbit untuk mengawal telefon ketika berada di rumah dengan menggunakan Bluetooth tetapi masih lagi mempu untuk menggunakan *web server*.

5.0 Kesimpulan

Smart Switch Phone adalah satu projek yang ringkas yang menggabungkan teknologi web server, teknologi Bluetooth dan telefon pintar untuk kebaikan pengguna. Projek ini berfokuskan kepada pengguna dengan kos yang rendah untuk kemudahan pengguna. Projek ini sesuai untuk kegunaan domestik mahupun untuk kegunaan perniagaan.

Aplikasi projekadalah mudah dengan paparan muka yang menarik untuk *website* mahupun pada aplikasi *mobile* (*Bluetooth*).

6.0 Rujukan

[1] http://randomnerdtutorials.com/arduino-webserver-with-an-arduino-ethernet-shield/ 19 Aug 2015 1:14pm

[2] https://www.arduino.cc/en/Main/ArduinoBoardUno 19 Aug 2015 1:14pm

[3] Mkye Press, Programming & Customizing the PIC Microcontroller 3rd Edition (2008) Tab Electronics

E29: Analyzing The Major Influential Factors That Affect The Deterioration of AGV Battery Performance

Suffian Ayob[1], Ahmad Fauzi Shah [2]
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kulim, Kedah
suffian@jtm.gov.my

Abstract

In today available technology, rechargeable battery is the selected power source, which allows for the autonomous behavior in duration of battery-life. There were numbers of research analysis been done in the area of mobile robot but most of them were concentrating on the navigation techniques of the vehicles. Although battery management is important for vehicle management, this problem is usually neglected in the research studies. The main idea behind this project is to develop a battery monitoring system that is capable of performing the 'real-time' monitoring on the mobile robot battery performance level. Hence, the outcome monitoring data will be utilized as one of the input to better manage the performance of mobile robot. This will done by performing an experimentally study and identifying the major factor that will affect the deterioration of mobile robot battery performance. Nickel-Metal Hydride (Ni-MH) battery is selected due tremendous advantages such as high-energy density, fast charging and discharging, and safety. The greatest hope for this research outcome is that it can be used as part of supplementary data to construct better establishment of Mobile robot Battery Monitoring and Battery Management activity.

Thus, from the analysis that been done, by using Taguchi method's optimization the optimal parameter for kerf width are as follows.

i. Pulse duration , Level 3, 0.7 µs
ii. Pulse interval , Level 3, 20 µs
iii. Servo voltage, Level 3, 50 V
iv. Ignition pulse current, Level 3, 24 Amp

6.0 Conclusion

From the present study, issues of machining characteristic or response with several of WEDM parameters has been investigated. Following conclusion may be drawn from this work.

i. The most significant parameters for material removal rate is servo voltage followed by pulse duration. Material removal rate tend to increase with increasing of servo voltage and pulse duration. Increased of servo voltage will influence on increasing the numbers of ion and electrons which leads to increase the numbers of collision between them. Increased on number of collisions will lead to increase of material removal rate from work piece. Furthermore, pulse duration influences on each current discharge time, where it will extend the time for current discharged and raised the material removal rate. The optimal parameters for material removal rate have been found to reach 0.044g/min, which is 4.76% up compare to maximum result during trial experiments.

ii. For surface roughness, the most significant parameter is pulse duration. ANOVA has proved that 93.41% contribution is comes from pulse duration. Lower pulse duration is desired because exposure to the long discharge time will deteriorate the surface. Optimal parameters for surface roughness have been found at 1.980 µm, which 4.35% better than previous result during trial experiment.

iii. For kerf width, the most significant parameter is pulse duration followed by ignition pulse current and pulse interval. Servo voltage gave least influences to kerf width. The optimal parameters for kerf width have been found at 0.275mm, which is differs 0.036 percent with average value of kerf width 0.276mm.

7.0 Future plan

Base on the characteristics that has been discussed, in future it is recommended to extend this study by using coated wire as an electrode and to consider the dielectric flow and wire feed rate as control parameter to cut the thickness of 4 mm Titanium alloy.

8.0 References

[1] Aniza Alias, B.A.N.M.A. (2012) 'Influence of machine feed rate in WEDM of Titanium Ti6Al4V with constant current (6A) using brass wire', Shah Alam.

[2] Basil Kuriachen, D.J.P.D.J.M. (2012) 'Modelling of Wire Electrical Discharge Machining Parameters Using Titanium Alloy (Ti6Al4V)', International Journal of Emerging Technology and Advanced Engineering, vol. 2, no. 4, April.

[3] Daniel Ghodsiyeh, M.A.L.G.G.M.r.G. (2012) 'Optimizing Rough Cut in WEDMing Titanium Alloy (Ti6Al4V) by brass using the Taguchi Method', Journal of Basic and Applied Scientific Research, vol. 8, no. 2, pp. 7488-7496.

[4] Mt.Antar, S. D. (2011). 'Productivity and workpiece surface integrity when WEDM aerospace alloys using coated wire', Procedia Engineering, 3-8.

[5] Vamsi Krishna Pasam, S.B.B.M.V.P.S.M. (2010) 'Optimizing Surface Finish in WEDM Using the Taguchi Parameter Design Method', Journal of Braz.Soc.Mechanical Science and Engineering, vol. XXXII, no. 2/207, April-June.

[6] S.S Mahapatra, A.P. (2006) 'Optimization of wire electrical discharge machining (WEDM) process parameters using Taguchi method', International Journal of Advanced Manufacturing Technology.

M20: Mesin Bebola Daging Menggunakan Sistem Empat Penggelek

Noorazmi Bin Abd. Rahman,
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping, Perak Darul Ridzuan

Noorazmi@*jtm.gov.my*

Abstrak

Mesin Bebola Daging adalah satu penggunaan teknologi makanan yang boleh diaplikasikan dalam Industri Kecil Sederhana (IKS). Mesin ini dilengkapi dengan system empat penggelek dikawal oleh motor power window untuk menghasilkan bebola daging yang mempunyai bentuk yang sekata dan bersih. Terbahagi kepada tiga peringkat; peringkat permulaan ,peringkat pemotongan campuran bebola daging dan peringkat penggelek. Pengaturcaraan proses ini dibentuk dengan menggunakan ladder diagram daripada kawalan Programmable Logic Controller (PLC) model CPM1E. Untuk melaksanakan projek ini beberapa penyambungan litar elektrik telah digunakan untuk memastikan mesin mendapat bekalan yang cukup dan selamat. Operasi bermula daripada tempat simpanan doh daging, silinder yang pertama akan menolak doh daging tersebut dan dipotong menggunakan silinder kedua. Doh yang dipotong akan dibawa menggunakan conveyor dan digelek menggunakan empat papan penggelek bagi mendapatkan bentuk yang sekata. Projek ini mampu mengeluarkan bebola daging yang berkualiti serta cepat dalam penghasilan.

Kata kunci : *motor power window, PLC, ladder diagram, CPM1E, conveyor*

1.0 Pengenalan Kajian

Melihat kepada kepentingan inovasi, maka kepelbagaian produk berinovasi perlu wujud di dalam pelbagai bidang atau sektor. Oleh itu, kelebihan sesuatu produk yang inovatif boleh mengubah sesebuah industri menjadi lebih maju. Dimana,pencarian idea yang bermula dari biasa dan dipandang ringan, setelah diinovasikan akan menjadi hebat dan luar biasa (Mohd Faizal Aziz, 2010). Dengan ini, inovasi di dalam pembuatan bebola dilihat satu perkara yang baru bagi masyarakat. Alat-alat yang baru dicipta bagi membantu pengusaha kecil bebola dalam menyelesaikan masalah proses pembuatan bebola mampu diselesaikan dengan penghasilan produk yang diinovasikan.

Pada masa kini, bebola merupakan snek makanan yang digemari ramai terutamanya bebola daging. Ada yang menjadikannya makanan untuk minum petang dan ada yang memilih hidangan ini untuk dimakan bersama nasi. Maka, tidak hairanlah bebola kini menjadi kegemaran ramai dan sering mendapat tempat di pasaran. Lazimnya cara bebola daging dibuat adalah secara manual iaitu pekerja akan menguli dan bentukkan doh menjadi kecil serta bulat seperti bola pingpong Namun, ia mempunyai masalah kerana mereka perlu menguli dan bulatkan doh dalam kuantiti yang banyak dalam satu masa. Kerja tersebut menyukarkan mereka kerana membentuk doh menjadi bulat adalah sesuatu kerja yang agak leceh dan lambat. Selain itu faktor kebersihan juga menjadi satu elemen yang penting dalam memastikan bebola yang terhasil bersih dan berkualiti.

Penghasilan mesin ini bertujuan untuk memudahkan para pengusaha bebola daging menghasilkan bebola dalam kapasiti yang banyak dalam satu masa. Dengan menggunakan sistem pembuatan bebola daging yang sistematik dan berjadual atau dengan lebih mudah lagi menggunakan mesin bermasa ia mampu menyelesaikan masalah ini. Penggunaan mesin ini memudahkan pengusaha dan juga lebih efisien kerana ia menghasilkan bebola dalam kapasiti yang banyak dalam satu masa. Proses yang lambat dapat diubah menjadi lebih pantas berbanding proses secara manual. Selain itu, tenaga pekerja dapat dijimatkan. Melihat kepada pekentingan penjagaan kualiti dan kebersihan makanan, lampu UV perlu diletakkan berfungsi sebagai alat untuk membunuh kuman dan bacteria. Lampu UV memancarkan sinar Ultraviolet yang memiliki kemampuan untuk mempengaruhi fungsi sel makhluk hidup dengan mengubah DNA sehingga makhluk tersebut mati.

2.0 Latar Belakang Kajian

Kaedah menggunakan tangan adalah cara tradisional untuk menghasilkan bebola daging. Masa yang diambil untuk menyiapkan bebola daging dalam kuantiti yang banyak tidak menentu dan polanya lebih menunjukkan kepada pertambahan setiap kali rekod diambil bergantung kepada keadaan pekerja dan persekitaran ketika itu. Dalam satu ujian yang telah dilakukan ke atas pekerja secara rawak, bebola daging yang mampu dihasilkan oleh pekerja adalah antara 200-250 biji bebola daging satu shif dengan bentuk fizikal bebola daging yang tidak sekata dan boleh menyebabkan pertikaian oleh pembeli. Disamping itu tahap kebersihan dan kualiti makanan yang dihasilkan tidak diyakini dan boleh mendatangkan keraguan. Rajah 1 menunjukkan terdapat juga pengusaha yang menggunakan bekas berbentuk bebola untuk memudahkan proses pembentukkan bebola namun masih memerlukan tenaga insani untuk menyiapkannya.

Rajah 1 : Acuan Bebola Daging

Kebanyakkan mesin-mesin bebola yang ada di pasaran diimport dari luar Negara dan kos mesin serta penghantaran menyebabkan sesetengah pengusaha tidak mampu untuk memilikinya. Rajah 2 menunjukkan contoh mesin buatan negara Cina. Selain faktor kos, mesin ini juga menggunakan air panas bagi memastikan bentuk dan kualiti bebola daging terjamin. Namun air yang terlalu panas akan menyebabkan bentuk bebola menjadi tidak sekata dan akan merekah sedikit demi sedikit

Rajah 2: Mesin Bebola Daging Buatan China

3.0 Rekabentuk dan spesifikasi mesin

Rekabentuk mesin ini dilakar dengan menggunakan perisian Autodesk Inventor 2013



Rajah 3 : Lukisan Isometrik Mesin

Rajah 4: Mesin Bebola Daging dengan Empat Penggelek

Jadual 1: Spesifikasi Mesin

Bil	Perkara	Spesifikasi
1	Dimensi mesin	194cm x 71.1cm x 171 cm
2	Kuasa Motor (conveyor)	DC Brushless Planetary Gear Motor,60W
3	Kuasa Motor (penggelek)	12V
4	Spesifikasi bebola daging	Φ30~35mm
5	Berat	70~90 kg
6	Kapasiti Pengeluaran	30~50 / min
7	PLC	CP1E (AC)
8	Pemotong doh	Double Acting Cylinder, 5/2 way directional valve single solenoid
9	Penderia	Optical sensor (transmitter-receiver)
10	Lampu UV	HITACHI G4 T5 Germieidal Tube
11	Lain-lain	Mempunyai roda untuk senang dibawa, ringan, rekacipta yang menarik dan selamat digunakan.

4.0 Operasi Sistem

Sistem mesin ini hampir keseluruhannya dikawal oleh PLC OMRON CP1E . Aturcara program menggunakan Ladder Diagram dan banyak menggunakan pemasa dan pembilang untuk memastikan kuantiti bebola per minit diperolehi dengan tepat.

Rajah 6: PLC OMRON CP1E

Berikut merupakan spesifikasi bagi PLC ini:

- 90mm x 79 mm x 86mm, kecil, ringan serta mudah dipasang pada mesin.
- Bilangan I/O yang mencukupi untuk projek ini (12 input dan 8 output)
- menggunakan kabel USB
- Arahan boleh sehingga ke 200
- Berat 370g
- Voltan masukan 100 -240 VAC 50/60 Hz
- Bahasa Pengaturcaraan = Ladder Diagram
- Kapasiti program = 2K steps
- Kapasiti Memori Data = 2K words

Untuk menggerakkan penggelek, motor *power window* 12 V digunakan berdasarkan kesesuaian kelajuan motor itu sendiri. Menggunakan *relay* 12 Volt sebagai pengawal gerakan motor. Pendawaian bagi motor ini dipasang berasingan dengan PLC kerana masukan voltan yang berbeza.

5.0 Keputusan dan Perbincangan

Produk yang dihasilkan :

i. Bebola daging yang bersih dan bentuk sekata.
ii. Bebola daging dapat dihasilkan 30 -50 biji atau lebih dalam 1 minit.
iii. Sebagai sebuah syarikat pembuatan,Pengeluaran mesin bebola daging dapat dihasilkan dalam kadar 5 buah mesin dalam tempoh masa 6 bulan.Selain itu,mesin bebola daging dihasilkan berdasarkan permintaan dari Industri kecil sederhana (IKS) yang memerlukannya

6.0 Rujukan

[1] Abdul Rahim, Ruzairi and Abdul Rahim, Herlina (2010) *Asas Pengawal Logik Boleh Atur Cara (PLC).* Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru. ISBN 9789835207273.

[2] Http:// WWW.Utusan.Com.My/Utusan/Produk/201130805/Pr_02/Mesin-Bebola

[3] Van Valkenburgh (1982, 2002, 2002), Asas Elektrik, Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru ISBN: 9789679500516.

M21: Mould Insert Surface Roughness Optimization by Orthogonal Array Methodology in Electrical Discharge Machining

Mohd Nazri bin Salim[1,] Mohamad bin Minhat [2]
Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ledang, Johor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

nazri@jtm.gov.my,mohdm@utem.edu.my

Abstract

The surface qualities of injection molding parts are related to the mold insert surface roughness. Mould insert is typically made from tool steel. The most common method in machining the mold insert cavity is through Electrical Discharge Machining (EDM) as it enables complex geometry to be machined on hard materials such as tool steel, and super alloy. Surface roughness plays an important role in mould manufacturing as it decides on the time and ultimately cost. The effect of current, voltage, and jump speed to surface roughness are investigated through the use of Orthogonal Array Method. It is found that through orthogonal array method, the current parameter contributes significant effect on the surface roughness as compared to other EDM parameter studied with 8.8% error from the theoretical value.

Keywords: *Surface Roughness, Electrical Discharge Machining (EDM), Orthogonal Array Method*

1.0 Introduction

Electrical Discharge Machining (EDM) is one of the earliest non-traditional machining processes. It is based on thermoelectric energy between the workpiece and an electrode. Various types of products, such as molds and dies can be produced through EDM. During EDM process, large amount of heat is generated, which affects the surface characteristics of the metals. However, this phenomenon is unavoidable during EDM of metals, and some technical problems remain unsolved in the area of surface integrity of the machined workpiece. EDM is also used to shape hard metals and form deep and complex-shaped holes by electro-erosion in all types of electro-conductive materials (Ghrib, et al., 2009). As a consequences, surface finish and integrity are two different facets of the cavity quality, but both play an important part in the characteristics of the mold insert.

In EDM process, the performance is determined by material removal rate (MRR), electrode wear, surface roughness, surface quality and dimensional accuracy. A series of investigations has been conducted to study the surface quality, MRR, electrode wear rate, and dimensional accuracy of mold steels in EDM. The effect of the machining parameters on MRR, relative wear ratio, and surface roughness in EDM of tungsten carbide had been studied using different electrode materials and concluded that copper yields the better results than brass (Soni & Chakraverti, 1995). It is also understood that the copper electrodes have a minimal wear rate and provide the smallest roughness values.

Surface roughness (*Ra*) is a significant parameter that is being used comprehensively in the manufacturing system especially in the injection molding industry. Therefore, characterization, prediction, and modeling of quality of EDM mold inserts surface roughness play a vital role to determine the quality of the finished plastic products. Machined components that have good surface roughness, improves the fatigue strength, wear resistance and corrosion resistance of the surface. *Ra* depends on different EDM machining parameters and its prediction and control is a must for any machinist.

2.0 Theoretical Framework

The main objective of this research is to evaluate the quality of the surface roughness through different parameter and to find the significant EDM parameter that influences the surface roughness, *Ra*, using the orthogonal array method to the mold insert. The schematic flow of the overall research is shown in Figure 1.



Figure 1: Schematic Flowchart of the Overall Research

The experimental setup of the research is shown in Table 1 and Table 2 respectively. This research is conducted according to the orthogonal array layout. Eight (8) experiments or trials will be carried out throughout the research. Table 2 shows the level of process parameters that are used in the research.

Table 1: Level of Process Parameter for Copper Electrode

Parameter	Low	High	Unit
Current (IP)	2.5	7.3	A
Voltage (Volt)	21	22	V
Jump Speed (JS)	10	20	m/min

Table 2: Orthogonal Array Table

Trial#	A	B	C	AB	AC	BC	ABC	Response
1	-	-	-	+	+	+	-	
2	+	-	-	-	-	+	+	
3	-	+	-	-	+	-	+	
4	+	+	-	+	-	-	-	
5	-	-	+	+	-	-	+	
6	+	-	+	-	+	-	-	
7	-	+	+	-	-	+	-	
8	+	+	+	+	+	+	+	
Average of (+)								
Average of (-)								

Table 3: Orthogonal Array Table for Experiment

Trial#	IP	V	JS	Response
1	2.5	21	10	
2	7.3	21	10	
3	2.5	22	10	
4	7.3	22	10	
5	2.5	21	20	
6	7.3	21	20	
7	2.5	22	20	
8	7.3	22	20	

Copper is used as the EDM electrode because it is an excellent thermal conductor and used for fine surface finish (Gopalakannan & Senthilvelan, 2012). The present research examines the effects of the intensity of discharge current of electrodes on surface roughness in the ASSAB 718 (AISI P20) pre-hardened mold steel for plastic injection mold insert. The mold insert material is 80 x 100 x 25 mm in dimensions.

The EDM machine used in this research is Mitsubishi EX-30 Electrical Discharge Machine. Table 4 shows the condition parameters used in this entire research and kept constant.

Table 4: Machine condition parameters

EDM Parameter	Condition
Electrode polarity	Positive
Work material polarity	Negative
Machining mode	Standard
Di-electric fluid	Kerosene
Pulse duration (µsec)	1.6

The parameters that are used is Current (IP), voltage (Volt) and jump speed (JS). A rectangular copper electrode is used to erode a workpiece with a 25 mm thickness. Kerosene is used as the dielectric fluid to separate both the workpiece and the electrode. Table 1 shows the machine parameters.

For surface roughness evaluation, the Mitutoyo SJ210 is used. An evaluation length of 0.25 mm is used with the stylus speed of 0.1 mm/s is used throughout the measurement. In this research, the arithmetic mean surface roughness (Ra) is used as a desired measurement values. The measured values are in µm.

3.0 Results and discussions

The surface roughness of the workpiece is measured using a portable surface roughness tester Mitutoyo SJ210. Table 5 shows the results after the experiment.

Table 5: Surface Roughness (*Ra*)

Trial #	Current (IP) (Ampere)	Voltage (Volt)	Jump Speed (JS) (m/min)	Average (Ra) µm
1	2.5	21	10	2.52
2	7.3	21	10	8.36
3	2.5	22	10	2.68
4	7.3	22	10	7.49
5	2.5	21	20	3.81
6	7.3	21	20	5.64
7	2.5	22	20	3.04
8	7.3	22	20	6.78

The average *Ra* in Table 5 is used in Statistical Software Minitab 16 for analysis. Figure 2 shows the normal probability plot of the effects which includes Current (IP), Voltage (V) and Jump Speed (JS). Active effects are effects that are significant or important to the experiment. In the normal probability plot, points that do not fall on the line indicates important effects, whereas important effects fall farther away from the fitted line. From Figure 2, it is clear that the significant factor is A which is current (IP). Insignificant effects tends to be small and concentrated near zero.



Figure 2: Normal Probability Plot of the Effects *Ra*

The main effects of individual process parameter is experimentally analyzed and shown in Figure 2. It indicates that Current (IP) is the best level setting that influences the surface roughness. A main effect occurs when the mean response changes across the level of a factor. Notice the plots (Figure 2), the main effects of V and JS are much smaller compared to IP.



Figure 3: Mean Effects Plot (mean) for *Ra*

A Pareto chart is used to help in determining the active effects. Effects that extends past the reference line is considered as important. Figure 4 clearly indicates that the current (IP) is the most significant factor that influenced the surface roughness.



Figure 4: Pareto Chart of the Effects

Figure 5 shows the three-factor cube plot with a response variable. The cube plot shows the relationship between the factors and viewing the factor with response. Table 6 is the summary of the cube plot.



Figure 5: Cube Plot (data means) for *Ra*

Table 6: Summary of Cube Plot in Relations to Current (IP) and Surface Roughness

Surface Roughness (*Ra*) µm	Current (IP)	Voltage (Volt)	Jump Speed (JS)
2.52	2.5	21	10
8.36	7.3	21	10

Table 7 shows the Analysis of variance (ANOVA) balanced for Ra and Current (IP). The model satisfactorily explains the total variance in Current (IP) parameter and it is also reasonably a good fit (R^2 = 86.90%; R^2 adj. = 84.71%).

Table 7: ANOVA for *Ra* and Current (IP)

Analysis of Variance for Average Ra

Source	DF	SS	MS	F	P
Current (IP)					
	1	32.886	32.886	39.79	0.001
Error	6	4.959	0.827		
Total	7	37.845			

S = 0.909153 R-Sq = 86.90% R-Sq(adj) = 84.71%

Table 8: Estimated Coefficients

Estimated Coefficients for Ra using data in uncoded units

Term	Coef
Constant	0.900521
Current (IP)	0.744792

Through mathematical models, the coefficient is used to estimate the linear regression equation. From Minitab tabular output of the non-replicated experiment, the equation can be created as follows:-

Equation 1

$$\text{Surface roughness} = 0.900521 + 0.844792 \times \text{IP}$$

From the data, it is found that the current (IP) influenced the surface roughness. The value of *Ra* increased with the increasing of IP through the copper electrode. Poor surface roughness is due to the high material removal rate due to high current thus creating deep large and deep crater on the machine surface (Gopalakannan & Senthilvelan, 2012).

From Equation 1, it can be estimated that the surface roughness is as follows (Table 9).

Table 9: Sample Calculation based on Equation 1

Current (IP)	**Calculation**	Verdict
2.5A	$\text{Surface roughness} = 0.900521 + 0.744792 \times \text{IP}$ $\text{Surface roughness} = 0.900521 + 0.744792 \times 2.5$ $\text{Surface roughness} = 2.762501\ \mu\text{m}$	Low
7.3 A	$\text{Surface roughness} = 0.900521 + 0.744792 \times \text{IP}$ $\text{Surface roughness} = 0.900521 + 0.744792 \times 7.3$ $\text{Surface roughness} = 6.486461\ \mu\text{m}$	High

The above results clearly indicates that IP is the significant factor that influenced the mold insert surface roughness. At higher current, the impact of discharge on the mold insert surface became more intense and leads to the deterioration of the surface roughness (Kiyak & Çakır, 2007).

Conclusions

The current studies develops the surface roughness *Ra* model for the parameters of current intensity, electrode type and workpiece material for an EDM process using the orthogonal array method. The experimental results can be used in industry to select the most suitable parameter combination for obtaining required surface roughness values for products.

It is found that current intensity has significant effects on surface roughness *Ra*. Confirmation runs are performed to check the adequacy of the developed model. The predicted and measured values from confirmation runs are compared by checking the variation in the percentage error.

The variation in percentage errors for *Ra* were found within 8.8%. It can be concluded that the models are valid and can be used to predict the machining responses within the experimental region. This experimental research leads to the following main conclusions:

- The mathematical model, which precisely determines surface roughness, is a tool for cutting parameters and has been obtained by the experimental design method. It enables a high quality range in analyzing experiments and achieving optimal exact values
- The surface roughness equation shows that the current intensity is the main influencing factor on roughness
- The surface roughness contours are useful in determining the optimum cutting conditions.

References

[1] Ghrib, T., Salem, B. S. & Noureddine, Y., 2009. EDM effects on the thermal properties of 36NiCrMo16 steel. *EDM effects on the thermal properties of 36NiCrMo16 steel, Tribology International,* 42(3), pp. 391-396.

[2] Gopalakannan, S. & Senthilvelan, T., 2012. Effect of electrode materials on electric discharge machining of 316L and 17-4 PH stainless steel. *Journal of Minerals and Materials Characterization and Engineering,* Volume 11, pp. 685-690.

[3] Kiyak, M. & Çakır, O., 2007. Examination of machining parameters on surface roughness in EDM of tool steel. *Journal of Materials Processing Technology,* 191(1-3), pp. 141-144.

[4] Lee, S. & Li, X., 2003. Study of the surface integrity of the machined workpiece in the EDM of tungsten carbide. *Journal of Materials Processing Technology,* Volume 139, pp. 315-321.

[5] Soni, J. & Chakraverti, G., 1995. Effect of Electrode Mate-rial Properties on Surface Roughness and Dimensional Accuracy in Electric-Discharge Machining of High Car-bon High Chromium Die Steel. *Journal of Industrial and Engineering,* Volume 76, pp. 46-55.

KATEGORI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PERCETAKAN / BUKAN LOGAM / HAL EHWAL LATIHAN KEMAHIRAN

O1: Pelaksanaan *Welding Qualification Test (WQT)* di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia(ILJTM)

Wan Shaiful Hasrizam Wan Muda[1], Shamsudin Hamzah[2,], Ab Rahman Mohd Said[3], Kamal Abu @ Ahmad[4], Abd Rahim Tahir[5], Mior Md Salleh Mior Yusoff[6] dan Waji Risman[7]

[1,2]*InstitutLatihanPerindustrian Kuantan*
[3]*Institut Latihan Perindustrian Selandar*
[4]*Ibu Pejabat, Jabatan Tenaga Manusia*
[5]*Pusat Latihan Teknologi Tinggi Batu Pahat*
[6]*Pusat Latihan Teknologi Tinggi Shah Alam*
[7]*Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur*

[1]*wanshaiful@jtm.gov.my* , [3]*p.ilpselandar@mohr.gov.my*, [4]*kamalabu@mohr.gov.my* , [6]*mior@jtm.gov.my*, [7]*wajirisman@gmail.com*

Abstrak

Kertas ini menjelaskan sistem pentauliahan professional yang dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Manusia (JTM) bagi pelajar-pelajar semester akhir bidang kimpalan dalam melahirkan jurukimpal bertauliah. Berdasarkan Statistik RMK 9 yang telah dikeluarkan oleh JTM, secara puratanya JTM telah mengeluarkan seramai 674 jurukimpal setahun bermula daripada 2006 sehingga 2010. Namun begitu, ianya masih belum mampu menampung jumlah keperluan pasaran kerja yang memerlukan jurukimpal yang mepunyai tahap kemahiran tinggi dan bertauliah. Sistem pentauliahan yang digunakan ketika ini adalah tidak mencukupi dalam mencerminkan kemahiran sebenar jurukimpal yang dihasilkan kerana tidak melaksanakan apa yang dipraktikkan oleh industri iaitu melalui Welding Qualification Test (WQT). Bermula pada sesi 2/2012, JTM telah melaksanakan WQT kepada pelajar-pelajar semester akhir bidang kimpalan mengikut kod & piawaian antarabangsa sebagai tambahan kepada persijilan sedia ada. Pelaksanaan WQT ini merupakan satu usaha inovasi dan trasnformasi latihan kemahiran yang dilakukan oleh JTM. Ianya juga telah menjadikan JTM sebagai pelopor kepada pelaksanaan WQT secara menyeluruh dan sistematik di institut latihan kemahiran awam (ILKA). Terdapat tujuh welding procedure specification (WPS) yang terdiri daripada pelbagai proses, kedudukan dan kod rujukan telah dibangunkan oleh JTM bagi melaksanakan WQT ini. Sehingga 12 Ogos 2015, JTM telah mengeluarkan 800 jurukimpal bertauliah yang mana masing-masing terdiri daripada 496 jurukimpal (6G-SMAW), 192 jurukimpal (3G-SMAW), 57 jurukimpal (6G-GTAW) dan 55 jurukimpal (6G-GTAW-SMAW). Mengikut rekod, jumlah ini merupakan 43 peratus daripada keluaran sebenar pelajar bidang kimpalan JTM sejak WQT mula dilaksanakan.

Kata kunci: *Welding Qualification Test (WQT), Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Pemeriksa Kimpalan (WI), Jurukimpal bertauliah*

1.0 Pengenalan

Bidang Kimpalan merupakan satu bidang yang amat popular dan sering saja menjadi pilihan para remaja lepasan sekolah untuk mengikuti program latihan kemahiran. JTM telah menawarkan program kemahiran di dalam bidang ini sejak awal penubuhannya lagi dan sehingga kini terdapat 19 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) di seluruh negara yang telah menjalankan program latihan di dalam bidang kimpalan.

Pada masa ini, pelajar-pelajar lepasan ILJTM akan dianugerahkan Sijil Juruteknik Perindustrian serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 bagi mereka yang mengikuti latihan di Institut Latihan Perindustrian (ILP), dan Diploma Teknologi serta Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) bagi mereka yang mengikuti latihan di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC). Berdasarkan Statistik RMK 9 yang telah dikeluarkan oleh JTM, secara puratanya JTM telah mengeluarkan seramai 674 jurukimpal setahun bermula daripada 2006 sehingaa 2010 sepertimana yang dinyatakan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Statistik keluaran jurukimpal oleh JTM 2006 – 2010 [1]

KOD	KURSUS	ENROLMEN				
		2006	2007	2008	2009	2010
	BIDANG MEKANIKAL DAN PENGELUARAN					
A01	Mekanik Industri	596	526	544	631	368
A02	Pemesinan Am	438	340	281	422	276
A03	Pemesinan CNC	354	264	306	291	214
A04	Pembuat Acuan dan Alat Pemotong	132	115	110	137	113
A05	Pembuat Acuan Pembentuk	121	88	69	87	46
A06	Teknologi Foundri	55	38	36	16	13
A08	Kimpalan Arka dan Gas	683	617	708	836	527
A09	Fabrikasi Logam	274	226	257	339	269
A10	Pemasangan Paip Gas	142	126	250	244	177
A11	Automotif	434	430	413	548	210
A12	Rekabentuk Produk Industri	126	116	172	87	203
A13	Kenderaan Perdagangan Berat	89	92	82	104	41
A14	Kejuruteraan Jaminan Mutu	35	42	30	14	21
A15	CADD Mekanikal	146	169	178	241	161
	JUMLAH	3,625	3,189	3,436	3,997	2,639
	BIDANG AVIATION					
B12	Avionic	-	-	23	22	33
A16	Mechanical	-	-	97	97	82
	JUMLAH	-	-	120	119	115

Walaupun jumlah jurukimpal yang dikeluarkan adalah ramai namun ianya masih belum mampu menampung jumlah keperluaan pasaran kerja yang memerlukan jurukimpal berkemahiran tinggi. Sistem pentauliahan yang digunakan pada ketika ini tidak mencerminkan kemahiran sebenar jurukimpal yang dihasilkan kerana tidak menlaksanakan apa yang dipraktikkan oleh industri iaitu melalui WQT.

Pada ketika ini, hanya Akademi Binaan Malaysia (ABM) yang telah mempraktikan WQT secara rasmi bagi menentukan tahap kemahiran pelajar-pelajar mereka melalui kerjasama mereka dengan The Weding Institute (TWI) dengan mengeluarkan persijilan CSWIP. ABM menawarkan kursus kimpalan kepada belia-belia lepasan sekolah dan juga personel-personel yang terlibat dalam industri pembinaan. Bagi institut kemahiran awam yang lain seperti ILJTM, Institut Kemahiran Mara (IKM) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) tiada perlaksanaan secara rasmi serta menyeluruh untuk WQT. Sebagai contoh, ILJTM telah bekerjsama dengan pihak industri iaitu Malaysia Marine & Heavy Engineering (MMHE) dan hanya menjalankan WQT bagi pelajar-pelajar yang telah tamat latihan untuk diserapkan bekerja di MMHE. Selain itu terdapat juga inisiatif yang dilakukan sendiri oleh pengajar-pengajar institut kemahiran dalam melaksanakan WQT bersama industri dan termasuk juga mendaftarkan pelajar-pelajar mereka bagi mengikuti latihan personel binaan yang dikelolakan oleh ABM.

Antara persijilan jurukimpal bertauliah yang diadakan di Malaysia adalah:

a. AWS Certified Welder
   Dilaksanakan oleh SIRIM dengan kerjasama dengan American Welding Society (AWS).

b. CSWIP Certified Welder Dilaksanakan oleh TWI.

c. Common Welder Certification Scheme
   Dilaksanakan oleh Institut Bahan Malaysia (IMM) dengan kerjasama Asian Welding Federation (AWF).

Oleh itu, perlaksanaan WQT perlulah diterapkan secara menyeluruh ke dalam sistem pembelajaran tanpa meminggirkan sistem sedia ada bagi melahirkan jurukimpal bertauliah seiring dengan keperluan industri.

Sistem Pembelajaran Bidang Kimpalan Di ILJTM Sebelum Pelaksanaan WQT

Pembelajaran di ILJTM dalah berteraskan kepada *National Occupational Skill Standard* (NOSS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Sistem pembelajaran di ILJTM adalah berteraskan 70 peratus amali serta 30 peratus teori pada peringkat sijil dan 60 peratus amali serta 40 peratus teori bagi peringkat diploma. Sepanjang latihan pelajar akan sentiasa dinilai tahap kemahiran serta pengetahuan mereka melalui tugasan ataupun ujian amali dan teori. Pada akhir semester penilaian pengetahuan dan kemahiran ditentukan melalui peperiksaan akhir yang dijalankan serentak di seluruh ILJTM. Peperiksaan akhir dipantau oleh Pegawai Pengesah Luaran (PPL) yang dilantik oleh JPK. Walaubagaimanapun, bermula pada 2014 JTM telah diberikan kelulusan khas oleh JPK untuk pelaksanaan penilaian kendiri. Pelajar yang berjaya akan dianugerahkan dengan sijil / diploma kemahiran dan sijil / diploma teknologi yang mana masing-masing dikeluarkan oleh JTM dan JPK.

Gambaran pelaksanaan sistem pembelajaran bidang kimpalan di ILJTM sebelum pelaksanaan WQT adalah seperti rajah 1.

Rajah 1: Sistem pembelajaran bidang kimpalan di ILJTM sebelum pelaksanaan WQT.

Sistem Pembelajaran Bidang Kimpalan Di ILJTM Selepas Pelaksanaan WQT

Pelaksanaan WQT yang dilaksanakan di ILJTM tidak menganggu sistem latihan sedia ada. Ianya ditambah baik dengan memasukkan elemen WPS sebenar di dalam pembelajaran teori dan amali. WPS ini dijadikan sebagai rujukan untuk mengimpal projek / spesimen latihan amali. WQT dilaksanakan serentak dengan peperiksaan akhir amali. Oleh itu, ianya tidak menganggu takwim latihan ILJTM. *Welding Inspector* (WI) yang mempunyai kelayakan CSWIP 3.1 ditugaskan memantau pelaksanaan WQT ini. Pada masa yang sama juga WI juga telah diberikan kuasa sebagai Pegawai Pengesah Luaran (PPL) untuk menilai projek ujian amali yang lain. Spesimen WQT yang melepasi ujian pandangan akan dihantar untuk ujian radiografi. Pelajar yang melepasi ujian pandangan dan ujian radiografi akan dianugerahkan dengan persijilan WQT dan diiktiraf sebagai jurukimpal bertauliah.

Melalui pelaksanaan WQT ini, keluaran pelajar kimpalan ILJTM yang berkemahiran tinggi dapat dikenalpasti. Pelajar yang mempunyai sijil / diploma kemahiran atau sijil / diploma teknologi dapat dikategorikan sebagai pelajar yang mempunyai pengetahuan serta kemahiran teori dan amali dalam kimpalan. Manakala pelajar yang mempunyai sijil tambahan iaitu sijil jurukimpal bertauliah ianya dikategorikan sebagai pelajar yang berkemahiran tinggi.

Gambaran pelaksanaan sistem pembelajaran bidang kimpalan di ILJTM selepas pelaksanaan WQT adalah seperti rajah 2.



Rajah 2: Sistem pembelajaran bidang kimpalan di ILJTM selepas pelaksanaan WQT

Penggunaan WPS Dalam Latihan Di ILJTM

Sehingga 25 September 2014, JTM telah membangunkan tujuh WPS yang merujuk kepada pelbagai kod dan piawaian bagi digunakan dalam latihan dan WQT. Jadual 2 menunjukkan WPS yang telah digunakan di ILJTM dalam latihan kimpalan. Pembangunan WPS ini telah mengambil kira keperluan kod dan piawaian antarabangsa dalam mentauliah jurukimpal. Sebagai contoh, menurut garis panduan yang ditetapkan oleh ASME IX: 2013 [2] melalui petikan *QW-103.1 Welding* ianya menyatakan jelas bahawa setiap organisasi mestilah melaksanakan ujian yang diperlukan dalam seksyen ini untuk mengesahkan prosedur kimpalan yang digunakan dalam menjalankan kerja-kerja kimpalan, prestasi jurukimpal dan operator kimpalan yang menggunakan prosedur ini.

Sehingga kini, empat WPS yang dibangunkan pada 4 Ogos 2011 telah dijadikan rujukan sepenuhnya oleh pengajar dan pelajar dalam latihan kemahiran. Keempat-empat WPS ini juga telah merekodkan calon yang menduduki ujian WQT. WPS/JTM/SMAW-001 merupakan elemen utama dalam latihan kemahiran di ILJTM. Pihak JTM juga telah menetapkan setiap pelajar semester akhir wajib menduduki WQT yang melibatkan WPS ini. WPS ini juga dijadikan sebagai tanda aras kepada kualiti sebenar pelajar kimpalan keluaran JTM. Manakala tiga WPS yang dibangunkan pada 25 September 2014 masih belum mempunyai calon yang menduduki WQT. Ianya dijangka akan mula menerima calon pada sesi 1/2016.

Jadual 2: WPS yang dibangunkan oleh JTM Welding Inspector (WI)

NO	NO. WPS	PROSES	BAHAN	KEDUDUKAN	KOD RUJUKAN	TARIKH DIBANGUNKAN
1	WPS/JTM/SMAW-001	SMAW	CARBON STEEL PIPE 6" SCH. 80	6G	ASME IX	4 OGOS 2011
2	WPS/JTM/SMAW-002	SMAW	CARBON STEEL PLATE 9mm	3G	ASME IX	4 OGOS 2011
3	WPS/JTM/GTAW-003	GTAW	CARBON STEEL PIPE 2" SCH. 40	6G	ASME IX	4 OGOS 2011
4	WPS/JTM/GTAW-SMAW-004	GTAW-SMAW	CARBON STEEL PIPE 8" SCH. 80	6G	ASME IX	4 OGOS 2011
5	WPS/JTM/SMAW-005	SMAW	CARBON STEEL PIPE 8" SCH. 80 & 120	6GR	AWS D1.1	25 SEPTEMBER 2014
6	WPS/JTM/FCAW-006	FCAW	CARBON STEEL PLATE 12mm	3G	BSEN 15607 & ISO 15609	25 SEPTEMBER 2014
7	WPS/JTM/GTAW-007	GTAW	STAINLESS STEEL PIPE 2" SCH. 80	6G	ASME IX	25 SEPTEMBER 2014

WI merupakan tunjang kepada proses pelaksanaan WQT ini. Mereka berperanan untuk memantau proses WQT dan melakukan ujian pandangan. WI tertakluk kepada kod dan piawaian yang digunakan. JTM telah menetapkan syarat bahawa hanya pengajar yang mempunyai kelayakan CSWIP 3.1 dan CSWIP 3.2 sahaja akan bertugas sebagai WI. Pelaksanaan ini mengambil kira kepada amalan yang dilakukan di industri. Ianya juga bertujuan menjaga kualiti jurukimpal yang dikeluarkan.

Setakat ini, JTM telah mempunyai seramai 28 orang pengajar yang mempunyai kelayakan CSWIP 3.1 dan 3 orang pengajar yang mempunyai kelayakan CSWIP 3.2. Kesemua mereka ini telah dilantik sebagai WI dan bertugas mengikut jadual yang dikeluarkan oleh JTM. Penjadualan WI mengambil kira faktor institut asal WI tersebut. WI tidak dibenarkan bertugas di institut asal bagi mengelakkan konflik kepentingan.

2.0 Prosedur Pelaksanaan WQT

JTM telah membangunkan prosedur yang menggariskan proses-proses kerja untuk WQT di ILJTM. Prosedur ini digunapakai untuk melaksanakan WQT di ILJTM bagi memenuhi kehendak pelanggan. Prosedur ini melibatkan beberapa pihak iaitu ILJTM, Bahagian Kawalan Teknikal (BKT) JTM, Jawantakuasa Kepakaran Kimpalan (JKK) dan WI. Rajah 3 menunjukkan carta alir prosedur pelaksanaan WQT di JTM.

BKT akan mengeluarkan memo kepada ILTJM bagi mengemukakan nama-nama calon yang terlibat dengan WQT. ILJTM akan menghantar senarai calon yang telibat menggunakan Borang Pendaftaran JTM/WQT/1 dan Ringkasan Pendaftaran JTM/WQT/2. Penjadualan WI yang bertugas dilaksanakan oleh BKT dan surat arahan bertugas diedarkan kepada WI dan ILJTM berkenaan selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh ujian. WI yang bertugas dikehendakai memberi taklimat kepada calon sebelum ujian, mengawasi perjalanan ujian dan membuat pemeriksaan ujian pandangan ke atas spesimen yang telah disiapkan. WI juga dikehendaki merekod segala penemuan semasa penyaksian dan pemeriksaan WQT ke dalam Senarai Semak WQT (JTM/WQT/3) dan Laporan Ujian Pandangan (JTM/WQT/4).

Spesimen yang lulus ujian pandangan akan dilakukan ujian radiografi. Kesemua keputusan ujian pandangan dan radiografi direkod ke dalam borang Ringkasan Laporan WQT (JTM/WQT/5). Mesyuarat bagi mengesahkan keputusan WQT dilakukan oleh JKK dan laporan keputusan rasmi dihantar kepada BKT. Keputusan ujian kelayakan jurukimpal (WQT) beserta Sijil dan Kad WQT diedarkan ke ILJTM selewat-lewatnya 2 bulan selepas tarikh ujian.

Rajah 3: Carta alir prosedur pelaksanaan WQT di JTM.



3.0 Pencapaian Pelajar Dalam WQT

Seramai 1,850 pelajar telah menduduki ujian WQT sejak ianya mula dilaksanakan pada sesi 2/2012. Namun begitu hanya 800 pelajar telah berjaya dan diktiraf sebagai jurukimpal bertauliah. Peratus kelulusan keseluruhan adalah sebanyak 43 peratus. Ianya boleh dikategorikan sebagai sederhana. JTM telah mensasarkan 50 peratus sebagai tanda aras kepada pelaksanaan WQT ini. Rajah 4 menunjukkan prestasi pelajar ILJTM secara keseluruhan dalam WQT. Pada peringkat awal pelaksanaan kelulusan hanyalah berada di antara 36 hingga 38 peratus. Pada sesi 1/2014 kelulusan yang tertinggi telah berjaya direkodkan iaitu 50 peratus. Walaubagaimanapun, kelulusan ini merosot pada sesi 2/2014 dan menunjukkan sedikit peningkatan pada sesi 1/2015.



	Sesi 2-2012	Sesi 1-2013	Sesi 2-2013	Sesi 1-2014	Sesi 2-2014	Sesi 1-2015
Jumlah Calon	305	235	240	348	278	444
Peratus Kelulusan WQT	36	34	38	50	43	44

Rajah 4: Prestasi pelajar ILJTM secara keseluruhan dalam WQT

Manakala rajah 5 pula menunjukkan kelulusan pelajar mengikut pecahan proses, kedudukan dan WPS yang diambil dalam pelaksanaan WQT.



	6G SMAW	3G SMAW	6G GTAW	6G GTAW / SMAW
SESI 2/2012	38	33		63
SESI 1/2013	32	56	100	14
SESI 2/2013	24	39	53	20
SESI 1/2014	22	44	94	85
SESI 2/2014	33	62	86	47
SESI 1/2015	43	47	63	100

Rajah 5: Peratus kelulusan pelajar ILJTM mengikut pecahan proses, kedudukan dan WPS

Fokus utama pelaksanaan WQT di ILJTM adalah untuk memastikan setiap pelajar semester akhir berjaya dalam WQT yang menggunakan WPSWPS/JTM/SMAW-001 (6G SMAW). Ini kerana teras latihan kemahiran kimpalan di ILJTM adalah bersandarkan proses SMAW. Jika diperhatikan kelulusan yang direkodkan oleh pelajar yang menduduki proses 6G SMAW ianya bermula dengan sederhana pada peringkat permulaan dan terus menunjukkan kemerosotan sehingga ke sesi 1/2014. Peningkatan mula ditunjukkan pada sesi 2/2014 iaitu sebanyak 33 peratus dan seterusnya 43 peratus bagi sesi 1/2015. Peningkatan ini berkemungkinan berkait rapat dengan usaha yang telah dilakukan oleh JKK dalam menangani permasalahan ini. Antara usaha yang dilakukan adalah mengadakan kursus peningkatan kemahiran pengajar, membuat lawatan ke institut yang mengalami peratus kelulusan yang rendah dan menggalakkan pengajar menduduki ujian WQT.

Jadual 3 pula menunjukkan pencapaian pelajar semester akhir WQT 6G SMAW mengikut ILJTM. Berdasarkan jadual tersebut bilangan calon dan peratus kelulusan bagi setiap sesi tidak begitu konsisten. Namun begitu, ILP Kuala Lumpur, Bukit Katil, Labuan, Ledang, Mersing, Kuantan dan Labuan boleh dikatakan sebagai ILJTM yang menunjukkan prestasi yang cemerlang.

Jadual 3: Pencapaian pelajar semester akhir ILJTM dalam WQT 6G SMAW

ILJTM	SESI											
	2/2012		**1/2013**		**2/2013**		**1/2014**		**2/2014**		**1/2015**	
	Bil. Calon	**% Lulus**	**Bil. Calon**	**% Lulus**	**Bil. Calon**	**% Lulus**	**Bil. Calon**	**% Lulus**	**Bil. Calon**	**% Lulus**	**Bil. Calon**	**% Lulus**
JITRA	-	-	16	31	12	25	14	0	3	0	13	54
PRAI	-	-	-	-	-	-	17	0	9	0	12	8
IPOH	-	-	-	-	-	-	13	62	15	13	29	24
K. LUMPUR	9	100	21	29	10	20	12	83	-	-	16	69
S. ALAM	23	26	17	0	12	0	14	7	14	14	22	9
PEDAS	-	-	-	-	-	-	1	0	18	11	22	9
B. KATIL	17	47	29	62	14	56	18	50	11	82	15	67
LEDANG	13	38	22	14	17	6	14	50	17	29	29	48
B. PAHAT	28	21	21	5	-	-	30	30	6	67	32	53
P. GUDANG	-	-	-	-	-	-	14	100	15	47	17	47
MERSING	17	59	24	58	11	9	16	44	14	21	30	87
KUANTAN	2	100	-	-	24	63	14	71	8	38	9	33
K. BAHRU	10	10	15	20	-	-	14	64	6	33	12	42
K. SAMARAHAN	-	-	9	0	15	40	17	29	-	-	24	13
LABUAN	9	89	7	100	15	67	5	100	-	-	1	100
SANDAKAN	18	6	-	-	6	33	18	28	10	30	13	23

Statistik Jurukimpal Bertauliah JTM

Pelaksanaan WQT telah melahirkan jurukimpal bertauliah keluaran JTM. Sehingga 12 Ogos 2015, JTM telah mengeluarkan 800 jurukimpal bertauliah yang mana masing-masing terdiri daripada 496 jurukimpal (6G-SMAW), 192 jurukimpal (3G-SMAW), 57 jurukimpal (6G-GTAW) dan 55 jurukimpal (6G-GTAW-SMAW). Mengikut rekod, jumlah ini merupakan 43 peratus daripada keluaran sebenar pelajar bidang kimpalan JTM sejak WQT mula dilaksanakan.

Rajah 6 menunjukkan pecahan jurukimpal bertauliah yang telah dilahirkan melaui program WQT ini.



	6G SMAW	3G SMAW	6G GTAW	6G GTAW / SMAW
SESI 2/2012	56	49	0	12
SESI 1/2013	58	18	1	5
SESI 2/2013	66	20	17	3
SESI 1/2014	112	29	15	22
SESI 2/2014	61	31	19	9
SESI 1/2015	143	45	5	4
JUMLAH	496	192	57	55

Rajah 6: Pecahan jurukimpal bertauliah yang telah dilahirkan melaui program WQT

Selain daripada calon dalaman ILJTM, program WQT ini turut diikuti oleh calon luar daripada ILJTM. Melalui program latihan kemahiran secara separuh masa, terdapat beberapa syarikat luar yang telah berminat menduduki ujian WQT JTM. Antara syarikat yang terlibat adalah Akar Indah Sdn. Bhd. yang mengikuti program di ADTEC Shah Alam. Manakala Jabatan Penjara Malaysia dan Perodua (M) Sdn. Bhd. pula telah mengikuti program ini di ILP Kuala Lumpur.

Jumlah keseluruhan calon luar yang terlibat sehingga kini adalah seramai 16 orang. Manakala, jumlah jurukimpal bertauliah yang dikeluarkan bagi calon luar adalah seramai 8 orang. Peratus kelulusan yang direkodkan adalah sebanyak 50 peratus.

4.0 Kesimpulan

Secara umumnya pelaksanaan WQT telah berjaya meningkatkan kualiti latihan bidang kimpalan di ILJTM. Manakala secara khususnya pula, ianya telah memberi impak yang positif kepada pengajar, pelajar dan industri. Melalui WQT pengajar akan lebih bersedia untuk melaksanakan latihan kemahiran kerana pematuhan kepada WPS yang dibangunkan merupakan perkara utama yang perlu dititikberatkan.

Oleh itu, pengajar akan memastikan diri mereka mempraktikkan dahulu saranan WPS sebelum melakukan pengajaran. Pelajar yang menduduki WQT akan terdedah dengan budaya kerja sebenar di industri. Justeru, pelajar-pelajar ILJTM semsetinya tidak kekok untuk menduduki WQT di industri kerana telah biasa menghadapinya semasa latihan. Manakala bagi industri pula, mereka boleh mengenalpasti dengan mudah pelajar yang berkemahiran tinggi.

Melalui sijil dan kad jurukimpal bertauliah yang dikeluarkan pihak industri boleh mengenalpasti mereka dengan lebih mudah. Selain itu, pihak industri dapat menjimatkan masa untuk melatih semula pelajar-pelajar ini bagi menduduki WQT di industri. Justeru, pelaksanaan WQT di ILJTM merupakan satu usaha inovasi dan trasnformasi latihan kemahiran yang dilakukan oleh JTM bagi melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing.

Rujukan

[1] Jabatan Tenaga Manusia. *Statistik RMK 9 Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia*. Putrajaya. 2012.

[2] American Society of Mechanical Engineers. *Boiler & Pressure Vessel Code*. New York, ASME IX. 2013.

O6: e-JUST (e-JTM Unified Sources Transaction): Manifestasi Terhadap Pusat Sumber dan Multimedia ILJTM

Ismawi Bin Ismail
Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Kemaman

ismawi@jtm.gov.my

Abstrak

Sejumlah besar peruntukan telah disalurkan kepada ILJTM sediada bagi memiliki bahan rujukan di perpustakaan/pusat sumber dan multimedia di kesemua 33 ILJTM seluruh negara. Namun demikian, masih terdapat juga ILJTM yang mempunyai kurang bahan rujukan atas pelbagai faktor yang tidak dapat dielakkan sehingga menyebabkan kurangnya pendedahan pelajar kepada rujukan pembelajaran teras dan umum mahupun diperingkat capaian professional walaupun prasarana komunikasi digital pada keadaan terbaik untuk capaian pelajar. Penyelesaian kepada sumber rujukan dengan kaedah capaian maklumat secara cepat, sah dan mudah akan menjadikan pembelajaran lebih berkesan, persediaan pelajar dan pengajar menjadi mantap, sistem penilaian dan carian maklumat lebih pantas serta rujukan sahih, lengkap dan bermanafaat dapat melengkapkan kitaran pembelajaran efektif. Dalam jangkamasa panjang, e-JUST dapat mempersiapkan semua ILKA/ILKS ke arah pembentukan kampus pembelajaran kemahiran bersifat global serta menguntungkan industri pembelajaran TVET nasional ke peringkat global.

Kata kunci: Penilaian kendiri, pembelajaran berorientasikan pelajar, kitaran pembelajaran efektif

PENGENALAN

Masalah bajet sering menjadi halangan kepada pemerolehan aset buku dan bahan rujukan wujud di mana-mana organisasi menyebabkan pelbagai alternatif digunakan bagi menjadikan pusat sumber/ perpustakaan/multimedia relevan sebagai tempat mendapatkan maklumat yang dicari. Pelajar diajar untuk memanafaatkan pusat sumber/perpustakaan/multimedia sebagai tempat rujukan utama untuk melengkapkan ilmu pengetahuan tambahan selain yang terdapat apada nota penerangan di bilik kuliah.

Selain itu, peranan pusat sumber/perpustakaan/multimedia sepatutnya juga menjadi arkib untuk menyimpan laporan Projek Tahun Akhir (PTA) setelah graduan tamat pembelajaran di institut. Pengakhiran kepada pengumpulan bahan-bahan ilmiah ini mewujudkan masalah ruang penyimpanan kerana terdapat juga perolehan buku-buku baru dan sedia ada sehingga berlaku keciciran atau ketidakendahan kepada hasil kerja graduan yang amat berguna kepada pelajar seterusnya dan juga arkib institut masing-masing. Pernyataan masalah ini juga diburukkan lagi dengan ketidakupayaan institut untuk membuat transaksi semula bahan ilmiah PTA selepas 5 hingga 10 tahun penyimpanan dibuat di pusat sumber/perpustakaan/multimedia.

Melalui kertas pembentangan yang lepas bertajuk " Pengintegrasian Modul Sejarah Kejuruteraan Dalam Kaedah Pembelajaran Vokasional dan Teknik" (*NCET Vol. 1 No. 1, 2011 ms. 429*), pembelajaran dan latihan vokasional perlu juga mengambilkira sejarah pemula (*early history*) setiap fakta/maklumat yang diperolehi agar dapat dijadikan panduan dalam mengecapi pembaharuan baru yang dicadang untuk dihasilkan. Pengwujudan e-JUST menjadi platform bagi pelajar, pendidik, industri dan pihak berkepentingan untuk mengesan (*tracing*) dan menilai semua kesahihan (*verify*), catatan dan pengalaman berguna, catatan permasalahan, misi dan halatuju dan seribu satu macam misi yang semuanya menjurus kepada maksud mencapai darjah kemampanan ilmu yang dipupuk, dipelihara, dipertahan dan diguna semula atas apa jua tujuan dan matlamat bagi jangka masa panjang.

1.0 METHODOLOGI

Di negara maju, pusat sumber/multimedia/perpustakaan bukan saja tempat mengkatalog, klasifikasi dan disusun buku-buku secara kemas di atas rak, bahkan dijadikan isi kandungan buku-buku yang dapat dijadikan transaksi oleh individu secara atas talian (internet-based) atau tidak (intranet) yang mana bersesuaian terhadap topik-topik yang ingin dirujuk samada bercorak umum ataupun yang telah disenarai pendek melalui pengkelasan topik.



Rajah 1: Contoh penggunaan Data Mining menggunakan laman sesawang

Apa yang diperkatakan sebagai Perlombongan Data atau *Data Mining* adalah merujuk kepada “satu proses analisis yang direka untuk meneroka data (biasanya bersaiz besar - di cabang perniagaan atau berkaitan pasaran - juga dikenali sebagai "data yang besar (*Big Data*) untuk mencari corak yang konsisten dan/atau hubungan sistematik antara pemboleh ubah, dan kemudian memperbaiki data dengan menggunakan pola yang dikesan kepada subset baru data. *Data Mining* sering dianggap sebagai "gabungan statistik, AI (kecerdasan buatan), dan pangkalan data penyelidikan" (*Pregibon, 1997, ms. 8*), yang sehingga baru-baru ini bukanlah lagi diiktiraf sebagai satu bidang yang menarik untuk ahli statistik secara mutlak. Bidang ini muncul sebagai lapangan yang berkembang pesat dan utama (juga dalam statistik) di mana kemajuan teori penting sedang dijalankan (sebagai contoh, Persidangan Antarabangsa bagi Knowledge Discovery dan Data Mining yang dianjurkan oleh Persatuan Statistik Amerika).

